

Handwritten text, possibly a name or title, appearing as "Handwritten text".

Handwritten text, possibly a name or title, appearing as "Handwritten text".

Handwritten text, possibly a name or title, appearing as "Handwritten text".

Handwritten text, possibly a name or title, appearing as "Handwritten text".

Handwritten text, possibly a name or title, appearing as "Handwritten text".

Handwritten text, possibly a name or title, appearing as "Handwritten text".

...jasa terutama sekali kepada penduduk-penduduk tempatan memberi ke-
...ulungkanlah kami di-... lah kami kearah jalan yang benar dan diperbaiki, g

pendahuluan.

Adat secara relatifnya dimaksudkan sebagai suatu kelaziman perlakuan oleh sekumpulan manusia atau apa yang dikatakan masyarakat. Perlakuan ini bukan sahaja dibuat secara berulang-ulang didalam kehidupan masyarakat sebagai proses pemupukannya, tetapi juga diberi pengiktirafan dan penilaian secara bersama. Dengan itu adat itu tadi telah berfungsi sebagai satu alat kawalan sosial yang tujuannya untuk mengujudkan kestabilan dan keteraturan di dalam suatu kelompok masyarakat itu tadi.

Berbagai jenis dan adat yang terdapat di dunia, mengikutlah apa yang biasa diamalkan dan disonangi oleh sesuatu masyarakat itu.

lingkungan anak dan ini memengaruhi kebiasaan orang-orang saat ini dan

pati.

yang selalu berlaku antara masyarakat Adat Perpatih, umumnya dalam adat tersebut yang mengenai kohondak pembahagian yang kontroversial ini sering diper-
-majallah, dan tak kurang juga

menegaskan : Mengikut Adat
as berhubung dengan harta ber-
paduan suku, jadi semua und-
a dibentuk untuk mengekalkan

Pembahagian harta pusaka dalam Adat Per...

Tidak dapat dinafikan kontra yang
rakyat bukan Adat Perpatih terhadap masyarakat
disebabkan oleh pembahagian harta pusaka
mentingkan kaum wanita, bertentangan dengan
telah disyariatkan oleh hukum Islam. Kita
katakan orang di akhbar-akhbar, majallah
didalam seminar-seminar.

Mengenai harta ini Ahmad Ibrahim
Perpatih di Negeri Sembilan prinsip as
dasarkan keturunan yang mewariskan per
ang-undang berkenaan dengan sesuatu hart

tapan dan ketentuan dari Allah yang maha mengetahui dan yang mencipta manusia serta memberi akal dan fikiran untuk memilih perkara yang baik dan diterima di sisi Allah.

Di atas rasa kesedaran inilah penulis cuba memaparkan satu kajian

g sering menimbulkan
masyarakat adat sendiri
kecenderungannya di sisi
tindakan tentang kebajikan
dan berlawanan dengan

penulis telah menumpukan
kepada daerah yang masih
penulis menghuraikan se-
perikan gambaran sejarah

ialah melandarkan wujud-
Agama dalam Adat Perpatih.
dari dua sudut pandangan,
satu pandangan Islam sama-
masalah hukum adat.

temuramah dan temu-
Perpatih di Rembau untuk
Adat Perpatih ini. Dan
daripada bahan-bahan

atau tinjauan ringkas terhadap Adat Perpatih yang
persoalan kepada masyarakat, samaada kepada masyarakat
maupun kepada masyarakat luar adat dari sudut
Allah, kerana sering kedengaran orang memperkat
Adat Perpatih ini seperti adat yang sudah luput
dasar dan ketentuan yang dibuat oleh Islam.

Dalam kajian yang terba ringkas ini, per-
perhatian kepada daerah Rembau sebagai salah satu
teguh terpegang kepada adat. Dalam hal ini per-
jarah Rembau disamping itu penulis berusaha mem-
adat itu sendiri dan kedatangannya ke Rembau.

Tujuan utama penulis memilih kajian ini
nya pertentangan atau ketidakselarasan adat dan
Ini penulis lakukan dengan membuat penilaian di-
dari sudut pandangan adat sendiri dan dari sudut
ada dalam hal pusaka, nikah kahwin dan juga me-

Dikakhir bab ini penulis telah mengadakan
bual dengan beberapa golongan masyarakat Adat
mengetahui apakah pandangan mereka terhadap Ad
penulis juga telah membuat ulasan dan pandangan

bertulis maupun dari hasil temuan i yang telah dilakukan, berdasarkan dari sudut pandangan Islam.

Dari uraian yang sederhana ini penulis berharap dapat memberi kesadaran dan keinsafan kepada masyarakat, khususnya di Sombau supaya memikirkan perkara ini dengan lebih jelas, halus dan mendalam demi untuk kebaikan bersama sebagai umat Islam yang mendapat keredhaan Allah. sesungguhnya orang yang mukmin ialah orang yang patuh kepada hukum Allah dengan hati, lidah dan tindakannya. Semoga kita semua tidak tergolong diantara orang yang patuh kepada Tuhan dengan hati, dan tetapi berlawanan pada amalan dan tindakan.

Labillahi taufik wal hidayah.

Daftar Isi.

Kandungan.	Halaman
Penghargaan	i
Pendahuluan	ii
Daftar isi	v

BAGIAN PERTAMA

Adat Perpatih di Rembau dan Kedudukannya.

Sejarah Rembau secara ringkas	1
Pengertian Adat	10
Kemunculan Adat Perpatih dan kedatangannya ke Rembau	12
Dasar dan Konsep Adat Perpatih dan bagiannya	28

BAGIAN KEDUA

Adat-adat yang menimbulkan persoalan dan penilaian.

Perkahwinan dan konsepnya menurut Adat Perpatih	41
Pandangan Islam terhadapnya	47
Pembahagian harta pusaka dalam Adat Perpatih	59
Pandangan Islam terhadapnya	66
Sikap Islam tentang hukuman adat kerana pelanggaran ter- hadapnya	89

Norhelim Hj Ibrahim
Pensyarah
Jabatan Sains Komaguan
Fakulti Pendidikan
Universiti Pendidikan Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor R. M.

BABAGIAN KETIGA

Adat Perpatih Dan Kemasyarakatan.

Sistem kekeluargaan dan kekerabatan.	95
Pentadbiran dan pengurusan.	107
Kerjasama dan tolong menolong.	119

BABAGIAN KEEMPAT

Ulasan Dan Pandangan

Pandangan masyarakat Mambau terhadap Adat Perpatih.	122
Ulasan sendiri.	130
Penutup.	141
Lampiran.	144
Bibliografi.	145

BAHAGIAN PERTAMA

'ADAT PERPATIH DI REMBAU DAN KEBU UKANNYA'.

Sejarah Rembau secara ringkas.

Asal nama Rembau.

Untuk memberi pendapat yang tepat mengenai asal usul Rembau ini agak rumit. Menurut Abdul Samad Idris nama Rembau kononnya berasal dari sebatang pokok kayu bernama 'Merbau'. Orang-orang asli yang mula-mula menoroka Rembau itu telah turun dari Gunung Rembau (sekarang ini dikenali dengan nama Gunung Datuk). Ketika mereka sampai disekeping tanah rata, iaitu dikampung Kota sekarang ini, mereka dapat disitu ada sebatang pokok kayu Merbau yang luar biasa bentuknya. Melihatkan kepada kenjaiban pokok itu orang-orang Asli tersebut telah berunding mendirikan negeri disitu.¹

Setelah habis hutan ditebang tinggalah pokok Merbau' yang besar itu tegak tinggi pucuknya hilang diawan. Pokok itu akhirnya dapat ditebang dengan bantuan Keramat Gunung Datuk dan Gunung Ledang kononnya. Oleh terlalu besarnya pokok itu, maka ~~dia~~ diatas perapangan tunggul kayu itu boleh disajikan dua belas hidangan nasi.

Adapun tunggul pokok itu masih boleh didapati kean-kosannya lagi dikampung Api2, Mukim Gadung. Menurut kata orang tua-tua penduduk kampung itu, kadang-kadang serpehan tunggul itu masih boleh dijumpai. Mengambil nama,sempena nama pokok itu dinamakanlah daerah itu pada mulanya, Merbau Tua yang lama kolamaan mengikut sedap mulut berubah kepada Rembau.

¹ ABD. Samad Idris, NEGERI SEMBILAN DAN SEJARAHNYA, Penerbit Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968, m.s. 164.

Sejarah Rembau secara ringkas.

Daerah Rembau yang merupakan salah sebuah daripada ^{daerah-daerah} di Negeri Sembilan yang masih lagi berpegang teguh kepada Adat Perpatih mempunyai keistimewaan-keistimewaan yang tersendiri dari segi sejarahnya. Daerah atau Luak Rembau yang luasnya lebih kurang 400 batu persegi mempunyai sejarah yang wajar mendapat kemegahan terutama dari anak tempatan Rembau sendiri lebih-lebih lagi pada zaman kebesarannya iaitu pada suatu masa dahulu sebagai sebuah negeri Melayu yang berkerajaan sendiri, mempunyai perlembagaan dan Undang menjadi pucuk pemerintahannya. Deripada kesan yang ada pada hari ini menunjukkan bahawa Rembau adalah sebuah negeri kecil yang telah lama berkerajaan sendiri dan mempunyai kebudayaan dan peradaban setidak-tidaknya dari masa setelah runtuhnya Kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511 dahulu.

Mengenai sejarah Rembau ini telah banyak dirivayatkan oleh ahli-ahli sejarah termasuklah ahli sejarah bangsa asing seperti Portugis Belanda dan Inggeris didalam masing-masing zamannya. Ini menunjukkan bahawa wujudnya dalam tiap-tiap zaman itu adalah sebagai sebuah kerajaan yang merdeka bukan seperti dusun atau ulu kampung yang terpencil yang didiami oleh orang-orang datat yang masih liar (2).

Kebudayaan Portugis dan Rembau ini boleh dikatakan berlaku sejak dari pendudukannya di Melaka pada tahun 1511. Kenyataan ini telah disokong oleh Dagh Registered (Penyata Harian Belanda) masa

² Abas Haji Ali, Rembau, Sejarah Perlembagaan Adat Dan Istiadatnya, (kata pengantar), Pejabat Cetak Kerajaan Johor, 1953, m.s. VII.

pemerintah Melaka, mengesahkan bahawa sememangnya semenjak beberapa lama orang Portugis mengadakan hubungan dengan jajahan yang di Ulu Negeri Melaka.(3)

Misalnya dalam tahun 1585 telah berlaku perkelahian antara Rembau dengan Portugis, walaupun tidak berpanjangan tetapi ternyata sejak dari peristiwa itu hubungan keduanya kian menjadi renggang hingga kepada penaklukan Belanda di Melaka pada tahun 1641. Semasa penaklukan Melaka oleh Belanda itu, Rembau telah turut melabatkan diri walaupun pada hakikatnya ia tidak gembira kepada Belanda tetapi mereka telah menahan orang pelarian Portugis dan juga menyekat Sungai Penajis (Linggi) daripada dicaroboni oleh Belanda yang sememangnya disebalik perkataan bersandarat hendak memonopoli apa-apa juga penghasilan yang dikeluarkan oleh Rembau.(4)

Kepercayaan Rembau kepada Belanda telah bertambah rosak apabila Belanda meminta dikembalikan semula orang-orang tawanan Keristian apabila selesai sahaja memerangi Melaka dan memaksa supaya Rembau dan lain-lain negeri berniaga dengannya sahaja. Sifat tamak orang Belanda ini jelas kelihatan apabila mereka membuka sekatan di Pengkalan Nayar dan juga menetapkan cukai 1/10 daripada hasil padi di Naning mesti dibayar kepada Belanda. Mereka juga menuntut supaya orang Rembau mengembalikan kembali tawanan-tawanan Keristian yang telah ditawar dan juga jajahan Tampin. Rembau enggan menyerahkan Tampin kerana kerajaan

³ ibid, h.ix.

⁴ ibid, h.ix.

Johor telah memberikan padanya. Sebagai jalan terakhir Belanda cuba menyerang Rembau tetapi Rembau telah terlebih dahulu bertindak dengan melakukan serang mendap. Dalam serangan ini Kepten Forsebergh dan Temenggung Menic telah terbunuh.⁽⁵⁾ Disini timbul pula hubungan Belanda dengan Johor dimana Belanda telah mengadukan hal itu kepada Johor tetapi Johor tidak dapat berbuat apa-apa. Sultan memberi alasan bahawa kejadian itu dilakukan oleh orang-orang Bendaharanya dan Kerajaannya tidak bertanggung jawab.⁽⁶⁾

Pada 23 Mei 1643 berlaku lagi peperangan diantara Belanda di satu pihak dengan Rembau dan Naning di satu pihak yang lain. Panghulu Naning hendak juga berbaik dengan Belanda tetapi bantutkan Rembau. Dan diantara Rembau dan Johor juga telah berlaku tidak saling percaya mempercayai yang mengakibatkan kucar kacirnya perniagaannya di Melaka. Setelah beberapa bulan lamanya dalam keadaan yang berserong tarik ini barulah Belanda dapat bertapak sedikit demi sedikit mempengaruhi Rembau, Naning dan Johor.

Walaupun keadaan telah berjalan dengan baik namun Belanda masih lagi berdebat diatas perbuatan Rembau yang menyebabkan kematian dua orang besarnya, Forsebergh dan Menic.

Pada bulan February 1645, dihantar satu angkatan seramai 350 orang tentera melanggar Naning dan Rembau, tetapi tidak berhasil menentang kekuatan Rembau yang seramai 2,000 orang, mereka lalu berundur. Setelah kemudian Belanda melanggar lagi dengan angkatan yang lebih

⁵ ibid, h. x

⁶ ibid, h.xi.

besar baharulah Rembau menuntut damai kerana tidak sanggup melihatkan keganasan yang dibuat oleh Belanda terhadap pokok-pokok tanaman dan rumah-rumah mereka. Belanda telah menuntut dari utusan menuntut damai supaya tiga orang dari Rembau dan tiga dari Naning dijatuhkan hukuman bunuh kerana perbuatan membunuh dua orang besarnya itu dan juga semua barang yang dirampas mestilah dikembalikan. Rembau menuntut maaf saja. Belanda pula sedar, jika dilakukan bergopoh-gapah akibatnya akan buruk, oleh yang demikian denda itu direngsenkan dengan wang saja, itu pun disanggupi oleh Rembau secara baransur-ansur. Maka pada tahun 1646 termetri satu perjanjian persahabatan dibuat antara wakil kerajaan Rembau dengan Shahbandar Abraham Steen.(7)

Pada tahun 1673 Jambi telah melanggar Johor dan Sultan Johor telah berundur ke Pahang. Melihatkan hal ini Rembau telah memutuskan hubungan dengan Johor dan bersokutu pula dengan Naning. Mereka telah memilih seorang Raja dari Pantai Timur Sumatera bernama Raja Ibrahim dari Siak yang mengaku dirinya kerabat dan keturunan Raja Melaka tetapi ada setengah orang mengatakan Raja Ibrahim ialah pelarian dari Aceh yang tidak betul akalnya. Dalam pada itu Raja Ibrahim berjaya juga mempengaruhi Naning dan Rembau memerangi Belanda di Melaka. Sejak dari itu selalu berlaku rusuhan sehinggalah Raja Ibrahim mangkat dibunuh oleh Bugis pada tahun 1769. Belanda berdamai semula dengan Naning dan mengaku perbuatannya yang sudah-sudah kerana dipengaruhi oleh Rembau. Kemudian pada 13 February 1680 dibuat lagi perjanjian di antara Belanda dengan Naning-Rembau.(8)

⁷ ibid, h.xiii.

⁸ ibid, h.xiii.

dengan Jambi, Belanda meminta

Ap bila Johor berbalik semula

Johor membengarahi Rembau semula, menghormati persetiaan yang telah di-
nat. Pada setengah-setengah riwayat, maka pada tahun 1701 Johor pun
menyerahkan kuasanya di Naring kepada Belanda. Pada tahun 1707 di-
terima oleh Undang Rembau satu cap mohor yang bertulis " Dengan kurnia
Maharaja Seri Mantraja", sebagai menghubungkan semula ikatan dan pertali
an mereka yang telah renggang. (9)

Kengenai penglibatan raja-raja dari Minangkabau ke Negeri
Rembau anaya dan di Rembau kuasanya, telah berlaku sejak mangkat

m merupakan

telah menjadi adat kepada mereka. Sedangkan di sisi lain
kesalahan yang besar.

maan dalam

Jadi, perkara yang diterima sebagai adat dan kebiasaan

Raja Ibrahim 1679. Telah disebutkan beberapa nama seperti Raja Adil
Raja Kasih tetapi masing-masing tidak berjaya menjalankan Adat Perpa-
tin atau tidak sesuai dengan kehendak datuk-datuk di Rembau itu hing-
galah pada tahun 1773 berjayalah mereka mendapatkan seorang anak Raja

daripada Minangkabau iaitu Raja Melewar yang kemudiannya diangkat men-
jadi Yamtuan Rembau bersemayam di Pengjoh (setelah berkahwin dengan
che Seri, anak tunggal Pengulu Kasim). Raja Melewar berpindah dan ber-
semayam di Seri Maranti. Selepas berpindah Yamtuan tidak lagi men-

Pada tahun 1795 Raja Meliwar telah mangkat dan, ^{gadis} tarikh itulah
juga bermulanya Persefataan Persahabatan Dan Perniagaan diantara
British dengan Rembau iaitu sebaik sahaja Belanda menyerahkan Melaka
ketengan Inggeris.⁽¹¹⁾ Perjanjian ini ialah diantara Inggeris dengan
Undang Rembau yang diwakili oleh Datuk Kuail.

Sampan tangan British mula tegap di Rembau selepas Perang Naning
1832 kerana Rembau telah tidak menyesehkan menyebelahi Naning lagi.
Pada mula peperangan Naning itu Raja Ali, Rembau telah dapat dipujuk
oleh Datuk Dol Said (Datuk Naning) supaya memihak keNaning dan membe-
ri alasan bahawa selepas British berjaya menyerang Naning ia akan
menyerang ^{Rembau} ~~Naning~~ pula.

Bantuan yang diberikan oleh Naning Rembau kepada Naning telah
menyebabkan British kalah dalam langgarannya yang pertama ini. Bagi
pehak British ini sungguh memeranjatkan hingga diaangkanya seluruh
Negeri Sembilanlah yang membantu Naning. Setelah Gabenor Ibbetson
berjaya menunjukkan dan menerangkan kepada Raja Ali bahawa British
tidak sekali-kali berniat demikian barulah Rembau menarik tentera-nya
dari Naning dan kemudian Syed Shaaban berpaling pula membantu British
sebagai pengakap yang membuka rahsia perkubuan Naning.

Pada 28 January 1832, perjanjian telah dibuat diantara Inggeris
dan Rembau. Rembau telah diwakili oleh Undang Lela Maharaja
Nganit, Datuk Lembaga yang Berlapan, Raja Ali dan Syed Shaaban. Kan-
dungan surat itu berbunyi, " Bahawa Kerajaan Rembau dengan kuasa-nya

¹¹ ibid, h. 127.

kuasa yang ada padanya adalah bebas mengikut Undang (Adat Perpatih) pentadbirannya sendiri dan British dengan Rembau tidaklah harus lagi bermusuhamusuhan dan merampas jajahan".(12)

Memandangkan perhatian yang diberi oleh British kepada Rembau Raja Ali mengambil kesempatan menggelarkan dirinya Yamtuan Besar Negeri Sembilan yang tidak pernah diakui oleh seselara dan menantunya Syed Shaaban digelarinya Yamtuan Muda Rembau. Kemudian timbul pula perselisihan di antara Syed Shaaban dan Raja Ali dengan Datuk Muda Katas Linggi. Dalam hal ini Undang Rembau mendiankan diri saja, menyebabkan Syed Shaaban cuba mencari musuh untuk membunuh Undang Rembau. Dengan bantuan Undang Sungai Ujung, Raja Ali dan Shaaban dapat diundurkan Raja Ali lari ke Lukut dan Syed Shaaban pindah ke Tampin. Di sini ia telah memberi gelaran Tengku Besar Tampin, keturunannya memerintah hingga sekarang. Setelah dari itu maka Rembau menjalankan halnya dengan merdeka dan bersendirian membuat sebarang perjanjian dengan British dari satu masa ke satu masa.

Beberapa perjanjian telah dibuat di waktu itu hingga ketahun 1887. Maka pada tahun itu dibuat lagi satu perjanjian persetiaan yang besar sekali maknanya dalam sejarah Rembau. Persetiaan inilah sebagai penamat riwayat Rembau yang sifatnya sebagai sebuah negeri merdeka semenjak hampir 400 tahun itu berpindah menjadi jajahan naungan.

Akhirnya pada tahun 1889 Rembau dan Tampin pun masuklah ke dalam Persekutuan Sembilan Negeri yang ditubuhkan sejak tahun 1887 dan mengaku bernaung di bawah Pemangku British Resident yang memo-

¹² *ibid*, h. 187.

rentah daerah Seri Menanti pada masa itu dimulai tahun 1895 iaitu apabila diadakan seorang resident sahaja di Negeri Sembilan yang duduk di Seremban. Maka Yamtuan Seri Menanti, Undang Johol, Sungai Ujung, Jelebu dan Rembau serta Tengku Besar Tampin mengaku melatakkan negeri masing-masing di bawah naungan British dengan ikatan nama Negeri Sembilan. Sejak dari itu Rembau tidak lagi membuat apa-apa persetiaan secara persendirian dengan kerajaan luar dan terlihatlah lahan taraf kekuasaan tadbiran Adat di Rembau menjadi kurang dan layu di gantikan dengan undang-undang British. (13)

13 Abas haji Ali, Rembau Sejarah Perlembagaan Adat Dan Istiadatnya, b.xx.

Pengertian Adat.

Untuk membicarakan dan memperkatakan Adat Perpatih secara khusus, maka perlulah terlebih dahulu dibuat ketetapan berkenaan dengan pengertian adat itu sendiri.

Perkataan 'adat' itu berasal dari bahasa Arab.¹⁴ Walau pun perkataan ini digunakan dalam bahasa Arab tetapi dewasa ini perkataan Adat juga telah dipakai dalam bahasa Melayu. Perkataan ini mempunyai pengertian yang luas di samping membawa pengertian yang banyak. Di antara pengertiannya ialah tingkah laku, perangai, benar dalam sesuatu perkara, undang-undang alam dan undang-undang seperti pengertian yang diberikan oleh H.E. Hooker:

Keener - Etiquette
proper - in the sense of correct
the natural order - eg. rivers runs down hill
law in the sense of ruler of law
law in the sense concept of law - this sense of Adat is related to the natural order above, eg. it is Adat that law and religion complement each other and do not clash.¹⁵

Dengan pengertian ini dapat dibuat ketentuan adat meliputi segala bidang kehidupan manusia dan hanya pada dasarnya menjadi undang-undang kemasyarakatan. Kenyataan ini dapat dikuatkan lagi dengan beberapa pengertian yang akan dijelaskan nanti.

Menurut Dr. Kordin Selat, dari satu segi adat ialah hukum hidup. Adat mengandung peraturan hidup. Peraturan hidup ini disesuaikan dengan kehendak hidup beraku dan hidup atas prinsip budi dan suafa-

¹⁴ Dr. Rais Yatim, Undang-undang Adat Perpatih; Common law and Equity, Kertas kerja di Seminar Persejarahan Adat Perpatih, MENS, 9 - 12hb. April, 1974, h. 4.

'tak tau Adat'. Jika membuat sesuatu yang ditegah oleh Agama juga dikatakan melanggar 'melanggar Hukum Adat', kerana agama dikira oleh mereka juga sebahagian dari Adat, berjalan seiring dan terus menerus pada mana-mana jua tempatnya. (19) Tiap-tiap orang berkewajipan membetulkan yang lain mengikut adat. Adat berjalan membujur lalu melintang patah, ertinya adat tetap berjalan terus menuju pada matlamatnya, tiada suatu pun yang boleh menahannya.

Pengaruh adat ini pada mereka ialah kerana menurut tafsiran adat itu dikatakan adalah diasaskan dari kata-kata yang berbunyi;

Pertama kata Allah,
Kedua kata Rasul,
Ketiga kata pusa,ka,
Keempat kata muafakat,
Kelima kata berterumba,
Keenam bersalsilah. (20)

Dari kata-kata diatas, maka meletakkan kedudukan adat itu dalam serangkap kata yang berbunyi;

Pada adat menghilangkan yang buruk, menimbulkan yang baik
Pada syarak, menyuruh berbuat baik mencegah berbuat
buat jahat. (21)

Perbilangan adat ini menjadi rangka pengukuran dalam peraturan hidup bermasyarakat yang patut dan betul dalam Adat Perpatih segerang ini.

Dalam masyarakat Adat Perpatih, adat itu bukan saja bermakna tata tertib dan peraturan-peraturan yang hanya bersangkutan paut dengan kebiasaan dan kelaziman-kelaziman yang kecil seperti Adat Mengerat Pusat, Adat Mencukur anak dan lain-lain lagi, malah ia memaksudkan

¹⁹ibid, h.iii.

²⁰ibid, h.iii.

²¹ibid, h.iv.

segala peraturan dari sekecil-kecilnya hingga kepada yang besar-besar termasuk undang-undang yang berkait dalam pentadbiran dan pemerintah negeri.²²

Ini dikuatkan lagi oleh Datuk Saad Idris, di mana beliau menyatakan adat merupakan satu bentuk atau sistem pentadbiran dan pemerintahan beserta dengan cara hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara yang dikuasai oleh peraturan-peraturan hidup seharian. Jelaslah menurut undang-undang sekarang ialah merupakan undang-undang negeri.²³

Pengertian lain yang berkaitan dengan adat ialah suatu nilai perlakuan sosial yang bertradisi, diakui dan diamalkan oleh masyarakat dan menimbulkan adat resam, adat istiadat dan sebagainya.²⁴

Sesuai dengan kehendak alam, bahawa kedudukan sesuatu perkara itu tidaklah merupakan suatu ketetapan yang tidak boleh diubah malah sebaliknya ia tertakluk kepada pandangan-pandangan tempat, suasana dan keadaan semasa. Seperti juga halnya dengan perlembagaan sesuatu negara itu boleh diubah dan dipinda peruntukannya yakni mengikut kehendak masyarakat negara itu. Maka adat juga mengalami perubahan mengikut keadaan masa, suasana dan masyarakat pada masa itu. Mengingat pertilang n adat yang berbunyi:

Biar mati anak jangan mati adat,
Dianjak layu dicabut mati,
Adat bersendi hukum,
Hukum bersendi Kitabullah,
Syarak mengata, adat menurut.

²² Abd. Rahman Haji Mohamed, Dasar-dasar Adat Perpatih, Penerbit Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964, h. 19.

²³

Merujuk kepada kata-kata ini orang mungkin salah mengata kerana ia menunjukkan bahawa adat itu tidak boleh diubah-ubah. Ini merupakan satu kekeliruan kerana mereka tidak memahami akan hukum-hukum adat yang sebenarnya atau mungkin juga mereka lupa kerana dalam perbilangan adat juga ada menyebutkan;

Isu adat ialah muafakat,
Usang-usang diperbaharui,
Yang elok dipakai, yang buruk dibuang,
Melihat contoh pada yang menang, menang, menang,
Melihat tuah pada yang menang, Yang senteng dilabuhkan,
Yang senteng dilabuhkan,
Yang rompong disisit, (25)

Jadi, di sini jelaslah menunjukkan bahawa adat itu bukanlah suatu yang tetap di suatu zaman, sebaliknya ia berkembang mengikut perkembangan zaman dan peredaran masa. Ini dijelaskan oleh Abas Haji Ali, menurut beliau; Adat merupakan suatu perkara yang sama dengan undang-undang iaitu untuk memelihara dan mengujudkan keperibadian dan tata susila masyarakat bagi bangsa dan masa, ia juga tertakluk kepada undang-undang alam yang sering mengalami perubahan mengikut masa. (26)

Kenyataan ini dijelaskan dengan kata perbilangan adat seperti;

²³ Abd. Samad Idris, Kemurnian Dalam Adat Perpatih, Kertaskerja di-Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, anjuran MBNS, pada 9 - 12hb. April, 1974, h.6.

²⁴ Rais Yatim, Undang-Undang Adat Perpatih- Common Law and Equity, Kertaskerja di Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, anjuran MBNS, 1974, h.4.

²⁵ Abd. Samad Idris, Kemurnian Dalam Adat Perpatih, Kertaskerja di-Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, h. 6.

²⁶ Abas Haji Ali, Sababegian dari Dasar Adat Perpatih, Kertaskerja di Seminar Pensejarahan Adat Perpatih, anjuran MBNS, 1974, h.1.

Sekali āye- air bah, sekali pasir berubah,
Sekali raja mangkat, sekali adat beralih,
Sekali tahun beredar, sekali musim bertukar. (27)

Perbilangan diatas dengan tegas menunjukkan adat sentiasa berubah mengikut perubahan masyarakat, tetapi perubahan itu tidaklah mencacatkan dasar utama sesuatu adat itu kerana membuat perubahan terhadap dasar adat beerti menghilangkan identiti adat itu sendiri.

Dalam memperkatakan ketidakkekuan adat ini bahkan sebaliknya ia menerima perubahan, Dr. Nordin Selat menambah lagi bahawa adat itu ialah peraturan hidup di dunia .

Hidup dikandung adat,
Mati dikandung tanah. (28)

Dalam hal ini dikatakan bahawa adat yang mengalami perubahan itu ialah peraturan yang bukan asas, misalnya seperti perkahwinan. (dulu pakai baju melayu , sekarang pakai kot dan tali leher), kelazaman (dulu menumbuk di lesung, sekarang pakai mesin), sikap (dulu anak perempuan duduk di rumah, sekarang ke pejabat). Peraturan begini berubah pun boleh , tidak berubah pun tidak mengapa, tidak menjejaskan. Kalau adapun padanya hanya buat sementara sahaja.

Sementara peraturan asas tidak boleh dibuang , contoh dalam kehidupan bersuku, mengira keturunan dari pihak ibu, sistem tanah pusaka. Inilah yang dikatakan 'tak lekang dek panas dan tak lapuk dek hujan'. Kalau diubah juga akan jadilah keruntuhan dan musnahlah adat itu - 'dicabut mati'. Peraturan asas inilah yang dimaksudkan;

²⁷ibid, h. 8

²⁸Dr Nordin Selat, Sistem Social Adat Perpatih, Penerbit Utusan Melayu Kuala Lumpur, 1976, h. 3

Dari nenek turun kemamak,
Dari mamak kekemenakan,
Patah tumbuh hilang berganti,
Sesuka begitu jua. (29)

Sebagai kesimpulan bolehlah dikatakan , berdasarkan daripada pengertian yang telah diberikan diatas maka dapatlah difahamkan bahawa adat merupakan suatu kebiasaan yang diakui oleh anggota-anggota masyarakat yang berkenaan diamlkan dan dipraktikkan dengan rasa tanggung jawab. Suatu cara yang nyata ialah adat meliputi segala bentuk dan corak bidang kehidupan manusia. Ini tidaklah salah kerana pada dasarnya adat tidak bertentangan dengan pandangan Islam(yang mengikut lunas-lunas Islam) malah ianya menjadi salah satu daripada punca hukum dalam Islam. Pembaharuan adalah perlu kerana dilihat pada ciri-ciri adat itu sendiri ia bukanlah merupakan suatu yang beku atau statik malah ianya berkembang mengikut kehendak masyarakat.

Pengertian Adat Perpatih.

Adat Perpatih sebenarnya adalah gabungan dari dua perkataan iaitu 'adat' dan ' Perpatih'. Adat adalah sama seperti pengertian yang diberikan sebelum ini. Perpatih pula nama orang yang pertama menyusun adat ini iaitu "Datuk Perpatih Nan Sebatang". Jadi Adat Perpatih ialah sempena nama beliau dengan dasar hidup yang telah disusunnya itu, (30).

Adat Perpatih membawa pengertian satu sistem pentadbiran masyarakat yang mengandungi peraturan- peraturan yang berlukis dan yang berlembaga dan mengandungi beberapa rukun hidup dan rukun sosial yang

²⁹ ibid, h. 4.

³⁰ Idris Haji Tain, Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih, Kertaskerja di SeniERNY Penseguraan dan Adat Perpatih , anjuran KENS, 1974, h.2.

berdasarkan keadilan yang demokrasi tulin demi ketenteraman masyarakat
dan ini nyata dari kata perbilangannya Adat Perpatih itu sendiri;

Adat yang tak lekang dek panas,
tidak lapuk dek hujan,
Tidak kuning dek kungit,
Bianjak laya dicabut mati. (31)

Sekali āyo- air bah, sekali pasir berubuh,

ng memberi pengertian bahawa Adat
kurang hidup, kawalan sosial juga satu
dan menyeluruh . Oleh sebab itulah
didalamnya seperti jurai, perut,

Oleh kerana itulah ada orang
Perpatih itu merupakan satu perat
sistem kekerabatan yang liberal
terdapat konsep-konsep tertentu
suku dan sebagainya. (32)

yang boleh dikenali mengenai Adat
ng. Adat yang diikuti oleh kebanyak-
Negeri Sembilan - sebahagiannya).

Ini adalah konsep penting
Perpatih itu dengan Adat Temengg
annya negeri di Malaysia (kecuali

boleh difahami bahawa Adat Perpatih
sendiri untuk dibuat ketentuan -
an sebagai pelaksanaan hidup anggota
al kehidupan sosial anggota masyarakat-
ng tidak bertulis dan telah menjadi
an negara Malaysia (33) atau lebih
gaan Negeri. (34)

Dari pengertian Adat ini
itu mempunyai ciri-ciri yang tera
ketentuan dan ketetapan- ketetapan
masyarakatnya. Disamping mengawa
nyaia juga merupakan undang-unda
satu unit kecil dalam perlembagaan
topat lagi sebagai satu Perlemba

as Lalu Berkensan Persejajaran Dan
Kertaskerja Seminar Persejajaran
E, pada 9 - 12hb. April, 1974, h. 2.
Penting Dalam Adat Perpatih di-
nar, MBNS, 1974, h. 1.

per Adat; Kertaskerja Seminar,

³¹ Datuk Razli bin Ibrahim, Seimb
Adat Perpatih Negeri Sembilan,
dan Adat Perpatih, anjuran MBNS

³² Idria Haji Tein, Beberapa Kon
Negeri Sembilan, Kertaskerja Semi

³³ Abas Haji Ali, Sebahagian dari Da
anjuran MBNS, 1974, h. 23.

Kemunculan Adat Perpatih dan kedatangannya ke Rambun.

Kemunculan Adat Perpatih.

Adat Perpatih mempunyai kaitan rapat dengan Minangkabau kerana di situlah mula munculnya adat yang dikenal dengan nama Adat Perpatih ini. Sebelum pergi kepada pengenalan Adat Perpatih ini ada baiknya ditinjau dari segi kemunculan Adat Perpatih itu sendiri.

Menurut cerita-cerita yang terdapat dalam tambo-tambo di Minangkabau sebelum adat susuna Datuk Perpatih tersebar, negeri itu memang telah ada sedis terdiri dengan penghulunya bernama Datuk Suri Di Raja. Kemudian datang raja dari laut yang memakai mahkota yang bercabang-cabang rupanya yang dikenalkan dengan kata "Rasa yang datang dari laut." Kedatangannya telah disambut dengan beriang-riang kononnya itulah asal nama Periangen. (350)

Kedatangan anak Raja Hindu Sang Sapurba ini tidak disetujui.

Datuk Suri Di Raja menyambutnya dengan sebuah balairung daripada kayu-

ialah peraturan hidup di dunia .

Hidup dikandung adat,

akar londang dan pulut-pulut.

Raja itu dar ipada berkuasa terus

penghulu iaitu Datuk Suri Di Raja,

Datuk Bendahara Raya dan Datuk Sutan

besar negeri Periangen, Padang Panjang.

Perpatih Nan Sabatang datuk datuk

ini.

anak Raja Hindu Sang Sapurba ini telah

kayu yang memang seperti jelutong ,

Seterusnya untuk mengelakkan anak

maka dilantiknya pula empat orang

Maharaja, Datuk Maharaja Besar, Dat

Maharaja Besar menjadi pembesar-pem

Jadi sebelum adanya Temenggung dan

tersebutlah yang memerintah negeri

Menurut ceritanya lagi anak

berkahwin dengan adik Datuk Suri Di Raja yang bernama Putri Indah Jelita dan mendapat seorang anak lelaki bernama Sutan Paduka Baso yang kemudiannya bergelar Datuk Ketemenggungan. (36)

Tidak lama kemudian Sang Sapurba Meninggal, Putri Indah Jelita berkahwin pula dengan Jati Silang Pandai, tempat orang berguru dan bertenya. Hasil daripada perkahwinannya itu beliau mendapat 9 dua orang anak lelaki dan empat orang anak perempuan.

Menurut M. Rashid Manggis, adapun nama kecil Ketemenggungan ialah seperti telah juga disebut "Sutan Paduka Baso", Putra tunggal Sang Sapurba Sri Tri Buana Raja Mauliwarnan Raja Kelayu. Ibunya adalah Indo Jati saudara Suri Di Raja. Sebagai putra Raja daripada keluarga Sri Sailendra, Sutan Paduka Baso di besarkan atas belaian dan asuhan ibunya yang pernah disebut 'Puti Nan Turun Dari Langit', Entah kerana kasta bangsawannya entah kerana cantik parasnya. (37)

Walaupun terdapat dua riwayat yang bertentangan berkaitan dengan nama bonda Datuk Ketemenggungan ini, namun pada pendapat penulis titik persamaan antara keduanya boleh didapati. Seperti yang tercatat Indo Jati juga pernah disebut 'Puti Nan Turun Dari Langit', berkeungkinan sebutan ini didasarkan kerana kecantikan paras rupanya. Nama Indah Jelita seperti yang diutarakan oleh pembentang kertaskerja kemungkinan juga gelaran bagi Indo Jati seperti juga halnya dengan sebutan 'Puti Nan Turun Dari Langit'. Memandangkan hal ini maka walaupun terdapat nama-nama yang berlainan diriwayatkan namun orangnya tetap serupa juga.

³⁶ *ibid*, h. 7.

³⁷ M. Rashid Manggis- Dt, Radjo Panghoeloe, Ninangkabau Sejarah dan Adatnya, Penerbit Sri Dharma Padang (Indonesia), h. 152.

Setelah sang Sapurba mangkat didudukan Indo Jati Oleh Suri Di Raja dengan Jati Bilang Pandai. Dengan perkahwinan ini mereka dianugerahi ^{empat} sembilan orang anak iaitu dua orang putra dan empat orang putri yang diberi nama Balun yang sulung, Puti Reno Hande, Puti Ambun Guri, Puti Sjajo Duxie, Puti Sari Alam kemudian lakim dipanggil puti Djanilan dan yang keagga Tjamatang yang disebut juga Kalah Duxie. Balun inilah yang tatkala pulang dari belawat bertegak gelar Datuk Maharaja Nan Danogo-nego. (38)

Jadi Datuk Perpatih dan Datuk Temenggung itu adalah dua saudara yang seibu berlainan bapa. Kedua adik beradik ini selalu bertengkar menyebabkan Datuk Perpatih Kejur merantau mencari pengalaman.

Selaku kenegaraan Suri Di Raja dan anak Jati Bilang Pandai dengan bekat perbawaan yang ada padanya, dengan budi yang dalam, dengan rasa yang halus di sertai dengan pengalaman luar negeri selama lima belas tahun antaranya di Siam dan Senua Cina, maka keasapurnaan adat dengan undang-undangnya adalah memusatkan pada ibu sebagai lambang ketahanan supaya tali jangan putus, kait-kait jangan sekaik; dengan mendasarkan masyarakat sosial atas kerakyatan; dengan menyusu pengulu beandiko, duduk sehampar, tegak sepejabat berdasarkan "Gadang Balaga". (39)

Inka ibu dan adat demokrasi inilah kunci gapura hidup dalam masyarakat adat. Oleh kerana itulah para cendekiawan lagi arif memperukilkan Datuk Perpatih dengan julukan Pinang Sabatang (40) Ada yang mengatakan gelaran lengkap Datuk tersebut dengan Datuk Perpatih

³⁸ ibid, h. 152.

³⁹ ibid, h. 153.

⁴⁰ ibid, h. 153.

dan Sabatang Kayu. Keharaga kerana Datuk Perpatih Puling melawat dari Cina Selatan membawa alat-alat pertukangan yang dihiaskan dengan kata-kata "Ninie Perpatih mendapak kayu sabatang di tengah laui". Dengan demikian beliaudigelarkan "Datuk Perpatih Nan Sabatang Kayu". Dan sebutan kayu itu lama kelamaan ditinggalkan dan dituturkan dengan Datuk Perpatih Nan Sabatang.⁴¹

Adapun pinang adalah nama sabatang pohon asal, inherited trees.⁴² Buah pinang mengandung zat penghidupan warna . Warna perlu supaya hidup itu hidup. Laknusia dengan tidak ada warna mati hidupnya . Dalam pengertian kimia zat buah pinang dipakai untuk obat misalnya Actinophytia Gallepparia (pinang sinawa), Comostylus Maingyayi (pinang medel), Olimun Gratissimum(pinang Janbi).

Undang-undang adat Perpatih berdasarkan yang asal, ibu. ^{ibu} Kaka hakikat undang-undang itu dilambangkan pada Pinang Sabatang.⁴³ Dan yang dimaksudkan dengan 'sabatang' ialah nama asal kerana pinang lain banyak lagi jenis dan namanya , seperti pinang radjo, pinang rawangain, pinang sinawa, pinang kareh, pinang lonjak, pinang ukup (harem) dan lain-lain. Kemudian lekat pada gelaran penyusunanya seperti juga halnya dengan julukanyang lain yang sering ditemui pada nama-nama orang besar dalam sejarah. Akan gelaran kebesaran 'Ketemenggungan' dan 'Perpatih Nan Sabatang' berangkut hanya dengan Minangkabau dengan keperibadian tersendiri.⁴⁴

Berbalik kepada Mal Datuk Perpatih tadi , apabila beliau balik ke tanah asalnya di padang Panjang, abangnya Datuk Temenggung telah memerintah wilayah bahagian Kota yang diberi nama Laras Koto Piliang,

⁴¹ ibid, h. 153.

⁴² ibid, h. 153.

⁴³ ibid, h. 153.

⁴⁴

ialitu laras yang berlembagaan adat pilihan daripada adat Pagar Payung yang dibawah penerintahan Aditiawarna, orang semendanya suami Gadis Jamilan.⁴⁵

Maka Datuk Perpatihpun diberi memerintah Laras Sda Bodi Chariago, lalu ia menyusun adat di laras itu dengan tekak tambah hasil dari pengalamannya dalam perantaraan. Tiap-tiap adat yang hendak dibuatnya ia berunding dan bermusafakat dengan tua-tiap-tiap suku dalam laras itu dan apabila telah dapat sebulat suara maka diteguhkan dengan ungkapan kata;

Bulat air kerana pembetung,
Bulat manusia kerana musafakat,
Bilang adat tegal musafakat.

Berbeza dengan Datuk Temenggung yang mengutamakan pemerintahan dari atas, Datuk Perpatih lebih mementingkan pemerintahan dari bawah. Tugasnya Datuk Temenggung lebih suka bertitik (otokrasi) sementara Datuk Perpatih lebih suka memerintah dan ia berunding (demokrasi).

Cara pemerintahan kedua datuk ini berbeza dan bertentangan terutamanya dalam masalah pembahagian harta. Oleh sikap yang bertentangan ini maka sistem pemerintahannya dibahagi dua, Maka Datuk Temenggung berkuasa dibahagian pesisiran pantai, sementara negeri yang jauh dari laut menganut fahaman Adat Perpatih. Maka sampailah sekarang cara pemerintahan Datuk Temenggung dikenal dengan nama Adat Temenggung dan cara pemerintahan Datuk Perpatih dikenali dengan Adat Perpatih.

⁴⁵ M. Sharif Fakoh Hasan, Sejarah Kedatangan Adat Perpatih Ke Negeri dan Raitannya di Minangkabau, Kertaskerja Seminar Pensejarahan, anjuran MENS, pada 9 - 12hb. April 1974, h.9.

⁴⁶ *ibid*, h. 9.

Di hari tuanya kerana telah uzur, Datuk Ketemenggungan Ketemenggungan dan Datuk Perpatih menarik diri dari masyarakat . Datuk Ketemenggungan beramanat kepada anak kemenakan dalam Pelarasan Koto Piliang jangan sekali-kali berceliseh dengan sanak saudara dalam Pelarasan Bodi Tjaniago. Beliau dengan Datuk Perpatih hanya, "beragieh cincin sebetuk sorang, tapi indak beragieh malu". Apabila ada bicara yang tidak selesai dalam Laras Koto Piliang disuruh oleh Datuk Ketemenggungan supaya pergi kepada Bodi Tjaniago.

Benasa Datuk Perpatih maseh hidup beliau menjadi junjung Larch Bodi Tjaniago , beristana di lima Kaum , setelah beliau meninggal dunia , maka yang memegang pimpinan Pelarasan Bodi Tjaniago tidak bergelar Datuk Perpatih Nan Sabatang lagi melainkan Datuk Bendaharu Kuning.⁴⁷

Mengenai makam Datuk Ketemenggungan diragukan antara Bungo Setangkai, Batu Sangkar atau Kampar: tetapi yang kuat ialah Bungo Setangkai . Terhadap makam Datuk Perpatih Nan Sabatang diragukan antara Salajo, Solok atau Lima Kaum tetapi yang kuat ialah Salajo.⁴⁸

Demikianlah serba sedikit mengenai asal tempat tumbuh nya Adat Perpatih dan sejarah riwayat perkembangannya hingga sampai ke Negeri Sembilan ini.

⁴⁷ N. Rashid Manggis - Dt. Radjo Panghoeloe, Kinangkabau Sejarah Bangkai dan Adatnya, h.155.

⁴⁸ ibid, h. 156.

Kedatangan Adat Perpatih di Rembau.

Kedatangan Adat Perpatih di Rembau berkait rapat dengan kedatangan perantau-perantau dari Minangkabau di luar itu. Tetapi tarikh yang tepat mengenai kedatangannya tidak dapat dipastikan, walaupun bagaimanapun ahli-ahli dan pengkaji sejarah bersetuju mengatakan tarikh kedatangannya di sekitar tahun 1400 melalui Sungai Linggi. Buktinya di Pengkalan Kempas, Sungai Linggi, ada didapati sebuah kubur keramat iaitu makam Sheikh Ahmad bertarikh tahun Hasebi 1462, tulisan di batu nisan ini menyerupai tulisan huruf Pallawa dan perbustannya menyerupai jenis dan bentuk yang terdapat di Minangkabau.

Kedatangan mereka bukanlah serentak tetapi beransur-ansur sedikit demi sedikit. Mereka ini lebih berminat ke daerah-daerah pedalaman untuk mengerjakan dan mengusahakan pertanian. Oleh kerana inilah kemungkinan Adat Perpatih ini kuat bertapak di daerah-daerah pedalaman, maksud penulis bukan di daerah pesisiran pantai.

Menurut kebanyakan ahli sejarah orang Minangkabau yang mula-mula sekali datang ke Rembau ialah Datuk Lala Balang dari Batu Hampar bersama orang-orangnya dari Batu Hampar dan Mungkal. Kemudian dia diikuti pula oleh Datuk Laut Dalam (adek Datuk Lala Balang) dari kampung Tiga Menek dan sejumlah para pengikutnya pula.⁴⁹

Kemudian daripada itu datang lagi rombongan dari Minangkabau membuka kampung-kampung baru di Rembau bernama Batu Hampar, Sungai Layang, Lubuk Rusa dan Bintangan. Tetapi nama-nama orang rombongan yang terakhir ini tidak kedapatan dalam sejarah, tetapi dapat dikira-

⁴⁹ Abd. Samad Idris, Kubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan dari Segi Sejarah Dan Kebudayaan, Pustaka Asas Negeri, 1970. h. 20.

keterdiri empat orang pemimpin yang masing-masing datang dari kampung Batu Hampar, Sungai Layang, Lubuk Bua dan Bintungan dekat Penyelaisan Padang Panjang atau boleh jadi ada nama kampung yang lain yang bernama Bintungan yang terletak di Lubuk Lima Puluh Kota.⁵⁰

angkatan Datuk Lela Balang dari suku Paya Bidara telah meneroka ke kampung Kota. Pada masa itu ketika kampung di situ bernama Datuk Batin Sekudai. Datuk Batin Sekudai mempunyai tiga orang anak perempuan, yang bungsu bernama Tok Bungkal telah berkahwin dengan tok Lela Balang.⁵¹ Perkahwinan mereka telah dikurniakan seorang anak lelaki bernama Seri Rama dan empat orang anak perempuan. Keturunan daripada anak perempuan Tok Lela Balang inilah yang menjadi Undang bergelar Lela Maharaja disebut Biduanda Waris Jakun.

Masakala Tok Laut Dalam dengan isterinya orang Jawa sampai ke Rembau dan mendapati keturunan anak perempuan abangnya telah di tetapkan sebagai waris memerintah Rembau. Ia merasa cemburu. Dalam hal yang demikian beliau telah pergi menghadap Raja Johor untuk mendapat keistimewaan tersebut. Permohonannya telah dikubulkan, sebagai jalan tengah, Seri Rama iaitu anak kepada Tok Lela Balang dan Tok Bungkal yang telah menjadi Undang yang pertama 1540 bergelar Lela Maharaja dari suku Biduanda Waris Jakun telah dikehwinkan dengan putri sulung Tok Laut Dalam bernama Siti Rawa. Keturunannya bergelar Datuk Sedia Raja Biduanda Waris Jawa. Jadi kesimpulannya pusaka Undang itu di sandang bergilir antara keturunan anak perempuan Tok Lela Balang dengan keturunan anak perempuan Tok Laut Dalam.

⁵⁰ Abd. Samad Idris, Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah Dan Keturunannya, h. 20.

⁵¹ Abd. Samad Idris, Negeri Sembilan Dan Sejarahnya, h. 168.

Salah satu daripada angketan yang telah disebutkan diatas , datang beberapa angketan lagi , meneroka sawah bendang dan kampung di Rembau. Kemudian dilantiklah tuanya memerenteh kampung itu dengan masing-masing gelarananya, itulah yang disebut datuk Lembaga.⁵² Kampung-kampung ini diberi nama mengikut tempat asal mereka datang dan itulah yang dinamakan suku sekarang ini. Mialaya jika mereka datang dari Paya Kumbuh maka nama kampung yang diteroka itu diberi nama suku Paya Kumbuh.

Sebagai penjelasan dapatlah dikatakan bahawa kedatangan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan amnya dan di Rembau khususnya , selain dari membawa bersama-samanya adat istiadat yang terpakai di Minangkabau ,iaitu Adat Perpatih mereka juga turut menamakan tempat-tempat yang diterokanya dengan nama kampung dari mana mereka datang. Dan daripada nama kampung itu pula menjadi nama suku atau waris yang kekal sebutannya hingga sekarang. Oleh itu di Rembau kedapatan dua puluh belas suku;

- 1- Biduanda atau waris.
- 2- Batu Sampar.
- 3-Paya Kumbuh.
- 4- Mungkal.
- 5- Tiga nenek.
- 6-Seri Malinggang.
- 7- Seri Lemak.
- 8- Batu Belang.
- 9- Tanah Datar.
- 10- Anak Acih.
- 11- Anak Melaka.
- 12- Tiga batu. ⁵³

⁵² M. Sharif Fakh Hasan, Sejarah Kedatangan Adat Perpatih Ke negeri Sembilan dan Kaitannya di Minangkabau, Kertas Kerja Seminar, I.

⁵³ A. Samad Idris, Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaannya, h.31

Apabila negeri telah mula dibuka , pentadbiran adat pun didirikan dan hak masing-masing pun di tentukan seperti kata perbilangannya;

Alam beraja luas berpengkulu,
Suku bertua (berlenbaga) ,
Anak buah beribu bapa,
Orang semenda bertempat semenda,
Dagang bertempat , perahu bertambatan.⁵⁴

Ketua tiap-tiap suku dan peneroka yang datang itu walaupun pada kebiasanya mereka mengambil peranan penting membuka kampung - kampung tersebut maka tidaklah pula terbayang bahawa mereka ada menunjukkan suatu yang kurang baik terhadap suku Biduanda waris yang berkuasa di wilayah itu . Sebaliknya mereka patuh dengan kata-kata;

Dimana ranting dipatah,
Di situ air diseauk,
Di mana bumi dipijak,
Di situ langit dijunjung. ⁵⁵

Pendeknya penyerapan Adat Perpatih itu sehingga menjadi pendapatan tempatan adalah beransur-ansur juga . Mungkin ada juga disebabkan oleh peristiwa-peristiwa tekanan pengaruh kekuasaan portugis dan Belanda dari Melaka, kekacauan yang dibangkitkan oleh anak-anak raja Bugis , tidak kurang juga oleh penguasaan penguasaan pihak yang kuat kepada pihak yang lemah di kalangan Batuk datuk Penghulu-penghulu itu sendiri. Dengan peristiwa-peristiwa ini datuk-datuk itu terpaksa menyuatu masyarakat, menyatukan keluarga dengan datuk-datuk yang lain yang berhampiran untuk mempertahankan kedaulatan mereka di wilayah masing-masing. Jadi wilayah-wilayah kecil itu semakin

⁵⁴ M. Sharif Fakh Hassan, Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan Dan Kaitannya Di KlangKaban, KertasKerja Seminar Persejajaran, h. 3
⁵⁵ *ibid*, h. 19.

hari semakin ~~besar~~ besar dan terdirilah kerajaan Adat Perpatih di-
luak itu.⁵⁶

Untuk lebih jelas lagi mengenali Adat Perpatih ini eloklah
kalian ditinjau dari sudut dasar (perinsip) dan konsep Adat Perpatih
serta bahagian-bahagian yang terdapat di dalam adat tersebut.

Dasar dan konsep Adat Perpatih

Kelompok kelompok masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan
terdapat terutamanya di daerah daerah Tampin , Jelebu, Kuala Pilah,
Rembau telah diasakan dan diwujudkan oleh perantau-perantau yang
datang dari daerah Minangkabau dan dapat dianggap kelompok masyarakat
yang unik kerana kepentingan yang diberikan yang- kepada kaum wani-
tanya dalam ^{menyusur}menyusurgalurkan keturunan dan kekeluargaan. Umumnya
untuk memahami apakah keistimewaan-keistimewaan Adat Perpatih perlu
terlebih dahulu difahami beberapa prinsip atau dasar dan konsep dalam
masyarakat Adat Perpatih ini . Dan dibawah ini diuraikan mengenai
beberapa prinsip atau dasar dan konsep yang terdapat dalam adat Per-
patih itu.

* Keturunan dikira melalui nisab ibu.

Dalam masyarakat nisab ibu, wanita meneruskan kekeluargaan.
Tanpa wanita satu kelompok keluarga itu akan pupus dan hilang begitu
sahaja. Dalam Adat Perpatih jurai keturunannya berbentuk unilineal
iaitu diusahurghalurkan hanya kepada sebelah pihak sahaja dan telah men-
jadi adat kebiasaan dalam Adat Perpatih bahawa jurai keturunan itu

⁵⁶ibid, h. 19.

bersifat matrilineal dimana keturunan seseorang itu diwariskan mengikut sebelah ibu.⁵⁷

* Masyarakat ini terbahagi kepada kumpulan kekeluargaan yang dipanggil perut dan suku.

Suku ialah satu pengelompokan anggota masyarakat yang telah ada sejak masa tradisional lagi. Faktor utama bagi keanggotaan suku ialah hubungan kekeluargaan antara perut-perut yang ada dalam suku itu. Keanggotaan seseorang dalam kumpulan ini diasaskan biasanya kepada kelahiran. Kerana kekeluargaan dikira melalui nisab ibu, maka seorang anak menjadi ahli 'perut' dari suku ibunya, dimana ahli satu kumpulan kekeluargaan dilarang berkahwin atau senenda mengendenda.

Mengenai pengertian suku ini, menurut K.D. Mansoor suku beerti kaki. Sesuku ertinya 'sekaki', seporompot bahagian daripada seekor haiwan. Itulah juga asal mulanya pengertian kata "suku" di Minangkabau sekarang iaitu hasil daripada empat kelompok besar iaitu Bodi, Tjandago, Koto, Piliang.⁵⁸

Selain membezakan pengertian suku yang diterjemahkan kedalam bahasa Inggeris sebagai 'clan' atau 'Marga' di Tanah Batak atau Sumatra. Marga di Tanah Batak ialah pengelompokan berdasarkan kampung atau daerah asal, jadi mengandung pengertian wilayah. Suku berdasarkan pengelompokan ikatan darah dari pihak atau mengandung pengertian

⁵⁷ Idris Haji Tain, Beberapa Konsep Penting Dalam Adat Perpatih Di-Negeri Sembilan, Kertaskerja Seminar Persejarahan Dana Adat Perpatih, Negeri Sembilan, anjuran MRSB, pada 9 - 12hb. April, h.1.

⁵⁸ K.D. Mansoor, Sadjarah Minangkabau, Penerbit Bharatara Jakarta, 1970, h. 5.

Manakala perut pula merupakan satu organisasi sosial. Anggota-anggota yang membentuk satu perut itu mempunyai hubungan kekeluargaan yang jelas dan mereka itu pula berasal dari satu nenek moyang yang sama. Susungalur kekeluargaan itu mudah dikesan. Menyebut tentang hubungan anggota perut, mereka mempunyai hak dan tanggung jawab yang sama, mereka melakukan kerja-kerja secara gotongroyong terutama didalam pekerjaan yang memerlukan tenaga yang banyak seperti di hari-hari kematian dan kenduri kahwin. Dalam hal ini perbilangan menyebutkan:

Berat sama dipikul,
Ringan sama dijinjing,
Ke bukit sama didaki,
Ke lurah sama dituruni,
Ke laut sama direnangi,
Dapat sama laba, 60
Cicir sama rugi.

Perut ini bukanlah setempat, dalam erti kata semua anggota itu tinggal dalam satu kawasan sahaja. Besar kemungkinan anggota perut itu bertaburan tetapi yang bertenpat itu ialah kelompok pusat perut itu, misalnya anggota perempuan yang tua, dan ke rumah perempuan yang tua inilah mereka kembali atau tinggal apabila berlaku persaraan.

Seperti yang ditegaskan pada mula-mula tadi bahawa wanitalah yang meneruskan kekeluargaan. Peril pentingnya anak-anak perempuan dalam masyarakat ini dapat dilihat dari keinginan yang ditunjukkan

⁵⁹ibid, h. 5.

⁶⁰Idris Haji Tain, Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih di Negeri Sembilan, Kertas-kerja Seminar Persjaraan, h.2.

oleh pasangan-pasangan yang berkahwin untuk mendapat anak-anak perempuan. Jika tidak ada anak-perempuan, anak-anak angkat diambil dari ras Melayu, Cina dan India. Biasanya anak-anak Cina disukai kerana kemungkinan ibu bapa asal mereka tidak menuntut semula. Anak angkat ini akan dikedipkan melalui proses yang dinamakan berkeding.

Maksud berkeding ini ialah satu upacara khas bagi menerima orang luar yang dikehendakinya. Kerana bagi masyarakat Adat Perpatih orang dagang tidak berkeding dikatakan 'dagang hanyut', maksudnya tidak ada yang ambil peduli. Yang memberi status pada anak dagang dalam Adat Perpatih ialah suku, menjadi anggota suku berakna dia ada tapak, ada kaum kerabat dan ada kumpulannya.⁵¹

*Pemilikan tanah pusaka diwariskan melalui wanita.

Narta pusaka masyarakat Adat Perpatih lebih banyak terdiri dari tanah-tanah kampung dan sawah termasuk juga rumah yang didirikan di tanah Adat juga dinamakan narta pusaka dan ini jatuh kepada anak perempuan secara mutlak. Anak lelaki tidak ada hak. Tetapi tanah diluar tanah pusaka biasanya terdiri dari kebun-kebun getah dihabiskan mengikut faraidh.

Dari sini jelaslah seorang wanita dalam masyarakat Adat Perpatih ini istimewa kedudukannya. Mereka ada dua hak dalam pewarisan tanah. Mereka memonopoli tanah-tanah pusaka dan disamping itu mewar-

⁵¹Dr. Nordiz Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, h. 43.

risi juga tanah-tanah yang bukan tanah pusaka mengikut faraidh.

* Tempat tinggal selepas kahwin di rumah ibu isteri.

Ekoran dari pemilikan tanah kampung, sawah dan rumah pusaka oleh wanita maka ini mempengaruhi pula tempat tinggal bagi pasangan yang berkahwin itu di mana tempat tinggal pasangan tersebut adalah di rumah ibu isteri. Lelaki meninggalkan keluarga asal dan rumah ibunya selepas berkahwin. Di rumah ibu isterilah ia menetap sehingga sebuah rumah didirikan untuk isterinya atau ia sendiri dapat mendirikan rumah di tanah pusaka isterinya. Kedudukan suami itu adalah sebagai orang menumpang, disuruh pergi dipanggil datang.

Kebelakangan ini keadaan begini jarang terjadi kerana pasangan pasangan yang berkahwin lebih senang menyewa atau membeli rumah sendiri daripada menumpang di rumah ibu isteri. Dari sini jelas bagaimana pola pewarisan dan pola tempat tinggal dalam masyarakat Adat Perpatih ini meninggalkan kesan terhadap hubungan suami isteri.

* Jawatan-jawatan adat dipegang oleh lelaki.

Walaupun kedudukan wanita dalam Adat Perpatih ini istimewa dari yang lain namun kaum pria tetap mempunyai keistimewaan juga terutamanya dalam hal-hal yang bersangkutan dengan keketuaan. Sekalipun jawatan itu di pegang oleh lelaki tetapi pewarisannya adalah disalurkan melalui wanita sejajar dengan konsep matrilineal dalam masyarakat adat tersebut. Pernah berlaku dawa di zaman lampasanya dahulu di Johor jawatan Undang disandang oleh wanita di mana Undang yang pertama hingga ketiga ialah wanita.

Umumnya lelaki dalam Adat Perpatih memegang jawatan-jawatan sebagai ketua adat dan juga ketua dalam keluarga. Antara jawatan-jawatan adat ini ialah seperti lembaga dan buapak.

Lembaga.

Lembaga ialah tuan Penghulu bagi satu-satu suku. Di Rembau kedudukannya dalam tabbiran adat diibaratkan dengan kata;

Yang bertumbuh di lereng itu, 62
Sebagai beluluk tumbuh di rusuk,

Lembaga dipilih oleh buapak iaitu ketua bagi perut dalam satu suku. Ciri pemilihan lembaga ini berdasarkan kepada keturunan yang baik dan beristerikan perempuan dari luhaknya kerana polarisasi tempat tinggal dalam Adat Perpatih adalah matrilocal. Ia hanya boleh dipecat oleh Undang.

Lembaga itu hidup matinya pada Undang. 63

Menyentuh tentang bidang tugas lembaga, misalnya dalam undang-undang jenayah, hanya boleh menyelesaikan kes-kes yang kecil sahaja.

Membuta mata, mematah tulang, memutus urat. 64

Dalam kes yang besar lembaga berfungsi sebagai polis, cuma boleh menangkap sahaja dan kuasanya pula khusus dalam sukunya sahaja.

⁶² Atas Kaji Ali, Rembau, Sejarah, Perlembagaan & Adat Istiadatnya, h. Terjemahan daripada buku Rembau, one of the nine states: Its History Constitution and Custom, oleh, Farr, C.W.C, dan Mackray, h.50.

⁶³ ibid, h. 56.

⁶⁴ Dr. Kordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, h. 73.

berhubung dengan tanah pusaka yang pada masa sekarang diatas nama perampuan saja, tidaklah berpindah milik atau digadaikan melainkan dengan setahu lembaga. Jika peraturan milik bagi harta mengikut kata perbilangan;

Jongka berilak,
Lantak bertungkul,
masa bertakil, 65

adalah dihormati oleh lembaga dan dijalankan oleh dua pihak berkenaan, merakalah yang mengukur tanah, memancing sempadan dan melihat wang berpindah tangan serta mendapat bahagiannya yang dinamakan "Adat Tungkul Lantak", dua puluh rupiah.

Buapak.

Buapak adalah sangkatan dari ibu bapa, beliau ialah ketua bagi satu perut. Berlantikan buapak mestilah dengan persetujuan semua anggota dalam perut itu dan disandang seumur hidup.

Bidang tugasnya menyelesaikan masalah yang timbul dalam perutnya sahaja. Seorang anak buah yang terus mengadu kepada lembaga dianggap bercelah dan boleh di hukam atas kesalahan melangkahi buapak. Buapak juga hanya boleh menyelesaikan kes-kes yang remeh temeh sahaja iaitu:

Luka conget petak berdegarh,
Luka ditutup kain baju, 66

⁶⁵ Abas Haji Ali, h. 59.

⁶⁶ ibid, h. 75.

Adanya pertalian istimewa diantara anak buah dengan bapa saudara
kedim.

Diantarany dasarnya lagi ialah pertalian istimewa antara anak
buah dengan bapa saudara sebelah ibunya (bapa saudara kedim).
Dalam Adat Perpatih perhubungan dua pihak ini sangat rapat. Bapa
saudara ini berhak melakukan sesuatu terhadap anak buahnya kalau di-
dapati memberi malu keluarga. Bapa saudara ini lebih penting lagi
dalam hal perut dan suku ungunya hal- hal yang bersangkutan dengan
perkahwinan.

Jelaslah daripada huraian yang telah disebutkan diatas mene-
rangkan beberapa konsep dan prinsip penting yang menambahkan unik
nya adat tersebut. Disamping beberapa dasar atau prinsip dan kon-
sep ini terdapat juga bahagian-bahagiannya.

Bahagian-bahagian Adat.

Selain daripada pengertian , prinsip atau dasar yang terdapat
dalam Adat Perpatih itu , terdapat juga bahagian-bahagiannya. Dan
bahagian-bahagian ini dapat dibahagikan kepada empat kategori:

- i - Adat Yang Sabenar Adat.
- ii - Adat Yang Diadatkan.
- iii - Adat Yang Teradat.
- iv - Adat Istiadat.

Adat Yang Sabenar Adat.

Adat Yang Sabenar Adat , iaitu adat yang patuh pada hukum dan peraturan alam seperti ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk. Bahagian awal inilah yang dikatakan ; Adat yang tak lapuk dek ^{hujan} panas, tak lekang dek ^{hujan} panas.⁶⁷

Ditinjau dari segi falsafahnya Adat Yang Sabenar Adat ini berpangkal kepada ketentuan alam iaitu ketentuan alam yang bakiki , abadi dan tidak berubah. Dalam kata perbilangan adat disebutkan:

Adat air cair, membasahi, 68
Adat api panas, membakar,

Dari peraturan adat ini manusia mengalami sendiri dalam hidupnya petunjuk yang sangat berharga bahwa jangan sekali manusia cuba menentang ketentuan alam kerana sikap demikian akan membinasakan diri sendiri.

Bagi melukikan sifat yang baik , diumpamakan sebagai rebatang padi yang berisi makin tunduk. Dan bagi manusia yang angkuh dan sombong diambil perumpamaan kepada buah labu dan ditiadakan dalam pepatah adat:

Lonjak bagai labu dibenam,⁶⁹

Jadi , setiap ketentuan alam itu diteliti , direnung dan dijadikan asas bagi peraturan hidup manusia dan adat inilah yang di

⁶⁷Dr. Abdullah Siddik, Adat Dan Modernisasi, Kertaskerja Seminar Persejarah dan Adat Perpatih, anjuran MERS, pada 9 - 12hb. April, 1974.

⁶⁸ibid, 5.
⁶⁹ibid, 2. 5.

⁶⁹ibid, h. 5.

mencirikan dengan kata-kata adat : Tidak lekang dek panas dan tidak lapuk dek hujan. Kerana itu jugalah lahirnya batu gurindam adat yang berbunyi;

Yang benar itu tidak lekang oleh panas,
Yang baik itu tidak lapuk oleh hujan,
Walaupun hawa nafsu yang membatas,
Akan hancur oleh kenyataan.

Walaupun begitu bukanlah bermakna Adat Perpatih ini tidak berubah dan tidak boleh diubah. Pada keseluruhannya semua ahli peng-kuji adat mengakui bahawa Adat Perpatih mengalami perubahan kerana keadaan alam yang sentiasa bergerak dan berubah mengikut keadaan zaman ke zaman. Perubahan besar yang dapat dilihat ialah dengan per-istiwa masuknya agama Islam ke alam Minangkabau. Falsafah yang ter-kandung dalam agama Islam itu menyuruh manusia memerhatikan alam semesta dan segala isinya dan jauh lebih mendalam dari falsafah yang terdapat dihelikang Adat Perpatih. Kerana itu berlaku penyesuaian antara adat dan agama dan apa yang didapati ialah Adat Perpatih dalam bentuknya sekarang. Perubahan besar ini diterima sebagai satu kenya-taan yang mustahak yang disandarkan lagi kepada kejadian sungai;

Sekali air gadang,
Sekali tepian beralih. 71

Apa yang nyata di sini ialah mereka menginsafi bahawa yang berubah hanyalah tepian tetapi sungai tetap sungai kerana itulah dulu Adat perpatih, walaupun berlaku perubahan tetapi tidak menyentuh per-

⁷⁰ ibid, h. 6 .

⁷¹ ibid, h. 7.

kara dasar.

Adat Yang Diadatkan.

Adat nan Biadatkan ini adalah sesuatunya yang disusun menjadi peraturan oleh Kenek Moyang Datuk Perpatih Nan Sabatang dan Datuk Ketemengungan guna untuk mengatur masyarakat dalam segala bidang, terutama dalam sosial kehidupan dalam pergaulan dan dibidang ekonomi bukan dan sebagainya. Di mana peraturan Adat Nan Biadatkan ini selalu didasarkan kepada Adat Nan Sabenar Adat (ketentuan alam). Dan selalu pula berdasarkan kepada kata apafakotyang berdasarkan kepada alur dan adat. ⁷²

Adat Yang Teradat.

Adat Yang Teradat adalah peraturan-peraturan yang dibuat dengan kata suafakat oleh mihak mihak Pemangku adat dalam suatu negeri guna untuk merealisasikan peraturan pokok dari Adat Minangkabau yakni Adat Yang Biadatkan dimana peraturan pelaksanaan ini sentiasa disesuaikan dengan situasi dan kondisi setempat selama tidak bertentangan dengan peraturan pokok itu tadi.

Lain padang lain belalang,
Lain lubuk lain ikan,
Lain negeri lain adatnya. ⁷³

Sebenarnya bukanlah adat yang berbeza-beza tetapi adalah Adat Teradatnya atau peraturan pelaksanaan. Yang peraturan pokok tetap

⁷²T.E. Dt. Radjo Penghulu, Rangkaian Mustika Adat Bersendi Syarak, Lembaga Kerapatan Adat Alam Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia, h. 114.

⁷³ibid, h. 116.

satu yaitu Adat Yang Sabenar Adat dan Adat Yang Diadatkan, seperti kata pepatah;

Adat banya sebatang,⁷⁴
Pusaka hanya sebuah.

Adat yang dimaksudkan dalam pepatah ini ialah Adat Yang Diadatkan hanya seorak (satu) bagitupun pusakanya yang berbeda hanya peraturan pelaksanaan.

Adat Istiadat.

Adat Istiadat ini adalah peraturan yang dibuat oleh ninik mamak pemangku adat , merupakan satu wadah untuk penampung selang kesukaan orang banyak yang tidak bertentangan dengan Adat Yang Diadatkan atau dengan ajaran yang mengiwar adat itu yakni budai luhur (akalak yang mulia) seperti berpenak silat, randai, olah raga, berburu dan kesenian-kesenian lainnya.⁷⁵

Kesimpulan.

Tentang pembahagian adat yang tersebut pada mula-mulanya tadi : Yang pertama dan kedua yakni Adat Yang Sabenar Adat dan Adat Yang Diadatkan sifatnya adalah satu disebutkan sebagai;

"Adat yang membuhul mati".

Adapun yang ketiga dan yang keempat yaitu Adat Yang Teradat

⁷⁴ibid, h. 116/

⁷⁵ibid, h. 116.

dan Adat Istiadat sifatnya pun satu juga seperti yang disebutkan dalam ketentuan adat sebagai;

"Adat yang membunuh sentak."

Di minangkabau Adat Nan Sabener Adat dan Adat Nan Diadatkan kedua-duanya dalam istilah sehari-hari disebut "Adat" sedangkan Adat Teradat dan Adat Istiadat disebut "Istiadat". Maka dalam istilah sehari-hari adat Minangkabau disebut dalam kata-kata majmuk " Adat Istiadat Minangkabau ". 76

⁷⁶ibid, h. 110.

SANAGIAN KEDUA

ADAT-BAT YANG MENIMBULKAN PERSOALAN DAN PENILAIAN.

Perkahwinan dan perinsipnya menurut Adat Perpatih.

Dalam hal perkahwinan, hukum syarak banyak mempengaruhi Adat Perpatih. Dengan berlakunya hukum syarak dan hukum adat di Negeri Sembilan, maka hukum Islam (hukum syarak) tidaklah dapat dijelaskan sepenuhnya kerana masih kuatnya pengaruh Adat Perpatih.

Hukum syarak menurut sistem endogami sedangkan Adat Perpatih mengikut sistem eksogami demi untuk mempertahankan masyarakat bersuku mereka. Dengan hal ini demikian terdapat larangan-larangan berkahwin dalam satu suku menurut Adat Perpatih.

Memelihara dan menjaga berlakunya peraturan eksogami adalah merupakan tugas penting bagi kepala adat mempertahankan suku. Ini terbukti susunan suku dalam beberapa daerah di Negeri Sembilan dan sebahagian daripada Melaka masih tetap teguh hingga dewasa ini.

Bagi masyarakat Adat Perpatih dilarang berkahwin dalam satu suku, tetapi larangan berkahwin dalam satu suku ini bukanlah mutlak keseluruhannya, kerana ada suku yang membenarkan berkahwin sesama mereka asalkan berlainan perut dan ada juga suku yang tidak membenarkan langsung berkahwin sesama suku sama ada seperti atau tidak.

adanya Bidanda Jakun boleh berkahwin dengan Bidanda Jawa dan Bidanda Bagang dan dalam suku Mungkal pula, suku Mungkal (darat) anak Mungkal Bukit boleh berkahwin dengan Mungkal Tebat walaupun dalam suku yang sama. Tetapi, diantara dua pecahan Bukit - Bukit dan Keling, tidak pula diluluskan bersemena menyemenda. Kebenaran berkahwin mengikut keturunan sebelah bapa pula ialah terjadi sebagai pengecualian yang langka bagi suku Tiga Menak dan Raya Kuntuh Daruh. Iaitu dua daripada empat suku yang mula-mula masuk ke Rembau itu, kerana kedua-dua ketua yang mula-mula datang itu adik beradik sebapa, iaitulah semenda menyemenda diantara kedua-dua suku itu. ¹

Gentah ini cukuplah menunjukkan bahawa kekeluasan berkahwin dengan lain suku itu sangat dipandang berat kepada keturunan asal. Dua perut yang tidak boleh menyungsangur keturunan sebelah ibunya masing-masing atau tidak dapat menerangkan silsilahnya, atau terliwat menyelesaikan darjah keturunannya yang gelap adalah akan dijumlahkan sebagai isyarat membolehkan semenda menyemenda diantara keduanya. ²

Oleh kerana itu melakukan atau melangsungkan kahwin sesama suku ini dijumlahkan kedalam kesalahan yang besar yang dinamakan sumbang: sumbang sewaris, berkahwin dalam suku yang sama tetapi berlainan perut dan sumbang sekedim, berkahwin dalam lingkungan perut yang sama. ³

Sumbang sekedim merupakan sebesar-besar kesalahan yang disebut

¹ Abas Haji Ali, Rembau, Sejarah, Perlembagaan & Adat Istiadatnya, Pejabat Cetak Kerajaan Johor, 1953, h. 92. Terjemahan daripada Farr, C.W.C. dan Mackrey, W.D., Rembau, one of the nine states: Its History, Constitution and Customs.

² Ibid, h. 93.

³ Ibid, h. 93.

juga 'sumbang belai melintang'. Di Masing suatu masa dulu diperen-
tahkan hukuman bunuh. Konon ceritanya berlaku di Pulau Sebang yaitu
laki-laki dan perempuan seri Malinggang berkahwin sesuku (sumbang
sekedim). Keduanya diletakkan kedalam sebuah bakul dan dibenam ke-
dalam sungai yang mengalir.⁴

Mohd. Din Bin Ali menegaskan :

Thus while the children of brothers of the same father
may intermarry in Islam, Marriage between parallel
cousins through the same grandmother is not allowed
in custom. Thus the scope of marriage prohibition is
enlarged by prohibiting intra - tribal marriage due
to the presence of common female blood custom in in-
sistent that the parties of the marriage should be of
the same generation . Thus marriage arranged referab-
ly between cross - cousins of the first or second d
degree. It is most common between cross cousins of
the first or second degree. It is most common betw-
een mother - brothers children for this relation ship
is permitted by both ; custom and Islam Law. 5'

Yang dimaksudkan dengan bahasa Inggeris parallel cousins dan
cross - cousins dalam ilmu antropology social ialah perkahwinan antara
orang-orang yang bersaudara atau orang yang senenek sedatuk atau de-
ngan lain kata seorang lelaki dan seorang perempuan yang sedatuk atau
senenek, sepupu kerana ibu mereka masing-masing bersaudara sebagai
seibu atau bersaudara kandung.⁶

Kanakula cross cousins pula ialah hubungan perkahwinan antara
lelaki dan perempuan senenek atau sedatuk. Bapa perempuan bersaudara
dengan ibu lelaki atau sebaliknya.

⁴ Ibid, h. 93.

⁵ Mohd Din bin Ali, Malay Customary Law and Family, Entisari, Vol. II,
No. 2, h. 44.

⁶ Ibid, h. 44.

Jadi menurut adat Perpatih yang berdasarkan susunan sukunya yang bersifat unilateral matrilineal sudah pada tempatnya perkawinan 'parallel cousins' , yaitu anak saudara perempuan sepupuyang berasal dari nenek yang-sama perempuan yang sama , tidak dibenarkan kerana mereka dalam satu suku.

Sementara cross - cousins pula dibenarkan dalam Adat Perpatih kerana pasangan yang berkatwin seperti ini tidak sama suku (ibu mereka berlainan suku) sesuai dengan Adat Perpatih yang mengira nisab dari sebelah ibu.

Konsep an Adat Perpatih yang berkenaan dengan suku masyarakat maka Adat Perpatih bersendi kepada sistem Unilateral Matrilineal ,
 yaitu setiap orang baik lelaki atau perempuan menarik garis keturunan hanya melalui wanita yaitu dari ibu ke ibu. 7

Perkuhwinan dalam Adat Perpatih, jelas berbentuk kawin se-
menda yang terdapat dalam masyarakat Unilateral Matrilineal di mana
sifatnya ialah eksogami dan matrilocal yaitu suami wajib diam ditem-
pat isterinya, setidak-tidaknya bertempat keluarga isterinya.

Bagi orang tempat semenda berlakulah adat suku isteri, bagi orang semenda (menantu lelaki) berlaku adat resam. Inilah yang dimaksudkan dengan kata:

Orang seconda sereasan,
Orang tempet semenda seadat.

⁷ Abdullah Siddik, Pengantar Undang Adat di Malaysia, Penerbit University Malaya, Kuala Lumpur, 1975, h. 132.

ibid., n. 133.

Perbahagian kepada dua orang ini mustahak untuk menentukan hak dan kewajiban kedua belah pihak kepada suku keseluruhannya. Hak dan kewajiban timbal balik bertujuan untuk kepentingan bersama. kedudukan orang semenda ditempatkan semenda mendapat selayaknya walaupun tidak ada hak untuk turut campur dalam perkara suku tempat semenda itu. Perbilangan adat ada menyatakan:

Orang semenda ditempat semenda,
Jika cerdek teman berunding,
Jika disuruh arah,
Tinggi banir tempat berlindung,
Rimbun daun tempat bertauang,
Disuruh pergi dipanggil datang,
Yang buta disuruh mengebus lesung,
Yang pekak disuruh menunggu jemuran,
Yang berani dibuat kepala lawan,
Kakat kaya hendakkan emasnya,
Kalau alim hendakkan ilmunya.⁹

Jelas menunjukkan dalam masyarakat Adat Perpatih tiap-tiap orang itu ada saja tugasnya, begitu juga dengan orang semenda, tidak dirikan berlaku sesuatu yang mencacatkan dirinya, ia tidak di buang dan dipersiapkan malah ia tetap berguna, keperibadiannya tetap kekal seperti kata perbilangan adat diatas.

Satu ciri yang tersendiri dalam Adat Perpatih ini, ia tetap mempunyai hubungan erat dengan sukunya sendiri, kerana jika ia bercerai hidup maupun kerana matinya isteri, maka ia dijemput pulang ke sukunya.

Jelaslah dengan adanya syarat eksogami dan matrilocal ini maka

⁹ibid, h. 134.

Perkawinan dalam Adat Perpatih tidak hanya bertujuan membolehkan hidup sebagai suami isteri tetapi lebih luas lagi dengan kaitan suku. Sehingga seseorang lelaki tidak dibenarkan berpoligami dengan perempuan yang sesuku dengan isterinya dan sesudah bercerai juga tidak digalakkan berkahwin dengan perempuan yang satu suku dengan bekas isterinya.

Jadi dalam Adat Perpatih perkahwinan bukan saja mendatangkan faedah kepada-keluarga peribadi tetapi juga mendatangkan faedah kepada keluarga dan suku. Perkahwinan membawa kesuburan suku. Ikatan antara keluarga dan antara suku bertambah erat. Perkahwinan merupakan faktor yang mengikat sistem bersuku kepada satu keseluruhan yang utuh.¹⁰

¹⁰Dr. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, h. 126.

Pandangan Islam Terhadap ^{Prinsip} Rangsang Berkahwinan Dalam Adat Perpatih.

Allah telah menjanjikan kepada hambanya nikmat perkahwinan yang mana menjadi kenyataan bahawa perkahwinan itu bertujuan untuk ketenangan jiwa , kasih sayang dan rahmat. Seperti Firman Allah:

وَمِنْ آيَاتِنَا أَنْ خَلَقْنَا لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ زُجْجًا لَكُمْ
وَجَعَلْ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً .

Hadis Nabi juga ada menyebutkan mengenai penyariatian nikah seperti mana yang terdapat dalam hadis yang berbunyi:

يَا مَعْشَرَ النَّبِيِّينَ مَنْ أَسْلَمَ مِنْكُمْ الْبَاطِنُ فَلْيَنْتَهِزْ
فَإِنَّ أَعْيُنَ النَّاسِ رَاجِعَةٌ إِلَى الْوُجُهِ وَهُمْ لَمْ يَسْتَقْطِعْ فَحْلَهُ
بِأَهْلِهِمْ فَإِنَّ لَهُ وَجْهًا .

Maksud hadis;

" Hai golongan pemimpin siapa diantara yang ^{berita} ~~danggapan~~ hendak-
lah berkahwin, kerana itu lebih menutup pandangan mata dan lebih
memelihara kehormatan diri, dan sesiapa yang tidak sanggup hendaklah
ia berpuasa. " _____

Selain daripada penyariatian nikah itu bertujuan untuk kenik-
matan hidup suami & isteri , Islam mengatur dengan lebih jauh

¹⁰ Lihat surah Ar-Rum , ayat 21.

¹¹ Sahih Bukhari, juzuk 2, Matbaah Mesir, 1377, h. 3 .

lagi yaitu untuk perkembangan keturunan dan zuriat insan. Hanya melalui perkahwinan pembiakan keturunan dapat diakui di sisi Allah dan hanya dengan perkahwinan saja akan dapat mengawal perpaduan keluarga dan ketuhan masyarakat.

Islam mengatur dalam hukumnya empat jenis larangan perkahwinan;

- 1 - Larangan berkahwin berdasarkan perbedaan agama.
- 2 - Larangan berkahwin berdasarkan pertalian darah.
- 3 - Larangan berkahwin berdasarkan hubungan perkahwinan.
- 4 - Larangan berkahwin disebabkan atas dasar sepesusua.¹²

Larangan berkahwin berdasarkan perbezaan agama seperti yang terdapat Firman Allah s.w.t. yang berbunyi; ¹³

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُوْمِنُوا وَلِلْمُؤْمِنَةِ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ
وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُوْمِنُوا وَلِلْمُؤْمِنِ خَيْرٌ مِّمَّنْ مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ
أُولَٰئِكَ يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى الْبَيْتِ وَالْخَيْرُ بِأَدْنَىٰ
وَلِيَاكُمُ النَّاسُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ .

Maksud ayat:

Jangan kamu nikahi wanita mushrik sebelum mereka beriman, sesungguhnya wanita budak yang mukmin lebih baik dari wanita mushrik walaupun dia menarik hatimu, dan janganlah kamu menikahi akan orang mushrik dengan wanita mukmin sebelum mereka beriman. Sesungguhnya budak yang mukmin lebih baik dari orang yang mushrik walaupun dia menarik hatimu. Mereka mengajak ke neraka sedang Allah ke syurga

¹² Muhammad Najib Al- Kute'i, Al-Majmuk Syarhul Muhazzab, juzuk 15, Khatba'ah Al-Imam Mesir, Tanpa tarikh, h. 369.

¹³ Lihat surah Al-Baqarah, ayat, 221, dan Al-Qur'an & Terjemahan, h, Pustaka Antara, K. Lumpur, cetakan pertama, h.54.

dan keampunan dengan izinnnya dan Allah menerangkan ayatnya kepada manusia supaya mereka mengambil pelajaran.

Ayat ini ditujukan kepada umum yaitu lelaki dan wanita Islam dilarang berkahwin dengan lelaki dan wanita bukan Islam. Tetapi dalam surah yang lain Allah telah mengecualikan kepada lelaki Muslim di mana dibenarkan seorang lelaki yang beragama Islam dengan perempuan Ahlul-Kitab (Yahudi dan Nasrani) tetapi tidak bagi wanita Islam. Kebenaran ini dinyatakan oleh Allah dalam ayat yang berbunyi: ¹⁴

وَالْمُؤْمِنَاتُ وَالْمُؤْمِنُونَ أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْمَوَدَّةِ بَيْنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمُؤْمِنِي الدِّينِ
إِذَا نَكَحُوا أَخْيَرَهُمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ فَغَدَوْا عَلَى مَا أَخَذُوا مِنْهُ وَلَوْ أَنَّ
الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتُ لَعَانَتْ كُلُّ سَائِلَةٍ أَنْ يَبْلُغَ الْغَدَاةُ فِيكُمْ مِنْهُمْ وَلَا يَحْزَنَ
الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَمَنْ يَبْلُغْ الْغَدَاةُ فِيكُمْ مِنْهُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمْ فِي شَيْءٍ
مِمَّا أَخَذُوا مِنْهُ فِي النِّكَاحِ إِذَا ظَلَمَ الْأَخِيَارُ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا

Maksud ayat;

" Dan dihalaikan mengahwini wanita yang menjaga kehormatan di- antara wanita-wanita yang beriman dan wanita-wanita yang menjaga kehormatan diantara orang yang diberi kitab sebelum kamu bila kamu telah membayar mas kahwin dengan maksud menikahnya tidak dengan mak- sud zina dan tidak pula menjadikannya gundah." >

Kebenarannya ini ada hikmahnya. Sesungguhnya Allah menjadi- kan lelaki adalah sebagai ketua, pelindung kepada kaum wanita khusus- nya dalam unit yang kecil iaitu keluarganya. Kewajipan suami hanya memberikan dakwah Islam kepada isterinya tetapi tidak memaksanya masuk Islam. Dalam memberikan dakwah ini ketentuan telah dibuat dalam Quran dengan ayat yang berbunyi; ¹⁵

¹⁴ Al-Maidah, ayat. 5.

وَلَا تَجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا
 مِنْهُمْ وَقُولُوا إِنَّمَا مَا نَزَّلَ إِلَيْنَا وَانزَلْنَا إِلَيْكُمْ وَالْبَرَاءُ وَالرِّقَابُ
 وَالرِّقَابُ وَحَسْبُ لِلَّذِينَ أَطَاعُوا عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksud ayat;

¹⁵ Janganlah

jika kamu berdebat dengan Ahlil Kitab melainkan dengan cara
 yang paling baik kecuali dengan orang yang zalim antara mereka dan
 katakanlah kami telah beriman kepada (kitab) yang diturunkan¹⁶ kami
 dan diturunkan kepada kamu. Tuhan kami dan Tuhan kamu adalah satu
 dan kami hanya kepadanya telah berserah diri.

Ayat ini menjadi dasar suami untuk bertoleransi dalam urusan
 agama dengan isterinya. Kalau dakwahnya tidak berhasil, diujung
 dakwah itu ia akan mengucapkan agamamu bagimu dan agamaku bagiku
 dan satu lagi ketentuan yang berharga- universal, oleh karena suami
 bertindak sebagai kepala keluarga maka anak-anak akan menurut ayahnya.
 Atau alasan inilah Islam membenarkan lelaki Muslim berkahwin dengan
 perempuan Ahlil Kitab.

Seterusnya Islam juga melarang perkahwinan berdasarkan perta-
 lisan darah, mengenai larangan ini kedapatan dalam Quran, ayat Allah
 yang terbunyi; 16

¹⁵ Al-Ankabut, ayat 46.

¹⁶ An-Nisaan', ayat 23.

حَرَّمَ عَلَيْكُمْ أَنْسَابَكُمْ وَبَنَاتَكُمْ وَأَخْرَاسَكُمْ وَمِمَّا لَكُمْ وَمِمَّا لَكُمْ
وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأَخِ

Madkud ayat;

'Dan diharamkan atas kamu (mengahwini) ibu-ibumu, anak-anak
mu yang perempuan; saudara-saudaramu yang perempuan; saudara-
saudara bagimu yang perempuan; saudar-saudaramu yang p ibumu yang
perempuan; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang laki-
laki; anak-anak perempuan dari saudara-saudaramu yang perempuan..
.....'

Larangan berkahwin berdasarkan pertalian darah ini ialah
untuk selama-lamanya. Eikmah larangan ini disebabkan kerana
perlakuan begini merupakan satu pencemaran besar terhadap kesu-
cian Eitrah. Bila rasa saling menyintai yang mendalam antara
orang tua dan anak ini disaingi pula oleh nafsu seksual yang akan
perebut dan merosakkannya, pada hal ia suatu barang yang amat
bernilai dalam hidup ini.¹⁷

Dan lagi, antara anak dan ayah, anak dan ibu dan antara
adik beradik telah terjalin rasa kasih sayang yang suci, berlaku
pergeulan bebas antara saudara, dibesarkan dalam satu bumbung yang

¹⁷ Sayid Sabiq, Fiqh Sunnah vi, (Alik Bahasa Oleh Mahyumu Shef,)
jilid 1, Penerbit Araz Bandung, Tanpa tarikh, h. 117.

sama, jadi keadaan begini sudah tentu akan menimbulkan satu yang bertentangan dalam jiwa seseorang itu untuk hidup bersama sebagai suami isteri.

Islam melarang lagi perkahwinan atas dasar hubungan perkahwinan iaitu dilarang berkahwin dengan isteri ayah (ibu tiri), ibu mertua, anak tiri kiranya ia telah bersetubuh dengan ibunya dan isteri anak (menantu). Ketentuan telah dibuat dalam ayat yang berbunyi; ¹⁸

وَلَا تُكَوِّنُوا مَا بَيْنَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ
إِنْ كَانَ مَا بَيْنَكُمْ وَمِنَّا وَهَـٰذَا بَيِّنَاتٌ

Artinya,

'Jangan kamu kahwini wanita-wanita yang telah dikahwini oleh ayahmu terkecuali pada masa yang lampau. Sesungguhnya perbuatan itu amat keji dan dibenci Allah dan ^{baik-baik} ~~sebaik-baik~~ jalan yang ditempuh.'

Seterusnya Allah berfirman dalam ayat, ¹⁹

وَأَسْرَارَ نِسَائِكُمْ وَرَبِّائِكُمُ الَّتِي كُنْتُمْ تُجْبِرُونَ عَلَيْهِنَّ
إِنْ دَخَلْتُمُوهُنَّ فَإِنْ لَمْ تَكُونُوا دَخَلْتُمُوهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ
وَحَلَالٌ لَّيْسَ بَيْنَكُمْ ذَنْبٌ مِنْ أَصْلَابِكُمْ

Maksud ayat,

'Ibu-ibu isterimu (mertua); anak-anak isterimu yang dalam pemeliharaan dari isteri yang telah kamu campuri, tetapi jika kamu belum campur dengan isterimu itu (dan sudah kamu ceraikan), maka tidak berdosa kamu mengahwininya; (dan diharamkan bagimu) isteri-isteri anak kandungmu (menantu).....'

¹⁸An-nisaa' ayat, 22.

¹⁹An-nisaa' ayat, 23.

Larangan ini ditentukan kerana tidak mungkin terbentuk keserasian sebagai suami isteri antara anak dan tingkat ibunya dan antara anak dan tingkat bapanya, sekalipun secara resmi bukan tingkat ibu atau bapanya lagi. ²⁰

Seterusnya Islam mengharamkan kahwin serentak dua orang perempuan adik beradik. Sebagaimana yang telah difirmankan oleh Allah s.w.t. dalam ayat yang berbunyi; ²¹

وَأَنْ تَنْكِحُوا بَيْنَ الْأَخَوَاتِ إِلَّا مَا قَدْ مَلَكَ أَنْفُسُكُمْ
كَانَ حَقًّا عَلَيْكُمْ وَأَنْ تَنْكِحُوا

Maksud ayat,

'.....dan menghiampunkan (dalam perkahwinan) dua orang perempuan yang bersaudara, kecuali yang telah terjadi pada masa lampau; sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.'

Larangan mengahwini dua orang bersaudara ini ditentukan kerana isteridan ketika itu terjalin hubungan kerabat. Dan dalam hubungan kerabat pantang mengahwini dan dikahwini.

Selain daripada itu perkahwinan begini akan menimbulkan perasaan cemburu dan iri hati antara dua bersaudara tersebut dan ini bukan hanya akan memecahkan hubungan suami isteri tetapi lebih hebat lagi di mana akan merosakkan dan memutuskan pula hubungan keluarga dan persaudaraan antara keduanya.

Seterusnya Islam memperluaskan lagi larangan perkahwinan

²⁰ Dr. Sidi Gazalba, Di-ambang Pintu Perkahwipan, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1976, h.67.

²¹ 'An-nisaa' ayat, 23.

ini kepada orang-orang sepesusuan. Dan ini telah disebutkan dalam ayat yang berbunyi;²²

وَأَصْرَافُكُمْ الْخَائِرَ مِنْكُمْ وَأَخْوَالَكُمْ مِنَ الرِّفَاءِ

Yang bermaksud,

'..... ibu-ibu yang menyusui kamu; saudara-saudara perempuan sepesusuan.....'

Dan begitu juga dengan hadis yang telah diriwayatkan oleh A'ishah r.a.h.²³

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَا حُرِّمَتْ الْوَلَدَةُ مِنْ رَحْمَةِ الرَّحْمَةِ

Maksudnya,

Telah berkata Rasulullah s.a.w.: Apa yang diharamkannya kerana peranakan, diharamkan juga ^{oleh} kerana susuan.

Larangan ini didasarkan atas sebab antara anak susuan dan anak kandung setaraf kedudukannya iaitu samalah seperti adanya hubungan pertalian darah sekalipun pada hakikatnya tidak. Oleh kerana itu haram baginya mengahwini saudara perempuan sepesusuan-nya dan adik beradik saudara sepesusuan-nya.

Demikianlah secara ringkas wahyu-wahyu ilahi mengenai larangan-larangan perkahwinaan bagi umat manusia yang memeluk agama Islam (Muslimin).

²² An-nisaa' ayat, 23.

²³ As Sayuti, Sunan An-nisaa'i, juzuk 5, Matba'ah Ash Syarkah Al-Amah, Beirut, Tanpa Tarikh, H.98.

Jelas di sini letangannya perkahwinan yang diaturakan oleh Islam dan jika diteliti dan diperhatikan tidak ada kedapatan pen- syarlatan nikah dalam Islam ini yang melarang atau menegah kahwin sesama suku seperti yang terdapat dalam Adat Perpatih. Tegasnya penambahan hukum yang dilakukan dalam Adat Perpatih tidak dapat di- akui dalam Islam.

Larangan berkahwin sesama suku dalam Adat Perpatih , sebenar nys lebih banyak cenderung kepada kepentingan masyarakat, iaitu untuk menjaga kesuburan suku dan masyarakat, jadi perlulah di- luaskan perkahwinan itu di luar suku. Ada lebih baiknya kalau di- tinjau alasan-alasan yang menghalang kahwin sesama dalam Adat Perpatih ini.

Pada peringkat idon, hukum kahwin sesama adalah kepercayaan bahawa keturunan hasil daripada perkahwinan itu akan ada cacat cela- nya, tak cukup sifat, bodoh dan sebagainya.²⁴

Seterusnya lagi kahwin sesama suku beerti mencacatkan, bukan sahaja yang disifatkan oleh adat adik beradik sederhana sedaging tetapi juga ... ialah suatu tragedi yang merugikan suku, kerana kedua-duanya juga ibu bapa kedua pihak yang berkenaan terlibat sama , lucut hak keistimewaan mengikut adat , mewaris sustunya pesaka harta dan gelaran dalam adat yang dijumlahkan kedalam salah satu perbilangannya:

Derhaka, celaka: Bahaga: dahagi: Rumbun: bakar,
Tikan: bunuh: Upas: racun: Gumbang: salah.²⁵

²⁴Dr. Nordin Solat, Sistem Sosial Adat Perpatih, h. 124.

²⁵Abas Haji Ali, Sebahagian Hari Dasar Adat, Kertaskerja Seminar Persejarahatan Adat Perpatih, anjuran MBSA, 1974, h.21.

Lebih jauh lagi , merupakan suatu kecalahan yang paling besar andaikata berlakunya perkahwinan antara dua orang bersaudara sepupu yang ibu pasangan tersebut adik beradik. Dalam Adat Perpatih dianggap sumbang sekedim atau 'sumbang balai melintang'.

Sejauh mana benarnya dan terpesungnya adat ini dalam Islam sialah disoroti kembali apakah pandangan Islam terhadap alasan-alasan yang diberikan oleh kepala-kepala adat ini. Jika ditinjau kelahiran anak yang tidak ^{baik} sifat, bodoh dan sebagainya dalam perkahwinan sesama seperti yang didakwakan dalam Adat Perpatih merupakan alasan yang terlalu mudah untuk menetapkan sesuatu hukum. Harus ditinjau kembali keadaan masyarakat yang tidak mengamalkan prinsip kesukuan, apakah perkahwinan mereka menghasilkan anak-anak yang bodoh dan cacat dan begitu juga dalam masyarakat yang memperhitungkan prinsip kesukuan ini, apakah perkahwinan yang diluar suku itu semuanya melahirkan anak anak yang sempurna, cukup sifat , cerdik dan sebagainya. Sebagai insan yang mengaku dirinya beragama Islam , mempercayai konsep Takdir, mestinya mengakui dan mempercayai semua ini adalah kehendak Tuhan Yang Maha Mengetahui.

Dalam Qur'an , Allah telah menetapkan dan menggariskan siapa-kah yang dikatakan adik beradik yang ekoreannya akan membawa hukum tidak boleh dikehwin. Jadi di manakah logiknya halangan berkahwin sesama suku dalam Adat Perpatih yang dikatakan sebagai mencacatkan kerana keduanya dikatakan sebagai adik beradik sedarah sedaging. Ini semua adalah sebagai anggapan semata-mata bukan hakikat sebenarnya. Dan sewajarnya perkara yang menjadi anggapan itu mesti tunduk kepada hakikat sebenarnya.

Lebih jauh lagi, Adat Perpatih melarang keras perkahwinan sepupu (parallel cousin) di mana kedua ibu masing-masing adik-beradik . Sebaliknya pula membenarkan pula perkahwinan sepupu di mana ibu perempuan adik beradik dengan bapa lelaki. Kalau diteliti kedua-dua jenis saudara sepupu ini sama saja kedudukannya, ibu atau bapa masing-masing adik beradik, jadi tidak seharusnya lah ada perbezaan hukum dan inilah pandangan Islam. Tetapi Adat Perpatih telah meletakkan hukum yang berbeza dalam perkara ini.

Bagitu juga larangan berpoligami dengan perempuan yang sesuku dengan isteri ini juga tidak didapatkan dalam syariat Islam , lebih-lebih lagi perinsip atau dasar adat tersebut yang tidak menggalakkan perkahwinan dengan perempuan yang sesuku dengan bekas isterinya. Sebetulnya pada pendapat penulis ini semua adalah perkara yang diada-adakan sahaja dalam adat tersebut yang motifnya adalah lebih memelihara perkembangan dan kesuburan suku kerana perkahwinan dua atau tiga sekali gus dalam satu suku bermakna akan menyempitkan dan mengurangkan kesuburan suku. Oleh kerana itu perkahwinan perlu diatur di luar lingkungan suku isteri atau bekas isteri. Islam tidak pernah menghalang perkahwinan dengan sesiapa sahaja asalkan tidak melanggar batas-batasan orang yang telah digariskan oleh Allah dalam Al-Qur'an sebagai yang dibenarkan mengahwininya.

Untuk itu perlulah rasanya , pemegang-pemegang dan kepala-kepala adat meneliti kembali dasar-dasar atau perinsip yang terdapat dalam Adat Perpatih dari segi untung ruginya. Umumnya kesedaran-kesedaran adanya pertentangan adat dan Ugama dalam Adat Perpatih ini biasanya berlaku dikalangan-kalangan kaum terpelajar (intelektual). Tidak mustahil golongan ini akan merasa kecewa dengan keadaan tersebut dan lanjutan

-nya mereka akan cuba lari dari hidup yang beradatkan Adat Perpatih ini. Sudah tentu keadaan ini akan merugikan masyarakat adat tersebut.

Sebagai kesimpulannya , terpulanglah kepada individu ^{ada} dan masyarakat tersebut untuk bertindak balas dalam perkara ini samada mahu tunduk dan patuh kepada kebenaran hakiki, patuh dan rela kepada adat susunan manusia yang serba kekurangan.

Pembahagian harta pusaka dalam Adat Perpatih.

Tidak dapat dinafikan kontra yang selalu berlaku antara masyarakat bukan Adat Perpatih terhadap masyarakat Adat Perpatih, umumnya disebabkan oleh pembahagian harta pusaka dalam adat tersebut yang mementingkan kaum wanita, bertentangan dengan kehendak pembahagian yang telah diayatkan oleh hukum Islam. Kontraversial ini sering diperkatakan orang di akhbar-akhbar, majallah-majallah, dan tak kurang juga didalam seminar-seminar.

Menegenai harta ini Ahmad Ibrahim menegaskan : Mengikut Adat Perpatih di Negeri Sembilan prinsip asas berhubung dengan harta berdasarkan keturunan yang mementingkan perpaduan suku, jadi semua undang-undang berkenaan dengan sesuatu harta dibentuk untuk mengekalkan keturunan melalui kaum wanita. Ini adalah untuk mengekalkan pengeluaran perpecahan harta dan pengaliran keluar supaya mencukupi untuk penjagaan kaum wanita yang mana dianggap sebagai tali penghubung sesuatu keturunan itu.²⁶

Seri pentingnya harta kepada masyarakat Adat Perpatih dapat dilihat dengan kegigihan anggota-anggota masyarakatnya keluar mencari harta. Oleh kerana inilah kedapatan dalam Adat Perpatih konsep 'merantau' untuk anak-anak teruna mencari harta dan menambah kekayaan untuk dibawa balik. Tersirat dalam konsep 'merantau' ini ialah usaha mencari rezki kerana rezki berada dimana-mana saja asalkan rajin mencari dan berusaha. Pantun adat ada menyebutkan:

²⁶ Ahmad Ibrahim, in Family Law And Customary Law in Asia, diedit oleh Sexbaum, D.C. Family Law and Customary Law in Asia, 133. A Contemporary Legal perspective, Martinus Nijhoff, The Hague, 1966, h.133.

Keratau matang di hulu,
Berbunga berbuah belum,
Merantau dagang dahulu,
Di kampung berguna belum. ²⁷

Umumnya merantau sememang telah menjadi kebiasaan kepada anggota masyarakat tersebut terutama pasangan-pasangan suami isteri sejak awal-awal lagi telah memperhetungkan tanah untuk anak-anak mereka, terutama anak perempuan. Semakin ramai bilangan anak perempuan semakin banyak tanah yang harus disediakan. Tugasnya, merantau ialah untuk mencari harta, menambah kekayaan untuk nanti dibawa balik ke-kampung halaman.

Dalam Adat Perpatih terdapat empat jenis harta:

- 1 - Harta pusaka.
- 2 - Harta pembawa.
- 3 - Harta dapatan.
- 4 - Harta carian. ²⁸

Pada dasarnya harta pusaka ialah harta kepunyaan sesuatu suku atau perit yang diwarisi turun temurun daripada ibu kepada anak perempuan dan seterusnya, mereka hanya punya hak pakai saja, boleh memin-dahkan kepada orang lain tetapi tidak boleh menjual naka. Dalam Adat Minangkabau dikenal sebagai genggan nan beruntuk. ²⁹

Mengenai harta pusaka ini dapat dibahagikan kepada dua jenis:

²⁷ M. Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, cetakan kedua, Penerbit Bulan Bintang, Jakarta, 1971, h. 192.

²⁸ Dr Nordin Solat, Sistem Sosial Adat Perpatih, h. 113.

²⁹ *ibid*, h. 113.

harta pusaka benar dan harta pusaka sendiri.

Pusaka benar iaitu harta kepunyaan suku yang terdiri daripada tanah kampung, tanah sawah, dusun, buah-buahan dan rumah yang diwarisi dari ibunya yang lotaknya di atas tanah pusaka. Pemilik-pemilik perempuan adalah sebagai pemegang amanah yang tertentu sahaja, iaitu berhak mengusahakan, mengambil faedah daripadanya dan tempat saudara lelaki berlandung semasa bujang atau bercerai atau dalam istilah hukum Adat mereka ini hanya punya hak pakai bukan hak milik perseorang.³⁰

Harta pusaka sendiri pula ialah harta yang diwarisi oleh anak daripada orang tuanya seperti barang kemas dan lain-lain tetapi bukanlah dari jenis senjata seperti pedang dan sebagainya.

Harta pembawa ialah harta lelaki. Harta carian titik peluhnya semasa ia bujang, selain daripada itu harta yang dihiadahkan oleh ibu bapa kepada anak lelaki sesudah atau semasa ia kahwin juga dikatakan harta pembawa.

Harta dapatan ialah harta yang dimiliki oleh seorang perempuan yang berkahwin yang mengandungi tiga jenis harta: Iaitu miliknya sendiri seperti barang-barang kemas yang diterima daripada kedua ibu bapanya, carian janda atau bahagian yang diperolehi waktu bercerai.³¹

Harta carian ialah harta carian suami isteri umpamanya segala tokok tambah harta pembawa waktu berkahwin. Menurut Abas Haji Ali, harta carian ada dua jenis: carian masa suami isteri (ucha sama)

³⁰ Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia, h. 146.

³¹ Ahmad Ibrahim, Customary Law in The Malaysian Legal Context, diedit oleh Fuxbaum D.C., Family Law And Customary Law in Asia, A Contemporary Legal Perspective, Martinus Nijhoff, The Hague 1968, h. 135.

dan carian semasa bujang atau dinamakan juga harta pembawaan laki-laki.³²

Umumnya disebut harta dalam Adat Perpatih ialah tanah, iaitu harta pusaka yang terbesar. Tanah ini merupakan satu pengikat untuk berdiri satu organisasi 'klan'. Jika pemakaian tanah tetap dipakai secara 'communal', ini berarti kelangsungan hidup dari organisasi klan dapat berjalan terus. Andakata pemakaian tanah berubah dan menjadi hak individu ini berarti terhapus fungsi klan.³³

Seesai dengan sifatnya sebagai pemegang harta pusaka maka harta itu dilarang keras menjualkan atau menggadaikannya kepada lain keluarga (perut) atau suku kecuali bertemu syarat:

Rumah gadang kaffirisan,
Adat pusaka tak berdiri,
Gadis gadang tak berlaki,
Ayat terbujur ditengah rumah.³⁴

Keempat-empat perkara ini melibatkan maruah suku, oleh itu kalau ada suku yang mengabaikannya bermakna suku itu tidak ada maruah dan kehormatan lagi.

Sekalipun gadai dan jual itu dibenarkan kalau kena dengan syaratnya namun dihadkan kepada orang dalam perut dan suku itu sahaja. Tegasnya waris yang paling dekat, lebih utama. Apabila tidak ada barulah pergi kepada waris yang paling jauh dengan persetujuan lembaga atau Undang.

³²Abas Haji Ali, Rembau, Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadatnya, B.90.

³³Hochtar Haim, Menggali Hukum Tanah dan Hukum Waris Menangkaban, Percetakan Sri Bharwa, Padang, Indonesia, 1968, 87.

³⁴ibid, h. 155.

Dalam kita kaji sistem pusaka atau sistem kewarisan Adat Perpatih ini menunjukkan bahwa ialah sebagai satu sistem kewarisan kolektif di mana harta pusaka peninggalan tidak boleh dibagikan pemilikannya diantara para ahli waris. Dan ini adalah sesuai dengan sifat kekeluargaan dalam Adat Perpatih yang menimbulkan masyarakat yang bersuku. Dengan sistem kewarisan tersebut maka harta tinggal dalam keluarga suku itu sendiri.

Harta pusaka biasanya adalah hak milik perempuan. Jika ibu mati maka harta itu akan turun kepada anak perempuan atas dasar sama bahagian tiap-tiap seorang. Jika tiada anak perempuan akan turun kepada bekodin ibu dan kalau tiada juga akan jatuh kepada waris perempuan dalam suku.

Di Rembau jika didapati anak perempuan lebih dari seorang seorang bapa berkewajipan membuatkan sebuah rumah bagi anak perempuannya atau isterinya pada mana-mana tempat dalam tanah pusaka itu. Rumah itu biasanya akan menjadi milik anak perempuan yang bongsu. Sawah dibahagi sama rata antara anak perempuan tersebut. Jika ada anak perempuan ini yang meninggal lebih dahulu dari ibunya, maka anak-anaknya yang perempuan akan mengambil bahagian ibunya yang meninggal.³⁵

Dalam hal pewarisan pusaka yang begini maka Adat Perpatih telah menentukan dua jenis hubungan waris atau kedim iaitu;

- 1 -- Waris yang langsung seperti anak.

³⁵Abas Haji Ali, Rembau, Sejarah Perlembagaan, Adat Dan Istiadatnya, h. 82.

2 - waris yang tak langsung iaitu anak ibu jika ibunya
bersaudara, anak moyang jika moyangnya bersaudara.

Maka dari ketentuan ini harta pusaka benar turun kepada waris
yang langsung terlebih dahulu . Jika tiada anak barulah berpindah
kepada waris yang tidak langsung: iaitu atas dasar , tingkat yang lebih
gokat
jauh menyingkirkan yang lebih jauh dan kalau tidak didapati dua jenis
waris diatas maka tanah pusaka benar boleh dilelong dengan syarat di-
beri keutamaan kepada suku yang sama sebelum diberi kesempatan kepada
ahli-ahli suku yang lain.³⁶

Anak lelaki tidak ada hak dalam harta pusaka, sehingga jika
tiada langsung anak perempuan dan waris perempuan anak lelaki tetap
tidak berhak. Maka harta yang seperti ini dinamakan "pusaka tergantung"
di mana anak atau waris akan mempersembahkan harta itu kepada Wadang
untuk kebenarannya menjualnya.

Di Rembau satu ketetapan baru telah dibuat berhubung dengan
perkara waris mewarisi bagi lelaki. Dalam Majlis Mesyuarat Negeri
Sembilan 1899 diputuskan bahawa anak lelaki bolehlah mengambil harta
pusaka yang tiada waris perempuan itu selama ada hayatnya. Mengikut
peraturan ini hanya jika perempuan itu mempunyai seorang anak lelaki
sahaja, Jika ia menuntut bolehlah ia memekut selama ia hidup. Apa-
bila ia mati berpindahlah harta itu ke tangan sekedim perempuannya
dalam suku. Sebagai satu ketetapan maka sewaktu menurunkan nama,
sungguh pun diturunkan kepada sekedim perempuan yang harus mewarisi-
nya tetapi nama lelaki atau anak lelaki yang tunggal adalah juga di-
³⁶
Taylor, E.N., Customary Law of Rembau, JMBRAS, Vol vii, 1929, h. 9.

Seorang perempuan yang memegang harta pusaka tetapi tidak mempunyai bakal yang terus mewarisinya maka ia boleh menjual harta itu bagi belanja naik haji dengan syarat pembelinya mestilah dari waris sukunya sendiri/^{sebelum pergi} kepada ahli suku yang lain. Pada zaman Melayu dahulu jika pembelinya itu perempuan suku lain maka lembaga kedua suku berkenaan hendaklah hadir di atas tanah itu mencajak tukul lantak bagi menentukan sempadannya sebelum pembayaran disempurnakan mengikut perbilangan;

Jangka berilak,
Lantak bertukul,
Emas bertahil, 38

Sementara itu harta pusaka sendiri ini dikawal oleh The Small Distribution Act 1955 dan diperbaharui pada tahun 1972, Akta 98, bahagian tiga, ketentuan khas yang berkecualan dengan Negeri Sembilan.

Dengan itu harta pusaka sendiri ini dimaksudkan kepada kebun-kebun getah selain dari carian lain yang telah ditinggalkan oleh seorang yang meninggal dunia. Bahagian tiga, perkara 22 memperuntukkan, bahawa:

" The estate of any deceased person who was at the time of his death, a member of a tribe shall be deemed to be a small estate, what ever its total value and very such person shall be deemed for the purpose of his Act to have died intestate in respect of the state ". 39

³⁷ Abas Haji Ali, Rembau, Sejarah Perlembagaan dan Adat Istiadatnya, h. 90. 83.

³⁸ ibid, h. 90

³⁹ Perkara 3 (2) , Bahagian ii, Administration of Small Estate.

Mengikut Dr. Abdullah Siddikpala, sistem pewarisan harta pusaka kecil ini sudah menyimpang dari sistem pewarisan Adat Perpatih yang asli tetapi telah dapat diterima oleh perkembangan Adat Perpatih sebagai Adat yang diadatkan: iaitu baik anak lelaki atau perempuan, berhak mewarisi harta pusaka kecil.⁴⁰

Sekali imbas dirasakan bahawa kedudukan anak lelaki dalam Adat Perpatih rendah daripada anak perempuan kerana ia tidak ada hak langsung keatas harta pusaka. Sungguhpun demikian bukanlah sehingga tidak ada timbang rasa sama sekali. Anak lelaki bukanlah tidak boleh sama sekali memegang kuasa amanah, buah-buahan daripada pokok yang ditanamnya sendiri dalam tanah pusaka ia boleh mengambil hasilnya apabila ia keluar kerana berkahwin atau mencari untung. Adat meluluskan juga membawa wang atau sebarang pemberian emaknya menjadi bahagiannya dalam harta emaknya yang diharapkan harus kembali semula jika ia bercerai dengan isterinya atau pun mati.

Mengenai harta pembawa, jika harta carian bujang iaitu hasil titik peloh anggota lelaki berkenaan, bila ia mati jatuh kepada saudara perempuannya. Harta yang dihadiahkan oleh ibu bapanya, apabila ia mati atau berkahwin harta ini balik semula kepada warisnya. Pemulangan ini dibuat pada hari meratus hari.

Kenurut Abas Haji Ali, harta carian bujang ex suami atau harta bahagian yang dibawa dari isteri yang dahulunya, jika si suami itu mati maka harta itu akan kembali kepada sekedim sebelah emak lelaki. Maka peraturan ini tetap, walaupun harta itu dibawa ke rumah isteri-

⁴⁰-
Dr. Abdullah Siddik, Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia,
H. 152.

nya atau jika tanah, sudah pun seperti kedua-duanya bersama-sama bertanggung jawab dalam masa berkongsi hidup itu, maka harta itu selamanya dikira "harta pembawa" juga".⁴¹

Berkaitan dengan harta dapatan (harta kepunyaan perempuan) bila isteri meninggal dan tidak ada anak, harta itu akan jatuh kepada waris, sebaliknya jika ada anak, maka harta dapatan akan jatuh kepada anak perempuannya.

Di Rembau mengenai harta carian suami isteri, harta itu hendaklah berpindah kepada anak perempuan jika isteri mati tetapi jika suami mati maka harta itu tinggal kepada isteri bagi bakal milik anak perempuannya. Tertakluk kepada kata perbilangan;

Perseorangan beragik,
Berkutu bolah,
Carian bahagi, 42
Dapatan tinggal.

Menurut Dr. Nordin Selat, pembahagian carian laki bini adalah seperti berikut: bila isteri atau suami meninggal tanpa keturunan, semuanya jatuh pada yang tinggal. Bila suami yang meninggal dan ada anak, harta jatuh pada isteri dan anak-anak. Bila isteri yang meninggal dan ada anak, harta dibahagi antara suami dengan anak-anak. Pembahagian tak semestinya sama. Dasar yang digunakan ialah bertimbang rasa pada anak-anak.⁴³

⁴¹Abas Haji Ali, Rembau, Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadatnya, h. 91.

⁴²ibid, h. 99.

⁴³Dr. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, h. 118.

Dengan cara pewarisan kepada anak-anak ini maka adat Kerpatih disamping memakai sistem kewarisan kolektif (harta pusaka benar) juga memakai sistem kewarisan individual (harta pusaka sendiri yang bukan tanah adat dan juga harta carian suami isteri) telah dapat dibahagikan dan diperseorangkan diantara para ahli waris iaitu anak simati baik lelaki maupun perempuan.

Ditinjau dari segi perempuan waris yang terdekat ialah menurut

ris kebawah kepada anak-anaknya

nya, jika anak cucu tidak ada baru

saudara-saudara simati. Tetapi

adip pertalian darah tidak menon-

ment adat Kerpatih anak bukan

dari golongan Adang simati anak perempuan bukan

tidak sesuku dengan simati. Ia adalah masuk suku ibunya

apat jadi ahli waris dari ibunya sendiri.⁴⁸

hubungan darah dan menggunakan wa

dan cucunya melalui anak perempuan

diambil dari garis sampingan iaitu

lelaki yang mati walaupun ada perih

adip adat Kerpatih anak bukan

dari golongan Adang simati anak perempuan bukan

tidak sesuku dengan simati. Ia adalah masuk suku ibunya

apat jadi ahli waris dari ibunya sendiri.⁴⁸

waris, ana

dan hanya d

Masalah yang paling rumit untuk mencari penyelesaian dalam Adat Perpatih ini ialah masalah yang berhubung dengan pembahagian harta pusaka. Ini disebabkan oleh satu daripada dasar adat tersebut di mana pewarisan harta melalui kaum ibu.

Warisan menurut Adat Perpatih (Adat Minangkabau) adalah sekadar menguasai sahaja, seorang atau sesuatu kaum mendapat warisan dari neneknya atau mamaknya menurut adat hanya sekadar menguasai tidak boleh menjual atau menghibahkannya kepada sesiapa pun kecuali kalau disepakati oleh semua keluarga dalam kaum itu. Hanya yang dibolehkan menguasai hasilnya atau buah dari harta pusaka itu.⁴⁵

Berlainan dengan waris menurut Islam, mempunyai bahagian-bahagian tertentu seperti yang telah ditetapkan oleh Al-Qur'an dan bahagian ini dapat dikuasai menurut hak miliknya, boleh dijual, digadaikan dan dihibah tanpa balangan sesiapa. Ketentuan yang jelas dan terang terdapat dalam ayat Qur'an yang berbunyi; ⁴⁶

وَلَكُمْ مِنْ مَا تَرَكَتُمْ أَنْ تَرْجِعُوا إِلَى آبَائِكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرِّبْحُ
مِمَّا تَرَكَتُمْ مِنْ دُونِ آبَائِكُمْ يَوْمَئِذٍ وَلَهُنَّ الرِّبْحُ مِمَّا تَرَكَتُمْ إِنْ لَمْ
يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الرِّبْحُ مِمَّا تَرَكَتُمْ مِنْ دُونِ آبَائِكُمْ
إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ وَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرِّبْحُ مِمَّا تَرَكَتُمْ مِنْ دُونِ آبَائِكُمْ
إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ وَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرِّبْحُ مِمَّا تَرَكَتُمْ مِنْ دُونِ آبَائِكُمْ
إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ وَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرِّبْحُ مِمَّا تَرَكَتُمْ مِنْ دُونِ آبَائِكُمْ

⁴⁵ Mochtar Naim, Menggali Hukum Tanah Dan Hukum Waris Minangkabau, Percetakan Sri Dharma, Padang, Indonesia, 1968, 133.

⁴⁶ Al-Qur'an, surah An-nisaa, ayat 12.

" Dan bagimu (suami-suami) seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu, jika mereka tidak mempunyai anak. Jika isteri-isterimu itu mempunyai anak, maka kamu mendapat seperempat dari harta yang ditinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang mereka buat atau (dan) sesudah dibayar hutangnya. Para isteri memperoleh seperempat yang kamu tinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak. Jika kamu mempunyai anak, maka para isteri memperoleh seperdelapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi ^{wasiat} yang kamu buat atau (dan) dan sesudah dibayar hutang-hutangnya. Jika seseorang mati, baik laki-laki maupun perempuan yang tidak meninggalkan ayah dan tidak meninggalkan anak, tetapi mempunyai seorang saudara laki-laki (seibu saja) atau seorang saudara perempuan (seibu saja), maka bagi masing-masing dari kedua jenis saudara itu seperenam harta. Tetapi jika saudara saudara seibu lebih dari seorang, maka mereka bersekutu dalam yang seperti itu, sesudah dipenuhi wasiat yang dibuat olehnya atau sesudah dibayar hutangnya dengan tidak memberi mudharat (kepada ahli waris). (Allah mengetahui yang demikian itu sebagai) syariat yang benar-benar dari Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Penyantun"

Selain dari ayat diatas terdapat lagi beberapa ayat Qur'an yang menentukan berapa bahagian masing-masing itu. Dalam ayat 11, surah An-Nisaa' menentukan, bahwa anak perempuan tunggal hanya mendapat setengah daripada lelaki, hal ini bukan bermakna bahwa di darjat lelaki diatas darjat wanita. Motifnya ialah menurut syarak urusan perbelanjaan harian diberatkan kepada lelaki. Sebagaimana Firman Allah s.w.t. dalam Al-Qur'an;

وَالَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا بَيْنَهُمْ يَتِيمُونَ فَاُولَٰئِكَ اُولُو الْاَرْحَامِ

"..... dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara yang makruf. Seseorang itu tidak dibebani melainkan dengan kadar kesanggupannya"

Jadi jelaslah dari ayat-ayat diatas Islam telah memperkenalkan satu sistem kewarisan yang paling ideal dari segala sistem kewarisan yang terdapat diseluruh dânia. Islam memberi pemilikan secara perorangan dengan adil dan saksama tanpa mementingkan satu pihak sahaja sebagaimana yang terdapat dalam Adat Perpatih yang lebih memberi keutamaan kepada kaum wanita sehingga mengenyepikan hak pihak yang lain (lelaki) sekalipun hubungan adalah pertalian darah iaitu anak. Hal ini amat bertentangan dan berbeza jauh dengan penetapan yang telah dibuat oleh Islam, bahawa sekiranya anak lelaki dan perempuan adalah waris orang tuanya, walaupun jumlah pusaka antara keduanya berbanding 1:2 namun nantalah keduanya tetap menjadi ahli waris. Firman Allah Taala; ⁴⁸

يُرِثُكُمْ اللَّهُ فِي اَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَنَاتُ لِلْاُنثٰى نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَنَاتُ وَلِلْاَبَوٰى يَرِثُ كُلُّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِمَّا تَرَكَ الْوَنَاتُ اِنْ كَانَ لَكَ وَلَدٌ فَانْ لَّكَ وَكُلُّهُ لَهٗ وَلَدٌ
وَمِنْ نِّسْبَةِ اَبَوٰىكَ فَاُولٰٓئِكَ اُولُو الْاَرْحَامِ اِنْ كَانَ لَكَ اَخُوٌّ فَلَا يَرِثُكَ اِلَّا مِمَّا تَرَكَ اَبُوُّكَ
وَمِنْ نِّسْبَةِ اَبَوٰىكَ اُولٰٓئِكَ اُولُو الْاَرْحَامِ اِنْ كَانَ لَكَ اَخُوٌّ فَلَا يَرِثُكَ اِلَّا مِمَّا تَرَكَ اَبُوُّكَ
وَمِنْ نِّسْبَةِ اَبَوٰىكَ اُولٰٓئِكَ اُولُو الْاَرْحَامِ اِنْ كَانَ لَكَ اَخُوٌّ فَلَا يَرِثُكَ اِلَّا مِمَّا تَرَكَ اَبُوُّكَ
وَمِنْ نِّسْبَةِ اَبَوٰىكَ اُولٰٓئِكَ اُولُو الْاَرْحَامِ اِنْ كَانَ لَكَ اَخُوٌّ فَلَا يَرِثُكَ اِلَّا مِمَّا تَرَكَ اَبُوُّكَ

" Allah telah mensyariatkan bagimu tentang (pembahagian pusaka untuk) anak-anakmu iaitu bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan, dan jika perempuan lebih dari dua maka bagi mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan. Jika anak perempuan itu ^{seorang} saja maka ia memperoleh separuh harta. Untuk dua orang ibu bapa bagi masing-masing satu perenam daripada harta yang ditinggalkan, jika yang meninggal itu mempunyai anak, jika orang yang meninggal tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibu bapanya (saja), maka ibunya dapat satu pertiga, jika yang meninggal punya beberapa saudara ibunya dapat satu perenam. Pembahagian tersebut diatas sesudah dipenuhi wasiat yang ia buat atau sesudah dibayar hutangnya. ^{Bapa, bapa dan ibu} ^{ini ia akan dapat lebih} ^{Pertiga} yang lebih dekat (banyak) manfaatnya bagimu. Ini adalah ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi maha bijaksana".

Pembahagian pusaka yang wujud dalam adat Perpetih, dinilai dari beberapa ketentuan yang telah digariskan oleh Allah dalam kitab Suci Al-Qur'an, jelas sudah menyimpang jauh dari kehendak Islam sebenarnya terutama sekali terhadap keistimewaan yang terlalu agung yang diberikan kepada kaum wanita dengan mengesepikan langsung hak pusaka anak lelaki yang hakikatnya memang berhak di sisi Islam.

Pembahagian ini bukan hanya salah di sisi syarak malah kemungkinan boleh membawa kesan psikologi atau "psycological effect" kepada kaum lelaki yang merasakan dirinya disisihkan atau diketepikan diatas sesuatu yang ia memang berhak mendapatnya.

Walaupun cara pembahagian yang begini sudah begitu lumrah

untuk diikuti oleh lelaki namun tidak mustahil dalam jangka masa yang panjang, mereka yang mempunyai kesedaran terhadap kebenaran syariat yang hakiki yang dituntut oleh Islam bangun menentang gejala-gejala yang tidak benar ini.

Walaupun dibuat kelonggaran, di mana anak lelaki dibenarkan mengambil hasil pusaka seperti hasil dari pokok buah-buahan di tanah pusaka sebagaimana yang terdapat dalam putusan Majlis Kenyuarat Negeri Sembilan 1989 dengan syarat tiada waris perempuan dan ia mestilah anak lelaki yang tunggal dalam keluarganya.

Kenyazot kepada keadaan ini penulis fahamkan bukanlah merupakan satu kelonggaran, malah ia lebih merupakan satu ketidakadilan yang nyata. Kalau dikaji dan dihalusi, nescaya akan ditemui jawapannya. Kalau diakui bahawa anak lelaki dibenarkan mengambil hasil pusaka, tetapi dengan adanya syarat anak lelaki tunggal, maka kelonggaran yang diberikan itu tidak ada maknanya, kerana apa yang akan terjadi kalau keluarga itu mempunyai dua atau tiga orang anak lelaki yang tidak^{ada} waris perempuan. Sepatutnya mestilah ketiga-tiga orang anak lelaki itu berhak memakan hasil pusaka tersebut sekalipun bukan miliknya.

Jadi, berdasarkan syarat tersebut, maka sudah tentulah ketiga-tiga anak lelaki tersebut tidak mendapat apa-apa kualifikasikan kalau ia anak lelaki yang tunggal. Jadi, di manakah konsep keadilan dalam masyarakat adat tersebut. Tidak dapat dipastikan mengapakah kepala adat membuat kelonggaran seperti ini sebaliknya mengenakan pula syarat yang ketat. Mungkin keputusan yang diambil dalam Majlis Kenyuarat

Negeri Sembilan 1899 itu hanya sebagai melepaskan batuk di tangga sahaja untuk menunjukkan adat Perpatih juga mengambil berat akan anak laki-laki.

Kebiasaannya, keadaan istimewa seperti ini adalah jarang-jarang berlaku lebih-lebih lagi dalam masyarakat Adat Perpatih yang memertingkan suku ini. Keinginan-keinginan untuk mengambil anak perempuan dengan "kedim pusaka" adalah digalakkan dan biasa berlaku tetapi di-Rembau kedim jenis ini sudah tidak ada lagi. Jadi soal timbulnya kebenaran bagi anak lelaki tunggal mengambil hasil pusaka sepanjang hayatnya adalah tipis.

Pewarisan yang telah mengagungkan wanita ini dan menafikan hak lelaki bukan sahaja kepada harta tetapi juga mencakup masalah penjuangan anak waktu bercerai, tempat tinggal selepas kahwin dan sebagainya seolah-olah kepala adat yang memegang dan memelihara Adat Perpatih seperti tidak mempercayai kemampuan anak lelaki untuk melindungi anak dan isterinya sedangkan Islam sendiri mengakui kelebihan lelaki yang dianggap sebagai ketua pelindung kaum wanita, khususnya dalam unit terkecil iaitu keluarganya.

Oleh kerana itu alasan dan masalah yang diberikan oleh Adat Perpatih terhadap keistimewaan wanita dalam pembahagian pusaka yang dikatakan memandang atas dasar fizikal perempuan yang umumnya dikenal sebagai kaum yang lemah lebih-lebih lagi andainya mereka ditinggalkan oleh suaminya, merupakan satu alasan yang kurang tepat atau dengan kata lain tujuannya lebih cenderung atas dasar kemasyarakatan tanpa mem-

perhitungan salah benarnya disisi agama.

Dalam masalah jaminan terhadap wanita, Islam memang telah sedia memperuntukkan jaminan-jaminan keselamatan, kehidupan kepada kaum wanita dimana Islam telah meletakkan peruntukan nafkah kepada isteri dan anak ketika hidup bersama maupun waktu bercerai, nafkah anak-anak adalah tanggung jawab seorang ayah. Begitu juga dengan saudara kedua belah pihak tetap akan memberi pertolongan lebih-lebih lagi jika mempunyai anak sesama bercerai hidup atau pun mati. Jadi, tidak timbulah alasan dan masalah yang diberikan oleh Adat Perpatih yang memberikan keistimewaan kepada kaum wanita kerana memandang atas dasar fizikal perempuan yang lemah sebagai satu faktor yang menyebabkan wanita diberi kelebihan dalam pewarisan pusaka.

Akanlah bermakna Islam tidak menitik beratkan perkara-perkara masalah, malah memang diakui bahawa hukum syarak yang diperundangan oleh Allah keatas hambanya bertujuan untuk mengawal masalah hambanya baik di dunia maupun akhirat. Tujuan dan matlamat hukum Allah sama ada hukum ibadat, muamalat, jinayat, hukum-hukum keluarga dan perso-orangan, jihad dan sebagainya semata-mata untuk kepentingan maslahat dan melarang sesuatu itu adalah untuk menghindarkan kerosakan dan bahaya, jadi, mencari maslahat dan menghindarkan kerosakan adalah perkara yang dapat difahami dan dirasakan dalam perundangan Tuhan.

Berdasarkan perundangan yang dinyatakan di atas, jelaslah bahawa maslahat yang diberikan dan yang dikatakan dalam Adat Perpatih itu dari sudut pandangan Islam adalah termasuk dalam maslahah 'zulghah' (ذُلْغَاهُ) iaitu maslahah yang dibatalkan oleh syarak dengan nas

atau ijmak seperti kedatangan syarak telah mempermandangkan sesuatu hukum tetapi ada orang memandangkan bahawa hukum itu tidak dapat menarik masalah atau menghindarkan kerosakan menurut pendapatnya yang sengkat . Perkara seperti ini tidak dapat dibuat pengelahan dengannya menurut pendapat ulama. walaupun orang muftahid mengatakan ada masalah kerana syarak telah membatalkan melalui nas, jadi sifat yang dibatalkan itu tidak dapat diakui atau tidak boleh diiktibarkan.

Dibawah ini diportaraskan beberapa contoh untuk menjadi ukuran seperti pesakit yang putus asa daripada sembuh dan orang yang terlalu susah didalam hidup mengambil sikap membunuh diri. Ini dilarang oleh syarak dan syarak tidak mengekui masalah yang sungkit wujud menurut pandangannya sama sekali, kerana syarak melarang perlakuan membunuh diri.

Diantara contohnya lagi , satu fatwa yang dikeluarkan oleh Yahya bin Yahya murid Imam Malik terhadap seorang Raja baghribi yang membatalkan puasa Ramadhan dengan berjinak iaitu wajib membayar kifarahnya terus dengan puasa berturut-turut selama dua bulan tanpa diwajibkan membebaskan hamba walhal beliau mampu membebaskan hamba seperti mana ada penetapan dari syarak. Tetapi Yahya berpendapat jikalau beliau memberi fatwa kepada baginda dengan memerdekakan hamba tentulah sangat senang dijalankan kafaratnya, jadi, dengan ini boleh membuka jalan baginda mencabar kehormatan bulan yang mulia itu, sebab itulah beliau mengeluarkan fatwa dengan mewajibkan puasa denda dua bulan terus menerus agar dengan demikian dapatlah mencegah baginda daripada melakukan dosa. Tetapi syarak membatalkan maksud seperti ini dengan menerangkan susunan perongkat kafarat terhadap dosa jimak

mengikut kemampuan masing-masing, samaada raja atau rakyat biasa.

Syarak sangat memandang berat kepada pembebasan hamba abdi. Oleh itu syarak memulakan dengan membebaskan hamba. Jadi fatwa tersebut telah dibangkang oleh ulamak kerana maksud atau masalah yang ditujukan oleh mufti tersebut tidak diakui syarak.

Diantara contoh yang lain ialah persamaan diantara sifat peranakan mengkehendaki supaya disamaratakan bahagian atau kadar pusaka bagi anak lelaki dan perempuan tetapi syarak telah membatikannya kerana ini.

Bagitulah seterusnya maka tiap-tiap sifat yang menasabah atau difikirkan wujudnya masalah bertentangan dengan nas syarak maka tidak dapat dibuat 'pengelakan' atau dipegang sebagai alasan sebab perkara seperti ini hanya masalah-masalah yang sasar yang tidak menepati dengan masalah hakiki yang diarahkan Allah terhadap hambaNya.

Bagitu juga dengan keadaan harta pusaka yang tidak boleh dijual, di gadai atau dihibah menurut sesuka hati kecuali ada sebab tertentu, juga tidak pernah diakui dalam syariat Islam. Ini sebenarnya bersesuaian dengan konsep Adat Perpatih yang mengiktirafkan hak pusaka sebagai hak pakai atau gangguan nen beruntuk saja. Oleh kerana itu harta bukan hak milik perseorangan tetapi adalah hak milik suku.

Tetapi apa yang berlaku sejak beberapa lama kebelakangan ini di mana pembahagian harta yang berjalan sekarang adalah akibat dari dasar pemerintahan Inggeris yang telah membahagikan harta sese-

orang itu menurut nama masing-masing, diberikan ampunan-pemudahan dan dikeluarkan surat-surat tanah yang menentukan hak milik. Jadi dengan sistem ini tercerailah satu susunan pentadbiran adat dalam menentukan hak dan pusaka mengenai pemilikan tanah dan harta pusaka.

Berdasarkan kenyataan ini maka tertolaklah pendapat setengah orang yang cuba untuk menghalalkan pembahagian pusaka dalam adat Perpatih ini dengan mengaitkan adat tersebut dengan masalah wakaf yang disarankan oleh agama Islam yang suci, kononnya pembahagian harta pusaka kepada anak perempuan sahaja itu adalah sebagai wakaf untuk mereka.

Untuk memberi jawapan terhadap pendapat ini perlulah dibuat penjelasan yang ringkas tentang konsep wakaf dan syarat-syaratnya dalam Islam. Kemudian barulah boleh dibuat penilaian tentang kedudukan yang sebenar menurut lunas-lunas Islam.

Wakaf memang diakui dalam Islam. Tujuan wakaf pada asalnya ialah syarak memberi kebebasan kepada orang Islam yang ingin membuat kebajikan kepada masyarakat atau golongan tertentu, dan memberi hartanya yang tertentu untuk mendapat keridhaan Allah, dengan cara yang demikian dapatlah ia berbuat bakti atau jasa kepada masyarakat atau satu golongan tertentu. Jika ditinjau dari Ilmu Masyarakat ternyata konsep wakaf pada asalnya adalah mendatangkan kebaikan kepada masyarakat. Ia dapat melahirkan semangat berkorban dan perasaan ingin berbuat bakti dan seterusnya untuk membasmikan perasaan mementingkan diri sendiri.

Untuk memberi pandangan dan penjelasan kepada pendapat tersebut maka perlulah diketahui syarat-syarat wakaf tersebut. Maka diantara syaratnya yang paling penting ialah ada *sighah* (*شهادة*) atau perkataan wakaf dari orang yang mewakafkan kepada orang yang memberi wakaf. Sepanjang yang diketahui bahawa *sighah* atau perkataan seperti itu tidak ada diucapkan atau dikatakan oleh pemilik asal terhadap perempuan-perempuan sahaja bahkan dimasa dahulu tidak timbul sama sekali pengertian atau tujuan seperti itu atau lebih tepat lagi sistem wakaf belum dikenali di kala itu.

Diantara hukum wakaf yang lain pula ialah benda yang diwakafkan itu tidak harus dijual beli tetapi apa yang berlaku bahawa tanah-tanah itu telah dijual beli, bukan sahaja kepada orang luar daripada suku yang tidak mempunyai hak bahkan kepada orang yang dalam suku itu sendiri dan memang adat sendiri membenarkan penjualan kepada suku itu sendiri mengikut syaratnya. Ini membuktikan tanah tersebut bukan wakaf.

Ada juga setengah orang yang cuba untuk mengekalkan Adat Perpatih ini menegakkan pendapat mereka dengan mengaitkan masalah pembahagian harta ini dengan wasiat.

Untuk lebih jelas lagi, perlulah diketahui apakah kehendak wasiat dalam Islam. Menurut Mazhab Shafei wasiat dalam Islam tidak boleh melebihi $\frac{1}{3}$ daripada keseluruhan harta tetapi ada pengecualian dimana boleh melebihi $\frac{1}{3}$ daripada harta kalau dengan izin ahli waris. Menurut Mazhab Hanafi pula boleh wasiat kesemua harta kalau didapati tidak ahli waris. Walau bagaimanapun sepakat kata ulama wasiat

mostilah tidak melebihi $1/3$ dari ada keseluruhan harta.

Apa yang jelas berlaku dalam Adat Perpatih ialah harta dibahagi keseluruhannya kepada waris. Jadi ini sudah tentu tidak menepati kehendak wasiat dalam Islam yang sebenarnya.

Dan lagi dalam Islam wasiat tidak boleh kepada ahli waris, kerana ahli waris adalah termasuk dalam orang-orang yang berhak mewarisi harta peringgalan tetapi yang selalu berlaku dalam Adat Perpatih ialah harta diturunkan kepada anak-anak perempuan dan kalau tiada kepada saudara perempuan sekodim dan kalau masih tidak ada juga maka harta diturunkan kepada ahli waris yang jauh yang kalau mengikut Islam tidak ada hak dalam harta tersebut. Menurut Islam harta yang tidak ada ahli waris hendaklah diserahkan kepada baitul-mal. Jadi dalam konteks ini tidak tercapailah maksud wasiat seperti yang dikehendaki oleh mereka, (tokoh-tokoh adat).

Demikianlah kedudukan Adat Perpatih dengan hukum Islam dari segi pembahagian harta pusaka.

berkenaan dengan kedudukan harta pencarian pula di mana kiranya mati, isteri, menurut adat harta itu berpindah kepada anak perempuan, atau jika suami yang matik maka harta itu menurut hukum adat tertinggal kepada isteri bagi bakal milik anak lelaki atau anak-anak perempuan. Maka adat seperti ini adalah bertentangan dengan hukum syarak, sebab hukum syarak mengatakan harta tersebut hendaklah dibahagi kepada tiap-tiap orang yang berhak menurut syarak termasuk

Ibu bapa, anak-anak samanda lelaki atau perempuan dan suami andainya sue isteri yang mati.

Berkenaan dengan harta carian bujang si suami atau harta bahagian yang dibawa dari isteri yang dahulunya jika ~~suami~~ suami itu mati maka harta itu akan kembali kepada sekedai sebelah anak lelaki. Seperti yang diterangkan sebelum ini maka peraturan adat seperti itu adalah berlawanan juga dengan hukum syarak sebab menurut dasar Islam segala harta benda suami samanda yang diperolehi sebelumkahwin dan sebagainya adalah dihirka harta benda sendiri tanpa ada perbezaan antara harta carian bujang atau lainnya. Jika suami itu mati menurut syarak harta itu hendaklah dibahagikan kepada tiap-tiap orang yang berhak mengikut hukum syarak samarannya ibu bapa, anak lelaki atau perempuan dan isterinya.

Walaupun mungkin ada orang yang mengatakan semua ini sebagai adat dan kebiasaan dalam sesuatu tempat dan masyarakat yang mana adat dan uruf (kebiasaan) juga dianggap punca hukum dalam Islam. Tetapi disini haruslah diteliti apakah adat dan uruf yang diterima oleh Islam atau lebih tegas lagi apakah adat dan uruf yang sah di sisi Islam.

Untuk menentukan kedudukan dan hukum terhadap persidatan ini mengikut lunas-lunas Islam maka hendaklah dibuat perincian atau analisis dalam beberapa segi yang antaranya ialah uruf dan adat. Dan dalam Islam, perundangan Islam mengakui **العاد والعرف** sebagai satu daripada ^{punca hukum dalam} ~~perundangan~~ perundangan Islam asal tidak bertentangan dengan

kehendak Islam.

Uruf ertinya perkata yang menjadi kebiasaan bagi orang ramai samaada perkataan atau perbuatan yang berlaku berulang-ulang hingga meninggalkan kesan dalam jiwa dan diterima dengan senang oleh akal fikiran.

Sebaliknya bukanlah uruf itu tiap-tiap perkara yang menjadi kebiasaan tetapi mengandungi muharat atau kebajikan atau tidak mempunyai masalah maka ianya tidak termasuk dalam perkata uruf yang boleh menjadi dasar hukum. Meskipun orang menganggap uruf dan adat itu mempunyai pengertian yang sama walhal keduanya mempunyai pengertian yang berlainan.

Adat bermakna perkara yang berulang-ulang, mungkin perkara kebiasaan dari individu atau sesuatu golongan. Yang pertama dinamakan adat atau kebiasaan perseorangan (individu) dan yang kedua dinamakan adat kebiasaan ramai. Uruf pula hanya perkara kebiasaan bagi orang ramai atau segolongan masyarakat bukan individu.

Kebanyakan para ulamaak bersetuju menganggap uruf itu menjadi satu daripada sumber dan dalil yang didasarkan hukum-bukum Fekah. Barang siapa yang mengkaji dan meneliti pendapat ulamaak samaada golongan Kutakaddimin atau Kutukhhirin nescaya banyak terdapat perkataan mereka yang menunjukkan kehujahan Uruf dan Adat hingga mereka berkata: *المشروط عرفاً كالامشروط مشروطاً*, tujuannya perkara yang disyaratkan dengan uruf sama seperti perkara yang ditetapkan dengan syarat *الثابت بالعرف كالنائب بالنيابة*, tujuannya perkara yang sabit dengan uruf sama seperti yang sabit dengan nas. *الماشروط بالعرف كالماشروط بالناس*.

dan Al-adah Muhakamah (*إعادة تكليف*) yakni adat itu dapat dijadikan dasar untuk menetapkan sesuatu hukum syarak.

Dasar ini mereka ambil daripada Firman Allah Taala dalam kitab suci AlQur'an,

فَإِذَا بَلَغَ الْإِنْسَانُ جُلُوسَهُ فَلْيَحْذَرِ عَلَيْكُمْ تَبَاطُحَ ثِيَابِهِ وَتَأْتِفَ رِجْلَيْهِ
بِالْمَعْرُوفِ وَأَمْرًا بِالْعَرَفِ

Tujuhannya menurut ahli Tafsir ialah menyuruh dengan perkara yang menjadi kebiasaan dan tidak ditolak oleh syarak, disokong pula oleh sabda Rasulullah yang diriwayatkan oleh Abdullah Bin Mas'ud,⁴⁹

مَا جِئْتُ الْمُسْلِمِينَ حَسْبًا شَرًّا مِنْ أَنْ يَكُونَ عِنْدَ اللَّهِ حَسْبٌ

Ertinya,

"Perkara yang dipandang baik oleh kaum Muslimin maka di sisi Allah baik juga."

Bagitu juga dengan hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari bahawa Nabi telah bersabda kepada hindun, isteri Abi Saffian yang mengadu hal tentang ke^hebiasaan suaminya.

خَذِي مَا يَكُنْ فِيكَ وَوَلَدِيكَ بِالْمَعْرُوفِ

Ertinya,

"Ambillah kadar yang mencukupi bagi kamu dan anak kamu dengan makruf yakni secara kehiasaan." ⁵⁰

Di zaman permulaan munculnya Islam dahulu terdapat orang Arab telah melakukan beberapa uruf dan Adah. Islam telah mengakui setengahnya dan memperbaiki setengah yang lain. Diantara perkara yang

⁴⁹ Ahmad, Ibn. Hanbal, *Musnad al Imam Ahmad Ibn. Hanbal*, Juzuk 2, h.379.

⁵⁰ Sahih Bakhari, Juzuk 2, Matbaah Mesir, 1377, h. 85.

diakui oleh Islam ialah *الدية على ما قلناه* yakni bayaran ganti rugi terhadap jiwa ditanggungkan atas ekilah,⁵¹ disyariatkan ada kesetaraan (kafa) di dalam perkebalinan, demikian juga Islam mengakui gadai menggadai, tempahan dan sebagainya.

Dem untuk lebih jelas lagi, ada baiknya kalau ditinjau atau diketahui bahagian uruf pula. Uruf terbahagi kepada dua bahagian:

Pertama, uruf khas dan kedua uruf am dan tiap-tiap satunya pula terbahagi kepada dua iaitu perkataan dan perbuatan, jadi kesemuanya ada empat bahagian:-

Pengertian uruf khas ialah perkara yang menjadi kebiasaan kepada satu golongan tertentu pada satu masa baik yang mengenai perkataan atau pun perbuatan.

Pengertian uruf am ialah perkara yang menjadi kebiasaan kepada seluruh rakyat dalam sebuah negeri pada suatu masa baik mengenai perkataan atau perbuatan.

Apabila kita mengkaji alifan mazhab-mazhab Fقه dalam Islam nescaya kita dapati banyak sekali hukum-hukum syarak yang dikuatkuasakan menurut uruf yang benar umpamanya mazhab Maliki banyak berdasarkan hukum-hukumnya keatas amalan Ahli Madinah (*أهل المدينة*).

Imam syafie juga pernah mengubah setengah hukum menurut perbidaan negeri yang dilawatinya. Umpamanya mengatakan sesuatu hukum terle

⁵¹ Akilah (*أَكِيلًا*) : asbab dari niscab selain dari asal dan furuq.

tentu diwaku di Baghdad kemudian beliau mengubah pendapatnya setelah datang ke Mesir kerana kedua negeri tersebut mempunyai uruf yang berlainan.

Kanakala pengikut Hanafi pula meraikan uruf terhadap berbagai-bagai hukum, umpamanya bila pendakwa dan orang yang didakwa bertengkar terhadap satu kes/ Qadiah walhal keduanya tidak mempunyai keterangan atau bai'lah (بينة) maka dirujukkan hukum yang selaras dengan uruf bahkan didalam pengikut Hanafi sendiri telah berselisah diantara mereka itu terhadap satu masalah kerana perbezaan uruf. Ada riwayat mengatakan, Imam Abu Hanifah berkata bahawa masalah paksaan tidak terlaksana kecuali daripada sultan atau penguasa yang berkuasa, sedangkan dua orang sahabatnya iaitu Imam Abu Yusuf, Imam Muhammad bin Al-Mas'um bergependapat bahawa paksaan itu terlaksana atau terjadi samaada daripada sultan atau penguasa yang berkuasa, atau orang yang berkuasa.

Diantara contoh yang lain ulama Hanafi yang mutakaddimin telah bersetuju mengatakan tidak harus seseorang mengambil upah menjadi Imam, muazin (مؤذن) iaitu tukang bang sembahyang dan mengajaz Al-Qur'an kerana perkara-perkara tersebut termasuk dalam perkara ketaatan di dalam urusan dan ibadah yang mana tidak harus diambil upahan, hukum yang tersebut adalah didasarkan kepada uruf kerana diwaktu itu memang menjadi kebiasaan Imam sembahyang menerima pemberian daripada Sultan. Kanakala pengikut Hanafi yang mutakhirin mengharuskan pengambilan upah terhadap perkara-perkara ketaatan tersebut. Alasan mereka melihatkan keadaan zaman telah berubah yang mana orang ramai mempunyai adat kebiasaan atau uruf yang baharu iaitu terputusnya perantaraan kepada Baitulmal kepada guru-guru Al-

Qur'an, Islam-kata dan Takang Azan. Andakata mereka ini bekerja tanpa apak dan ganjaran tentulah mereka tidak dapat menjamin kehidupan mereka dan orang yang di bawah tanggung jawabnya. Beterusnya jika mencari habuan hidup dengan kerja-kerja yang lain tentulah hilang Al-Qur'an dan Uqama serta lupaklah persoalan agama yang sangat penting itu sedangkan dalil-dalil syarak yang umum melarang daripada melumpuk dan menunaikan persoalan agama.⁵²

Syarat-syarat uruf muktabar;

perlu diambil perhatian bahawa bukan sebarang uruf dapat diakui syarak bahkan ia tergantung kepada syarat yang tidak membekukan nas syarak atau tidak bertentangan dengan satu daripada prinsip-prinsip syarak yang qat'i (قطعي).

Mengikut prinsip Islam, nas syarak mestilah diutamakan atau didahulukan daripada uruf atau adat kebiasaan sebab kedatangan syarak untuk menundukkan orang mukallaf kepada hukum-hukum syariah bukan sebaliknya iaitu menundukkan syarak kepada uruf atau kebiasaan orang mukallaf.

Selaras dengan tujuan ini apabila wujud satu nas yang qat'ii (قطعي) yang menasbitkan atau menetapkan hukum yang diformalkan daripada menguatkannya termasuk ke dalam peraturan umum atau undang-undang yang tetap. Maka sebarang uruf yang berlawanan dengannya tidak dapat diperakui sama sekali seperti mana dalam masalah mengambil anak angkat dengan dihubungkan keturunan dengan diri sese-

⁵² Abdul Rahman Taj, As-siasah Ash-syar'iah Wal-Fiqhul Al-Islamiah,
cetakan 1953, h. 84.

orang itu dan diberi hukunya seperti anak kandung sendiri,. Manakala riba dan arak disebabkan nas-nas yang berkenaan dengan perkara tersebut menetapkan keharamannya dengan terang dan tegas lantaran keburukan dan gejala-gejala hitam yang lahir daripadanya yang tidak mungkin berubah lantaran perbezaan adat kebiasaan atau pertukaran suasana.

Jika diketahui sesuatu perkara atau masalah yang ditetapkan oleh satu dalil yang bukan termasuk di dalam peraturan yang am atau prinsip yang tetap seperti diketahui perkara itu sabit untuk menyesuaikan dengan satu adat kebiasaan atau uruf baru yang berlainan dengan yang dahulu yang selaras dengan dalil dahulu tidaklah dikatakan menurutnya menentang bagi dalil tersebut kerana hukum-hukum yang didasarkan keatas uruf atau adat-kebiasaan mungkin berubah atau bertukar corak dengan perubahan adat itu.⁵³

Inilah kenyataan rangka atau serba sedikit tentang adat dan uruf dalam Islam beserta syarat-syarat yang tertentu yang boleh diiktibarkan oleh syarak. Jadi jelaslah adat dan peraturan mengenai perkahwinan dan pembahagian harta pusaka menurut adat perpatih yang dijalankan di Rembau itu tidak boleh diamalkan sebab bertentangan dengan dalil tafaili yang mana hukumnya dianggap peraturan am atau prinsip yang tetap sedangkan Adat Perpatih dalam soal yang tersebut adalah merupakan uruf khas yang hanya diamalkan oleh segolongan orang yang tertentu sahaja sekalipun Alim Ulama-ulama Fikah telah berselisih pendapat tentang kemungkinan adakah uruf boleh atau tidak boleh mentahsiskan ?. Perselisihan ini hanya berlaku terhadap nas yang umum

⁵³ Badran Abu Al-Ainin Badran, 1969, Darul-Maarif, h.223.

Sikap Islam tentang hukuman adat karena pelanggaran kerahannya.

Menjadi lumrah alam setiap yang melakukan kesalahan mesti dihukum. Setiap orang tidak dapat lari dari hukuman akibat kesalahannya itu, cuma yang berbeda bentuk perlaksanaan hukuman tersebut. Dalam sistem Adat Perpatih, sesuai dengan masyarakat kolektifnya, masyarakat yang mementingkan kesukuan, masalah hukuman adat telah menimbulkan beberapa pertentangan dengan Islam. Maka di sana ada beberapa perkara larangan dalam Adat Perpatih yang mana dengan melanggar perkara ini dikira perbuatan sumbang atau jenayah yang di kutuk dalam peraturan dan tata tertib itu, antaranya;

- 1 - Sumbang sewaris: Maksudnya berkahwin dalam satu suku yang berlainan perut. Hukumannya ialah dirampas harta pusaka tetapi undang berkuasa menghukum sebahara (\$14.00), beras 50 gantang dan seekor kerbau.
- 2 - Sumbang sekedin: Maksudnya berkahwin dalam perut sendiri. Sumbang jenis digelar 'sumbang balai melintang'. Sumbang ini ialah se-besar-besar kesalahan dalam pada itu undang tidak berkuasa menghukumnya dan perbuatan ini dinamakan derhaka maka hukumannya ialah dirampas harta benda mereka.

Di Naning, suatu masa dahulu, kejadian serupa ini pernah dihukum bunuh, dimana keduanya terdiri dari suku Sri Nalingsang. Kedua-duanya telah diletakkan dalam sebuah bakul dan dibenamkan ke dalam sungai. Kuburnya terkenal dengan nama 'Jerat Sumbang'

hingga sekarang.⁵⁴

- 3 - Berkahwin semula dalam buku isteri yang telah diceraikan itu pun dipandang salah juga,何况 yang menghukum kahwin seperti ini dijumlahkan dalam sumpah juga kecuali perkahwinan tersebut telah diluluskan oleh lembaga dengan membayar kalang batang dua puluh sarpi (\$7.20).⁵⁵
- 4 - Perkahwinan atau berskedudukan dengan seorang perempuan yang bersuami dan perempuan itu sesuku dengannya, hukumannya ialah bunuh. Kesalahan seperti ini disebut dalam perbilangan, "Anau se-batang dua sigoi" dan di jumlahkan ke dalam kata pepatah "Pelesit dua sekampung".⁵⁶

Pandangan Islam tentang persoalan di atas.

Larangan perkahwinan dalam Islam tidaklah berdasarkan kepada puak satu keturunan atau tegasnya lagi tidaklah pernah kedapatan dalam penyariatkan nikah kahwin dalam Islam yang membataskan perkahwinan umatnya dalam satu galungan atau kelompok masyarakat, seperti mana yang terdapat dalam Adat Perpatih . Tetapi larangannya adalah berdasarkan kepada keturunan darah yang hampir samaada dengan cara persemendaan, penyusunan dan sebagainya.

Hikmah larangan syarak terhadap perkara itu adalah jelas sekali diantaranya boleh melemahkan baka keturunan zuriat, hal ini memang menepati dengan Ilmu Saikoloji.

⁵⁴ Abas Haji Ali, Rembau, Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadatnya, Terjemahan dari C.W.C. Parr and W.H. Mackray, Rembau, One of The Nine State: Its History, Constitution and Customs, citakan 1, 1953 h.93.

⁵⁵ *ibid*, h.93

⁵⁶ *ibid*, h.94.

Tujuan perkahwinan dalam Islam untuk membentuk perpaduan di-
dalam keluarga. Andaikata dibiarkan berkahwin dengan orang yang di-
haruskan syarak seperti keturunan-keturunannya yang hampir samaada
dengan persemendaan dan penyusunan akan membawa putusnye tali per-
saudaraan dan boleh menimbulkan fitnah yang dahoyat. Disamping itu
larangan mengahwini keturunan darah yang hampir itu adalah mempunyai
tujuan yang murni iaitu meluaskan dan ^{menyebarkan} tali persaudaraan
dikalangan kaum Muslimin.

Baka setelah dikeji dengan soder dan bertanggung jawab tentang
hukum-hukum yang dijalankan dalam Adat Perpatih ke atas mereka yang
berkahwin sewaris atau dua sewaris dan sumbang-sumbang yang seumpama-
nya iaitu dengan merampas harta, denda daripada Undang atau hukum
bunuh di Naning ternyata menunjukkan bahawa Adat Perpatih di dalam
hukumen itu telah melarang apa yang diheruskan oleh agama Islam dan
ini merupakan penyelewengan dalam masalah hukum yang terang dari nas.

Hukum bunuh yang dikenakan ke atas pasangan yang berkahwin
atau bersekedudukan dengan perempuan sewaris yang bersuami biarpun
ada juga titik persamaan/pertemuan tetapi cara menjatuhkan hukuman itu
bertentangan dengan lomas-lomas hukum Islam. Menurut Islam bahawa
balasan yang dikenakan ke atas pasangan yang berzina adalah seperti
berikut: Jika orang yang melakukan perzinaan itu telah muhsin (*muhsin*)
yakni telah pernah bersuami atau telah pernah merasai perkahwinan,
hendaklah direjam sampai mati dan jika belum muhsin (belum pernah me-
rasai perkahwinan) hukumannya disebut seratus kali. Sebaliknya
mengikut Adat Perpatih, kesalahan tersebut tetap dikenakan hukum bunuh
terhadap pasangan sesuku tanpa membuat perhitungan terhadap keadaan

lelaki itu.

Jenayah Pembunuhan di dalam Adat Perpatih:

Diantara perkara yang menarik perhatian terhadap Adat Perpatih di dalam jenayah bunuh (sebelum diganggu oleh Undang-undang Barat) belumlah dirongkaskan seperti berikut:

- 1 - Jikalau didapati seorang membunuh akan anak suku yang lain maka beartilah perbuatan itu telah meluaskan harta suku yang lain, yang demikian hukumnya terpaksaalahsuku yang membunuh mengganti kerugian suku yang dicsederakannya dengan balasan. Caranya seorang ahli daripada suku pembunuh yang membunuh akan discrahkan menjadi ahli yang kena bunuh sebagai tukaran. Jika salah seorang dari suku waris yang terbunuh maka hukumnya dikenakan denda lima kali balasnya dan jikalau ada pertalian darah dengan Undang seperti yang dikatakan "di bawah payung terkembang" yang terbunuh itu maka gantinya ialah tujuh orang.⁵⁷
- 2 - Jika berlaku pembunuhan dalam suku sendiri dikenakan hukuman ke atas pembunuhnya dengan menyumbelih seekor kerbau dan beras 50 gantang.
- 3 - Jika suku Biduanda waris yang melakukan pembunuhan maka tiadalah ia terkena membalaunya istimewa kalau kes atau perkara tersebut tiada asas yang kuat dan terang atau dibuat bagi membalas perbuatan yang menjatuhkan maruah Biduanda Waris oleh suku yang sebelas.⁵⁸

⁵⁷ibid, p. 85.

⁵⁸ibid, k.86.

Hukuman jenayah dalam Adat Berpatih itu pada keseluruhannya adalah bertentangan dengan lunas undang-undang syarak dan menyimpang dari dasar keadilan, maka hukum-hukum seperti yang diterangkan di atas tidaklah dapat menegah daripada berlaku jenayah pembunuhan.

Duga perhatikan terhadap balasan hulu balas yang dikenakan dalam kesalahan membunuh, semata-mata bertujuan mengganti rugi kepada pihak yang kena bunuh tanpa menjamin keselamatan jiwa yang masih hidup.

Menurut undang-undang Islam dalam kesalahan jenayah hendaklah dikenakan balasan yang setimpal dan sama dengan jenayah yang dilakukan, seperti kata pepatah Melayu 'hutang darah dibayar darah, hutang nyawa dibalas nyawa'. Perinsip balasan di dalam Islam bukanlah setakat menimbulkan perasaan puas hati tetapi juga untuk memberi amaran, ingatan dan perasaan takut kepada kaum Muslimin daripada melakukan jenayah supaya dapat menjamin keselamatan hidup masyarakat keseluruhannya. Firman Allah Taala,⁵⁹

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَاةٌ

Bertinya,

"Dan dalam kisah itu ada jaminan dalam kelangsungan hidup bagimu".

Pengecualian hulu balas adalah terang-terang berlawanan dengan hukum Islam dari Maria biduanda disamping menerima bahawa hulu balas yang berat dari suku lain adalah berlawanan dengan prinsip syarak dan dasar keadilan sesama manusia sebab menurut lunas Islam bahawa tiap manusia yang Muslim itu sama nilai nyawanya tanpa mengira kedudukan dan bulu kulit. Disamping itu kalau diteliti ternyata

⁵⁹Al-Qur'an, surah Al-Baqarah, ayat 179.

ialah adalah berlawanan dengan dasar keadilan adat sendiri yang tidak memandang perbezaan seperti mana terkandung dalam perbilangan,

Jangan tiba di perut dikempiskan,
Tiba di mata dipioikkan,
Tiba di dada dibusungkan.

Tetapi Adat Perpatih dalam Jenayah pembunuhan telah tidak diamalkan bahkan kes-kes jenayah itu tertakluk kepada hukum-hukum jenayah dalam negeri-negeri Malaysia. Ini bermakne telah wujud semangat bertolak ansur daripada golongan ahli adat untuk mematuhi hukum criminal/jenayah dalam negeri untuk menjamin keselamatan nyawa dan masyarakat keseluruhannya.

Adat Perpatih Dan Komasyarakat.

Sistem Kekeluargaan Dan Kekerabatan.

Dalam sistem masyarakat yang mementingkan kerjasaamu, tolong menolong, solidarity, sistem kekeluargaan dan kekerabatan memainkan peranan penting. Akatan-akatan antara unit-unit kekeluargaan adalah dinamakan seafakat.

Sistem kekeluargaan dan kekerabatan telah melahirkan apa yang dikenali sebagai perut dan suku dimana perut ialah satu unit kekeluargaan. Tiap-tiap anggota perut mengaku dan percaya bahawa mereka dari moyang yang sama. Dari beberapa perut ini membentuk pula suku yang juga merupakan unit kekeluargaan, mempercayai bahawa mereka juga berasal dari moyang yang sama cuma terlalu jauh untuk diisauur galur.

Dari sudut sosial, tanah merupakan tempat tinggal dan setiap perut ada tempat tinggalnya sendiri. Lazimnya dengan keadaan hidup begini mereka terikat dengan konsep hidup berjiran. Oleh kerana masyarakat Adat Perpatih mementingkan hidup berkeluarga dan berkerabat maka tidak hairanlah kalau masyarakat tersebut menganggap jiran sebagai sebahagian daripada keluarga. Jiran adalah keluarga dan keluarga adalah jiran. Tibullah lirik kata perbilangan adat,

Sehalaman sepermainan.
Seperigi sepermandian,¹
Sejamban setepian.

¹Dr. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Penerbit Utusan Melayu, cetakan 1, 1976, h.30

Dalam memperkatakan tentang sistem kekeruargaan dalam Adat Perpatih ini prinsip kesukuan memainkan peranan penting untuk menentukan pergaulan dan percampuran dikalangan masyarakat tersebut. Seperti yang telah diterangkan dari mula-mula lagi masyarakat Adat Perpatih ialah masyarakat hidup berseuku. Maka pergaulan antara suku sangatlah diambil berat. Hubungan antara suku melampaui batasan daerah, orang dari suku Sri Lemak di Sembau atau Selebu atau mana-mana jua tanah (daerah) adat masih ada hubungan dengan orang dari suku Sri Lemak di Kual Pilah. Boleh jadi kerana itu setiap kali berkenal perkara yang selalu ditanyakan ialah suku. Jika diketahui mereka dari suku yang sama otomatis hubungan akan menjadi lebih rapat dan dianggap adik beradik bacsaudara.

Sesuku samalah statusnya seperti adik beradik yang mesti dilindungi, disayangi, tetapi tidak pernah dilukai dari segi hawa nafsu. Oleh kerana inilah timbulnya larangan berkahwin sesama suku, yang tujuannya bukan sekadar untuk menambahkan bilangan ahli suku iaitu dengan berkahwin diluar suku tetapi lebih penting lagi kerana keduanya telah dikatakan mempunyai ikatan adik beradik yang amat keji untuk kahwin mengahwini.

Pergaulan dalam satu suku sangatlah erat, berorientasi pada kearah satu tujuan yang sama dan bekerja memelihara hak milik dan kelabean mereka dalam adat seperti kata perbilangan;

Jaksana sirih serumpun,
Laksana nyiur setali,
Serangkap tak lembing,
Sebungkus tak nasi,
Sekucung bak kuah,
Berlepak bak sawah.

Dalam memperkatakan tentang sistem kekeluargaan dalam Adat Perpatih ini perinsip kesukuan memainkan peranan penting untuk menentukan pergaulan dan percampuran dikalangan masyarakat tersebut. Seperti yang telah diterangkan dari mula-mula lagi masyarakat Adat Perpatih ialah masyarakat hidup bersuku. Maka pergaulan antara suku sangatlah diambil berat. Hubungan antara suku melampaui batasan daerah, orang dari suku Sri Lemak di Rembau atau Jelebu atau mana-mana jua tanah (daerah) adat masih ada hubungan dengan orang dari suku Sri Lemak di Kuala Pilah. Mungkin kerana itu setiap kali berkenaal perkara yang selalu ditanyakan ialah suku. Jika diketahwi mereka dari suku yang sama otomatis hubungan akan menjadi lebih rapat dan dianggap adik beradik baaendara.

Sesuku adalah statuenyo seperti adik beradik yang mesti dilindungi, disayangi, tetapi tidak pernah dilihat dari segi hawa nafsu. Oleh kerana inilah timbulnya larangan berkahwin sesama suku, yang tujuannya bukan sekadar untuk menambahkan bilangan ahli suku iaitu dengan berkahwin diluar suku tetapi lebih penting lagi kerana keduanya telah dikatakan mempunyai ikatan adik beradik yang amat keji untuk kahwin mengahwini.

Pergaulan dalam satu suku sangatlah erat, bersatu padu kearah satu tujuan yang sama dan bekerja memelihara hak milik dan kelabaaan mereka dalam adat seperti kata perbilangaa;

Laksana sirih serumpun,
Laksana nyiur setali,
Serangkap bak lembing,
sebungkus bak nasi,
sekueang bak kuah,
berlepak bak sawah.

Selama berkhawin selain dari menjadi anggota sukunya, setiap suami itu juga menjadi anggota suku isterinya. Dalam sukunya ia dikenal sebagai orang semenda. Oleh kerana orang semenda dalam suku itu datang dari beberapa suku, ini dengan sendirinya wujud hubungan antara suku. Jadi eksegami menghubungkan anggot-anggota masyarakat Adat Perpatih dalam satu jalinan sosial yang lebih menyeluruh, misal-nya dalam satu upacara khenduri permediasi mesti dibuat seperti mendirikan khemah, mengupak kayu dan sebagainya. Turut menolong dalam khenduri ini ialah anak buah orang semenda tujuannya bukan menolong tuan rumah tetapi menolong bapa saudaranya yang menyemenda di situ.

Dalam Adat Perpatih ada beberapa kategori keluarga. Antaranya ialah:

Keluarga sedarah nisan ibu.

Terdiri dari anggota perut dan suku yang dianggap sedarah kerana berasal dari nenek moyang yang sama turun temurun dari sebelah perempuan.

Anggota yang termasuk dalam keluarga sedarah nisan ibu ini ialah anggota dekat melalui pertalian darah iaitu mengikut garis ke atas yang biasanya hanya wujud untuk empat generasi iaitu emak, ibu kepada emak atau uwan, (sebutan nenek bagi orang Kogori Sembilan), nenek dan moyang. Selepas dari itu tidak ada lagi panggilan tertentu digunakan nenek moyang sahaja. Selain dari itu adik beradik lelaki dan perempuan, bapa saudara yang disebut sebagai buapak kedim atau bapa sanak ibu dan emak saudara sebelah ibu yang dikenali sebagai induk atau emak sanak ibu.

Seterusnya keluarga sedarak nisaib ibu lagi ialah saudara pupu yang biasa dipanggil sepupu (emak adik beradik), dua pupu (wan adik beradik), tiga pupu (nenek adik beradik) dan empat pupu (moyang adik beradik).

Cucu daripada anak lelaki tidak dikira sebagai keluarga sedarak nisaib ibu kerana bukan susur galurnya. Cucu tersebut dikira pula dari sebelah pihak ibunya.

Tidak kira samada seorang anggota Adat Perpatih itu lelaki atau perempuan termasuk dalam keluarga sedarak nisaib ibunya ialah: anak kepada adik perempuannya (anak bush), serta keturunan mereka di sebelah perempuan; anak kepada sepupu perempuan sebelah ibu (anak sanak ibu), anak kepada dua^{pupu} perempuan sebelah ibu (anak sanak datuk) dan bagitulah seterusnya. Kesemua ini dikira melalui perempuan.

Jelaslah dari hubungan keluarga sedarak nisaib ibu ini mempunyai prinsip pertalian darah khusus dalam Adat Perpatih dengan anggota keluarga yang begini disebut perut. Secara literalnya anggota-anggota perut adalah mereka yang dilahirkan dari perut yang sama tetapi ada juga yang menjadai anggota seperti dengan cara berkedim yang akan diterangkan kemudian.

Keluarga kedim

Makna umum kedim ialah saudara. Upacara berkedim ini memberi peluang orang luar atau 'orang dagang' menjadi anggota sesuatu perut dalam satu-satu suku.

Kedim ini terbahagi kepada dua jenis, kedim secara adat dan

Kedim secara adat dan pusaka.

Kedim secara Adat.

Berkedim yang tidak memerlukan upacara memcecah darah yang melambungkan kelahiran semula mereka yang terlibat di dalam upacara berkedim adat dan pusaka. Penerimaan ahli-ahli satu perut terhadap dagang yang berkedim tidak penuh, setakat jadi ahli perut dan tidak berhak mewarisi pusaka kalau perempuan. Dan kalau lelaki pula tidak boleh menyandang golar pusaka. Keistimewaannya cuma "sakit dibela mati ditanam",²

Kedim adat dan pusaka.

Berkedim cara ini orang luar itu akan dapat menjadi ahli satu-satu perut dengan kedudukan, hak dan tanggung jawab yang sama dengan anak-anak jati suku dan perut itu sendiri.

Istiadat yang paling penting dalam kedim jenis ini ialah upacara memcecah darah yang dihadiri oleh orang yang ingin berkedim itu serta keluarga suku mereka. Asal timbulnya memcecah darah ialah kerana darah kambing atau kerbau yang digunakan dalam jaksuan berkedim itu sama-sama disecah oleh kedua-dua belah pihak iaitu yang waris yang menerima orang dagang dan orang tersebut. Dalam istiadat itu dibawa perbilangn adat;

Kalau darah nak sama merahnya,
Kalau tulang nak sama putiknya,
Kalau daging nak sama beratnya,
Seuri setembunilah kita.³

²ibid, h.130.

³ibid, h. 131.

ada beberapa sebab yang mendorong dalam perkara berkedim ini antaranya kerana ketidadaan anak perempuan, kerana anak perempuan penting untuk perkembangan suku juga untuk mewarisi tanah pusaka. Diramping untuk tujuan sampingan yang dianggap penting seperti menjaga ibu di waktu sakit penting, mengurus hal rumah tangga dan sebagainya.

mengenai anak yang diambil secara berkedim ini (anak angkat) yang diberi pula taraf yang sama sebagaimana anak kandung yang boleh mewarisi harta pusaka anak/ayah angkatnya sekalipun anak dan ayah angkatnya masing-masing punya anak lelaki yang di sisi Islam sebagai waris yang paling hampir untuk mewarisi pusaka. Jadi dilihat dari sudut pandangan Islam, sistem berkedim (mengambil anak angkat) yang seperti ini amatlah bertentangan dengan kehendak Islam kerana Islam tidak mengakui anak angkat sebagai anak kandung sendiri yang boleh menerima keistimewaan seperti ini.

Waris dalam Islam ialah melalui pertalian darah sedangkan anak angkat tidak ada langsung pertalian darah dengan ibu dan ayah angkatnya. Sebetulnya ini seperti apa yang berlaku di zaman jahiliah dahulu yang telah diharamkan oleh Islam. Walau bagaimanapun masih ada jalan untuk menunjukkan kasih sayang dan rasa penghargaan kepada anak angkat ini iaitu melalui cara wasiat walaupun ditentukan tidak boleh diberi keseluruhan harta. Dengan cara ini sahaja seorang anak angkat itu boleh mewarisi atau mendapat harta pusaka itu dan ayah angkatnya dengan cara yang halal.

Sebab yang lain ialah untuk menerima orang luar atau orang

dagang menjadi saudara. Seperti yang telah dikatakan, sebelum ini orang dagang tidak berkedim dikatakan 'dagang anyut'. Maka adanya tidak ada yang ambil peduli. Oleh itu menjadi anggota suku bermakna dia ada tugas, ada saudara mara, ada kaum kerabat, ada suku seket dan ada kumpulannya.

Ada juga kedin yang ditandakan dengan nama bertadela kenda-an seseorang itu belum berkedim hingga kepada upacara perkahwinan. Kedin yang begini dinamakan 'Macusat di buki masitik di langit Undang'. Dia menjadi anak Undang dan kadang-kadang menyerahkan kepada seorang suku.⁴

Keluarga sedarah sebelah bang.

Ini ialah keluarga sedarah seorang, anggota Adat Perpatih yang tidak seperut, dan tidak sesuku iaitu dari serum dan suku ayahnya. Dalam hal yang serupa ini keluarga yang rapat sekali pada seseorang itu ialah ayahnya. Walau bagaimanapun prinsip bertalian darah antara anak dan ayah tetap penting dan diakui.

Dalam lingkungan rumah ayah berkuasa terhadap isteri dan anaknya. Keluarga ibu tidak berhak campur tangan dalam hal yang melibatkan peribadi. Walau bagaimanapun bapa saudara sebelah ibu memainkan peranan penting (dalam hal perut dan suku) namun peranan ayah tetap penting lebih-lebih lagi kalau anggota Adat Perpatih itu seorang perempuan kerana ayah merupakan seorang wali yang boleh mengahwinkannya.

⁴ ibid, h. 41.

Panggilan untuk keluarga sebelah ayah serupalah seperti panggilan kepada bapa saudara sebelah ibu. Tetapi ada perbedaan istilah rujuk dan pengenalan. Misalnya adik lelaki kepada ibu dikenali sebagai bapa sanak ibu, Tetapi adik lelaki kepada ayah dikenali sebagai bapa saudara. Umumnya ungkapan 'sanak ibu' kepada keluarga sebelah ibu dan ungkapan 'saudara' pada sebelah bapa.³

Anak abang kepada adik lelaki dikenali sebagai anak saudara sama rapat dengan hubungan dengan anak kakak kepada adik perempuan yang dikenali sebagai anak bush. Keluarga sedarah sedarah sebelah bapa termasuk juga adik beradik bapa berlainan ibu.

Jelaslah bahawa hubungan antara keluarga sebelah ibu lebih dinamik berati dari keluarga sebelah bapa samaada dari perkara yang kecil seperti menentukan panggilan bahkan juga salam hal-hal yang melibatkan hak-hak pembahagian harta.

Keluarga Semenda.

Umumnya diketahui, persemendaan berlaku melalui hubungan perkahwinan. Oleh itu keluarga semenda ialah keluarga bagi anggota Adat Perpatih melalui hubungan perkahwinan. Hubungan yang terjalin ini boleh dilihat dari dua tingkat. Peringkat awalnya ialah peringkat diri, iaitu seorang anggota adat tersebut dengan saudara tertentu suami atau isterinya dan kedua peringkat yang melibatkan kedudukan seseorang sebagai orang semenda di suku isterinya dan hubungannya dengan orang tempat semenda iaitu anggota-anggota suku isteri. Juga kedudukannya sebagai orang tempat semenda dalam sukunya isteri⁴ dan hubungannya dengan orang semenda di situ.

Diperangkat diri, bapa dan ibu dipanggil mertua, abang kakak dan adik isteri dipanggil ipar lama. Panggilan kepada keluarga isteri berdasarkan panggilan isteri kepada mereka.

Pada perangkat suku keluarga semenda ialah: semua keluarga dan anggota suku isterinya serta semua anggota sukunya sendiri. Jadi persaudaraan begini melibatkan seluruh masyarakat Adat Perpatih yang melaksanakan kahwin dengan suku lain dan melarang kahwin dengan suku sendiri.

Apabila seorang lelaki dalam Adat Perpatih berkahwin, dia terus tinggal di rumah isterinya dan menjadi keluarga semenda anggota suku isterinya. Pada mulanya tinggal serumah kemudian buat rumah dalam tanah pusaka adat. Suami adalah orang semenda yang bukan sahaja menumpang tempat tinggal keluarga isteri tetapi juga turut mengusahakan tanah kampung serta tanah sawah mereka.

Walaupun dianggap mendatang biadanya ia mempunyai kata putus dalam beberapa hal yang melibatkan ahli keluarganya kecuali hal-hal yang ada kaitan dengan adat. Isteri patuh kepada keputusan suami. Suami kerap kali meminta bantuan atau budi fikiran isteri. Menurut keadaan begini suami isteri boleh dianggap di atas 'footing' yang sama. Kerana itu istilah untuk rujuk suami isteri dipanggil kawan.⁷

Pola tempat tinggal begini kedudukan seorang suami itu tidak bebas. Oleh itu timbullah beberapa tanggapan orang semenda ditempat semenda khususnya di dalam beberapa perbilangan adat,

⁷ Azizah Kasim, Kedudukan Wanita Dalam Adat Perpatih, Kertas kerja Seminar Persejajaran Adat Perpatih, Anjuran MBNS, 9 - 12hb. April, (stensilan) h.7.

Bagai timun dengan durian,
Menggolek pun luka,
Kena golek pun luka.

Dan,

Bagai abu di atas tonggul.

Dan,

Disuruh pergi dipanggil datang.

Orang semenda mempunyai beberapa tanggung jawab terhadap orang tempat semenda seperti menyara isteri dan anak-anak, mengerjakan tanah pusaka isteri dengan baik, menokok tambah, tidak menjahanamkan dan menghabiskan. Walaupun orang tempat semenda berfungsi sebagai penguasa tetapi cuma sekeci-sekeci sahaja. Jadi buruk baik tanah pusaka sebahagian besarnya tergantung pada orang semenda. Orang semenda juga mesti berkelakuan baik, jangan sampai membusukkan nama suku isterinya. Hendak kata orang semenda mestilah menjaga kehormatan isterinya dan saudara sesuku isterinya. Kelakuan yang aib akan ditukuk, digambarkan oleh kata perbilangannya,

Satu diberi dua ditarik,
Satu enau dua sigau,
Satu kapal dua nakhoda,
Pelesit dua sejonjang.

Bagitu juga dengan orang tempat semenda juga tertaklok kepada beberapa peraturan terhadap orang semenda. Walaupun orang tempat semenda berkuasa terhadap isteri orang semenda tetapi ia tidak ada hak melibatkan dirinya dalam masalah-masalah peribadi mereka kerana

Lingkungan bendul yang sempit, orang semenda yang punya.⁸

⁸Dr. Kordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, h. 121.

Dia juga berkuasa keatas isi rumahnya termasuk isteri.

Salah hamba kepada tuan,
Salah murid kepada guru,
Salah anak kepada bapa,
Salah bini kepada laki.

Antara orang semenda dan orang tempat semenda mesti ada hormat menghormati dan percaya mempercaya. Jika orang semenda hendak membawa isterinya merantau, orang tempat semenda tidak boleh melarang. Begitu jugalah dengan harta pusaka, kalau sudah diamanatkan padanya untuk dikerjakan tidak perlulah selalu diulang atau dijangok untuk memastikannya ia bekerja atau tidak, begitu juga kalau mahu menyuruh melakukan sesuatu kepada orang semenda, memadai dengan sekali pesanan sahaja. Kesemua inilah yang diertikan dalam perbilangan adat yang berbunyi,

Sudah diberi ditarik balik,
Sudah diuja dipegang ekor,
Sudah diportorak dipermalami,
Sudah dipesan dituruti.

Selain daripada itu orang tempat semenda juga berkewajipan dalam hal-hal berikut;

Kusut menyelesaikan,
Cieir memungut, hilang mencari
Hutang membayar, piutang menerimakan
Oleh tempat semenda.

Rengkasnya, persewendaan harus dijaga. Umpamanya, walaupun orang tempat semenda berhak merasa hasil tanaman ayahnya dahulu di tanah pusaka, ia mestilah meminta kebenaran sekurang-kurangnya memberitahu orang semenda tentang tujuannya.

Jelisek, dalam Adat Perpatih, dalam hal persemendaan ini kaum lelaki mempunyai dua status dalam masyarakat. Pertama, sebagai orang semenda dalam kumpulan keluarga suku isterinya yang diketuai kumpulan 'ceresam' dan sebagai orang tempat semenda dalam lingkungan keluarga sukunya sendiri yang merupakan sebagai kumpulan 'acadat'. Dengan memiliki dua status ini membolehkan ia menjalankan dua peranan berentak, sebagai orang semenda dan sebagai orang tempat semenda.

Sebagai kesimpulan, adat Adat Perpatih ialah kekeluargaan. Penglibatan kaum kerabat, suku sekat, saudara wara, serentas segala aktiviti sosial. Segala yang dibuat ditanggung secara kumpulan. Orang yang menentang adat menentang keluarga dan orang yang menentang keluarga serentang adat. Hidup dalam masyarakat Adat Perpatih adalah "ikut pakat orang", apa kehendak masyarakat itulah yang dibuat.

Sistem Pentadbiran dan Pengurusan.

Berkaitan dengan sistem pentadbiran dan pengurusan Adat Perpatih khususnya di Negeri Sembilan dapat dilihat dalam satu bentuk sahsunon yang terangkum dalam kata perbilangn Adat,

Raja menobat di dalam alam,
Penghulu menobat di dalam luak,
Lembaga menobat di dalam lingkungan,
Buapak menobat di dalam anak budunya,
Orang banyak menobat di dalam terataknya,

Dari perbilangn di atas menunjukkan raja atau di Negeri Sembilan dikenali dengan Yang Di Pertuan Besar merupakan teraju politik yang tertinggi sekali. Yang Di Pertuan Besar bersemayam di Seri Menanti yang dikelilingi oleh luak Ulu Keor, Jempul, Teresi, Gunung Kasir yang dikenali sebagai luak sebelah Dalam dan mengelilingi luak sebelah Dalam ini ialah Luak Sebelah Luar iaitu Luak Sungai Ujung, Rembau, Jelabu, dan Johol. Jadi kedudukan Yang Di Pertuan Besar di Seri Menanti ialah di tengah-tengah dan dikenali pula dengan Luak Tanah mengandung.⁹

Jawatan Yang Di Pertuan ini di sandang turun menurun iaitu keturunan lelaki dari niasab bapa. Setakat tertentu jawatan ini juga melibatkan pemilihan iaitu Yang Di Pertuan dipilih oleh Undang yang empat. Jadi secara idalnya, tidaklah dapat dikatakan Raja atau Yang Di Pertuan Besar di Negeri Sembilan melambangkan hidup bermasyarakat adat yang tulen. Baginda adalah di luar Adat Perpatih, sesuai

⁹ ibid, h. 58.

tangan berbilangan adat,

"Adapun Raja itu tiada bernegeri dan tiada bersekali
kuarajat, melainkan berkeadilan sahaja serta pema¹⁰
kangnya duit sesuku beras segantang, nyiur setali.

Raja tidak bernegeri ialah bahawa raja itu tiada kuasa pada
masyarakat Adat Negeri Sembilan. Ini disengajakan supaya baginda
dapat memainkan peranan "keadilan" dengan lebih objektif.¹¹

Yang di Pertuan Besar tidak turut campur dalam hal ehwal
luak. Baginda menjadi kendilan iaitu tempat rayuan tertinggi sekali,
hanya bila dipohonkan.

Perjanjian yang dibuat pada tahun 1898 menyatakan lagi bahawa
"Raja adalah tidak mempunyai campur tangan pada kejadian-kejadian
dalam luak, tidak mengambil apa-apa kuasa yang asal (ceraian 4),
ringankan tanggung jawab Undang (cerain 5) supaya menghadap di hari
Raya dan (ceraian 6) Undang tidak lagi dikhendaki hadir sendiri
dalam Istiadat Raja beralat jamu."¹²

Jelaslah bahawa fungsi Raja terhadap hal-hal yang berkaitan dengan
pentadbiran sedikit sahaja, yang ada lagi hanya terhad sekadar hak yang
berhubung dengan istiadat keramaian dan upacara majlis sahaja lagi
dalam persekutuan Negeri-negeri itu.

¹⁰ Abas Haji Ali, Rembau, Sejarah Perlembagaan dan Adat Istiadatnya,
Pejabat cetak Kerajaan Johor, 1953, Terjemahan daripada C.W.C.
Parr dan W.H. Mackray, Rembau, One of The Nine States: Its history
Constitution and Custom, H. 27.

¹¹ Dr. Kordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, h. 58.

¹² Abas Haji Ali, Rembau, Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadatnya,
h. 77.

Penghulu adat di dalam luk.

Sebelum menyetubuh hubaian dengan lebih lanjut eloklah ter-
lebih dahulu dikenali luk-luk yang ada di Negeri Sembilan.
walaupun ada perbezaan pendapat mengenai bilangan luk di Negeri
Sembilan mengikut tanggapan masing-masing. Mengikut Dr. Nordin Selat
ada empat belas luk iaitu;

- 1 - Sri Menanti.
- 2 - Tampin.
- 3 - Jelebu.
- 4 - Johol.
- 5 - Rembau.
- 6 - Sungai Ujung.
- 7 - Ulu Muar.
- 8 - Jempuk.
- 9 - Peraci.
- 10 - Gunung Pasir.
- 11 - Inas.
- 12 - Gemenech.
- 13 - Air Kuning.
- 14 - Linggi.¹³

Dinastara empat belas luk itu , empat dianggap utama, iaitu
Sungai Ujung, Rembau, Johol dan Jelebu. Ketua bagi tiap-tiap luk
itu dipanggil Undang. Ketua bagi luk Tampin ialah Tunku Besar
Tampin. Ketua bagi Sri Menanti ialah Yang Di Pertuan Besar.

¹³Dr. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, h . 35.

Istilah Undang adalah khusus bagi ketua-ketua Junjangan, Jombi, Sembu dan Jelabu. Ada juga yang menggunakan istilah Undang ini bagi ketua-ketua Luak Tanah Mengandung. Ini sebenarnya adalah satu kekeliruan, kerana ketua Luak-Luak Tanah Mengandung dianggril penghulu. Deganya penghulu ialah gelaran bagi ketua adat Tanah Mengandung. Cuma kadang-kadang secara kolektif mereka diistilahkan sebagai Undang Tanah Mengandung.

Seperti juga Undang, penghulu dipilih dari suku waris sesuatu Luak. Umumnya ialah suku Biduanda walaupun terdapat di setengah-setengah Luak seperti di Terati suku Waris ialah suku Lemak Pakang dan di Gunung Pasir Suku Tanah Datar. 14

Mengenai Undang pula, seperti mana yang telah diterangkan dahulu mestilah terdiri dari suku Biduanda Waris iaitu suku asal yang mendiami daerah tersebut. Suku-suku lain tidak ada hak langsung untuk mendaki status Undang.

Undang merupakan kuasa tertinggi sesuatu Luak 'junjangan'. Bidang kuasanya dalam hal ehwal Luaknya, beliau tidak tertakluk kepada Yang di Pertuan Besar. Beliau mengendalikan hal ehwal Luaknya dengan jemaah ketua adat yang bilangannya berbeza antara satu daerah dengan satu daerah yang lain.

Tiap-tiap Undang mesti berbicara terlebih dahulu dengan jemaah ketua-ketua adat tersebut sebelum memutuskan sesuatu keputusan. Dalam hal ini jemaah adat mesti dibawa bersama. Misalnya dalam hukum adat, Undang boleh menjatuhkan hukum bunuh tetapi hanya dengan kebenaran ahli jemaah ini. Sebarang perjanjian tidak sah jika tidak ditandatangani bersama oleh jemaah. Perbilangan adat mengatorkan;

Fusaka Undang berkualipah, berteromba berlembaga,
bersabda di belai.

Dan

Fusaka Undang berkelantasan
Fusaka Lembaga bersekat. 15.

Perbilangan di atas menggambarkan bahawa lingkungan pemerintahan Undang ialah ¹⁴berkuasa sekali, baik bagi pihak suku maupun dalam persekutuan suku-suku luak. Walau pun ia tidak mencampuri secara langsung antara lembaga dengan ahli suku tetapi ia juga tidak tertakluk kepada perintah raja berhubung dengan hal-hal yang berlaku dalam luak. Pemerintahannya bukan dengan sifat ia memiliki kuasa mutlak iaitu perintah dan larai tetapi mengikut serangkaian perbilangan yang berbunyi:

Yang berlukis, yang berlembaga,
Yang berturis, yang bertauladan,
Yang beresak, yang berjerami,
Yang berbab, yang berpasal. 16

Iaitu tengannya bukan sahaja terikat mengikut undang-undang Adat tetapi juga terikat dengan jemaah adat. Kuasa Undang itu adalah timbal balik: pertama, ia menjadi Tuan Penghulu kepada Biduanda Waris, kedua, dengannya sifatnya Undang dia ialah junjungan luak. Maka dengan perpaduan dua kuasa inilah dia memerintah pada taraf yang tinggi sekali berbanding dengan datuk-datuk lain dalam jemaah pentadbiran. Tetapi diperangkat suku, Undang tertakluk kepada lembaganya.

Dalam peranannya sebagai hakim, Undang mestilah berpegang kepada adat Tetapi dia juga boleh menggunakan budi bicaranya sendiri

¹⁴Dr. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, h. 70.

¹⁵Abas Haji Ali, Rembau, Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadatnya, h.32.

seperti menirama, meringankan buku, memafkan dan sebagainya seperti kata perbilangan,

sambung boleh dititik,
ratah boleh digempal.¹⁷

Ada beberapa hal yang mesti dihakiskan oleh Undang sahaja. Masalah ini dikatakan pantang yang hanya boleh diadili oleh Undang sendiri. Masalah ini dianggap berat kerana kalau dibiarkan akan merosakkan masyarakat Adat Perpatih, seperti;

Derhaka - celaka, dahaga - dahagi,
sibun - bakar, tikam - bunuh.

Undang juga boleh memecat lembaga jika ada penyelewengan yang dilakukan oleh lembaga seperti buat tuduhan palsu, beri perlindungan kepada orang yang salah, membusukkan nama suku berkeleluasan sumpah atau melangui had kuasanya seperti menyelesaikan masalah yang sepatutnya diselesaikan oleh Undang.

Sebagai kesimpulan, status Undang ini walaupun ia berkuasa di luarnya tetapi bukanlah bermakna boleh memberi kata putus dengan sewenang-wenangnya kerana ia juga tertakluk kepada 'orang-orang Besar' di balainya.

Seterusnya dikatakan lagi, 'Lembaga menobat di dalam langkungannya!'

Susunan seterusnya dibawah Undang ialah lembaga. Lembaga ini Tuan Penghulu bagi sesuatu suku. Kedudukan mereka dalam Tadbir adat

¹⁶ ibid, h. 32.

¹⁷ ibid, h. 66.

di ibaratkan dengan kata perbandingan;

Yang bertumbuh di lereng itu, ¹⁸
Sebagai beluluk tumbuh di rusuk.

Lembaga dipilih oleh banyak tetapi lamanya perilihan lembaga itu bergantung juga pada Undang, demikian juga memuatnya seperti kata perbandingan;

Lembaga itu hidup matinya pada Undang.¹⁹

Tetapi bukanlah bermakna Undang boleh gunakan kuasa itu sewenang-wenangnya sebaliknya, mestilah berimbang dan mengukur kesalahan seseorang itu. Lamanya kesalahan mengikut adat itu terbentur dua; Salah pada suku - suku menjalankan kewajiban dan kedurhakaan salah pada Undang - mencoraboh adat yang di dalam lingkungan kuasa Undang.

Dalam menjalankan pentadbirannya, dalam kes jenayah lembaga hanya boleh menyelesaikan kes-kes kecil sahaja,

Membuat kata, menata tulang, memutuskan ur 9.

Dalam kes jenayah yang besar, lembaga bertugas sebagai polis boleh menangkap tetapi tidak boleh menghukum. Dalam menjalankan tugasnya, lembaga mesti berpegang kepada adat, "Lembaga teguh pada adat", di mana ia tidak ada kuasa meringankan hukuman atau memaafkan kesalahan seperti undang dan kuasanya khusus kepada sukunya sahaja. Dan yang lebih penting lagi; lembaga juga turut hadir dalam pembahagian harta pusaka, menentu dan mengesahkan waris yang berhak pengesahan darinya penting untuk mengesahkan pewarisan harta pusaka.

¹⁸ ibid, h. 50.

¹⁹ ibid, h. 56.

Tegasnya, lembaga adalah orang terbesar dalam sukunya, dia mewakili sukunya dalam perundingan dengan Undang. Semua pembaharuan dan perubahan adat hanya boleh dilakukan dengan persetujuan lembaga.

Buapak menobatkan anak buahnya.

Beterusnya buapak yang melambangkan fungsinya sebagai penjaga hai awal keluarga, seolah-olah menubuhkan peranan ibu bapa kepada anak buahnya. Buapak dipilih oleh anggota perut dan disahkan oleh Undang. Dalam bidang kuasa jenayah buapak hanya boleh menyelesaikan kes-kes yang kecil sahaja.

Lukacong pecah berdarah
Luka ditutup kain baju.

Orang banyak menobatkan di dalam terataknya.

Inilah status bagi masyarakat Adat Perpatih yang terendah sekali iaitu, golongan orang ramai yang tidak ada gelaran sebagai ketua adat atau dalam istilah Adat Perpatih dikatakan sebagai anak buah sahaja.

Jadi, dari hierarki di atas dapatlah dilihat satu struktur pentadbiran dan pengurusan dalam Adat Perpatih yang bertingkat-tingkat bermula dari orang ramai, buapak, lembaga, penghulu atau Undang dan yang paling atas sekali, Raja. Walaupun Raja tidaklah dapat dianggap puncak kekuasaan adat yang tertinggi sekali kerana bidangkuasanya yang terhad lebih-lebih lagi pemilihannya bukanlah atas dasar matrilineal namun Raja tetap wujud, kerana secara tidak langsung Raja juga terlibat dengan adat, di mana perliantikannya mestilah oleh Datuk Undang yang empat.

Menurut Samad Idris, pentadbiran atau cara pemerintahan Adat Perpatih ialah dalam bentuk-bentuk dan amalan demokrasi meskipun bentuk demokrasi ini boleh dipersoalkan, kerana demokrasi yang di- amalkan sekarang ini pun berbeza-baza, umpamanya demokrasi di barat dengan demokrasi di Rusia atau di Negeri Cina, tentulah sebanyak sedikit mempunyai perbezaan-perbezaan. Menurutny lagi demokrasi dalam Adat Perpatih dapat dianggap memberikan hak dan kuasa kepada rakyat memilih dan dipilih untuk memerintah negara melalui satu ke- rapat dan pemungutan suara, cuma dalam pelaksanaannya agak berbeza. Sekarang ini dibuat melalui kertas undi tetapi dahulu melalui kebulatan suara sahaja.²⁰

Sebelum penjajah Inggeris datang ke Negeri Sembilan, seluruh pentadbiran negeri ini adalah dijalankan menurut sistem pentadbiran demokrasi Adat Perpatih, di mana seluruh pemerintahannya disusun seperti kata perbilangan,

Berjenjang naik, bertangga turun,
Naik di jinjang yang bawah,
Turun dari jinjang yang atas,
Alam beraja, luak berpenghulu,
Lembaga bersuku, suku bertua,
Anak buah beribu buapak. 21

Di situlah letaknya sistem demokrasi itu, kerana seluruh ketua ketua adat itu dipilih oleh rakyat yang banyak. Dalam susunan ini ter- dapat lima golongan dan perengkat masyarakat yang masing-masing di- tentukan hak dan tanggungjawab. Golongan yang disebutkan itu ialah;
1 - Rakyat jelata.

²⁰ Samad Idris, Kemurnian Dalam Adat Perpatih, Kertaskerja di Seminar Persejaraan Adat Perpatih, Negeri Sembilan, 9 - 12hb. April 1974, h.4

- 2 - buapak,
- 3 - lembaga,
- 4 - penghulu/ Undang,
- 5 - raja.

Dalam menentukan pemilihan ketua-ketua Adat dari golongan tersebut adalah dilakukan menurut garis-garis tertentu. Kalau di dalam pemilihan ini dibuat menurut garis lingkungan suku-suku atau waris-waris maka dalam keadaan demokrasi sekarang ditentukan menurut garis-garis satu-satu kawasan pilihan raya. Setiap golongan berhak memilih dan dipilih dari kalanganya sendiri berdasarkan peraturan adat yang berbunyi;

Bulat anak buah menjadikan buapak,
 Bulat buapak menjadikan lembaga,
 Bulat lembaga menjadikan penghulu,
 Bulat Penghulu menjadikan raja.

Sayerta yang telah diterangkan sebelumnya, Raja dalam menjalankan pentadbirannya akan bertitah kepada penghulu, penghulu dan Undang pula akan menyampaikan kepada lembaga, lembaga kepada buapak dan buapak kepada anak buah masing-masing. Dalam pemilihan bulat anak buah menjadikan buapak itu ialah setiap anak buah di dalam satu suku atau di dalam satu waris itu mengadakan kerapatan besar yang diawasi oleh datuk lembaganya bagi memilih seorang ketua waris atau yang dipanggil buapak itu. Pemilihan ini diadakan secara terbuka yang ditentukan sesama mereka. Pemilihan ini dibuat berdasarkan;

Bulat boleh digolekkan,
 Pipih boleh dilayangkan.²²

²¹ Ibid, h. 9.

²² Ibid, h. 11.

hakudanya siapa yang terpilih ditentukan dengan undi yang terbanyak, dan setiap orang yang mendapat undi yang sedikit haruslah mematuhi keputusan yang diambil. Setelah keputusan diumumkan maka mereka yang dapat undi yang sedikit tidak boleh engkar dengan keputusan majority.

Bagitulah juga halnya dalam memilih seorang datuk lembaga yang dipilih oleh buapak-buapak dari suku-suku yang tertentu dan ditentukan. Dan bagitu juga dengan penghulu atau Undang, memilih seorang raja.

Jadi dapatlah dikatakan di sini bahwa setiap rakyat dalam Adat Fergatih mempunyai hak masing-masing dalam garis-garis yang tertentu untuk memilih seorang ketua dalam pemerintahan negara. Jika hari ini wakil-wakil rakyat dipilih tiap-tiap lima tahun sekali, tetapi dalam sistem pemerintahan Adat Fergatih lantikan adalah seumur hidup. Selain itu bagitu mereka yang terpilih harus tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dipanggil 'pantang larang' yang mesti dipatuhi. Jika melanggar peraturan itu boleh dipukul dan digantikan dengan orang lain.

Datuk-datuk ini juga boleh meletakkan jawatan kerana sesuatu sebab seperti mzur, terlalu tua, pindah ke lain tempat dan sebagainya. Ia boleh meletakkan jawatan menurut perbilangan;

Hidup berkerelaan,
Mati berkerapatan.²³

Jika mereka terdiri daripada buapak, mereka berhak pula menunjukkan atau mengarahkan kepada siapa yang layak menurut pendapatnya,

²³ibid, h. 12.

layak memegang jawatan yang dikosongkan itu dengan syarat diserah-
oleh anak-anak buahnya dan di-Situlah letaknya hidup berkemah
itu. Semua jawatan-jawatan itu tidak turun kepada anak.

Kerjasama dan tolong menolong.

Jalapun diakui bahawa terdapat beberapa perinsip dalam adat Perpatih itu bertentangan dengan kehendak-kehendak yang disyariatkan oleh Islam namun dari segi yang lainnya seperti dari sudut kemasyarakatan mempunyai nilai-nilai etika yang tinggi terutamanya dalam hal dan perkara yang melibatkan kerjasama dan tolong menolong. Dalam Adat Perpatih, nilai hidup bermasyarakat ialah nilai hidup bermasyarakat yang membawa makna dan tujuan yang bermacam-macam. Perbilangan adat menyatakan;

—Berat sama dipikul,
Ringan sama dijinjing,
Yang tidak ada sama dicari,
Sama sakit sama senang,
Ke bukit sama mendaki, ———
Ke lurah sama menuruni,
Sama menghayun sama melangkah,
Jika khabar baik diberitahu,
Jika khabar buruk serentak didatangi,
Jika jauh ingat mengingat,
Jika dekat temu menemui,
Dapat sama laba,
Hilang sama rugi.

Jelas daripada kata perbilangan di atas merupakan gambaran hidup masyarakat Adat Perpatih yang mementingkan sikap kerjasama dan tolong menolong. Setiap pekerjaan yang dilakukan dibuat bersama-sama, susah sama susah, senang sama senang. Sebabnya ialah, oleh kerana keinsafan bermasyarakat dan merasakan kepentingan umum itu adalah mempunyai nilai yang nyata, pada masyarakat Adat Perpatih.

Misalnya beberapa orang bersetuju mengembelingkan tenaga untuk mengerjakan tanah masing-masing dengan bergilir-gilir; sehari awak, sehari kita. Kerja yang dibuat tidak kira; mencbas, mengcangkul, melambuk, pendek kata sebarang kerja yang diperlukan oleh tuan punya

"Bikar" tolong menolong ini jelas terat dilihat dalam masyarakat Adat Perpatih terutamanya di kampung-kampung sekeliling jiran tetangga. Seorang jiran yang menghadapi kesukuan umpannya atau hilang bantuan isteri untuk memudahkan kerja di sawah maka jiran akan mengambil peranan pendiang untuk memberi pertolongan atas dasar timbang rasa dan perasaan bergiran. Inisiatif untuk menolong ini semata-mata dikehendaki oleh jiran itu sendiri. Kadang-kadang orang yang ditolong sendiri tidak tahu kerahu, hanya tahu hendak ditolong sahaja dan orang yang ditolong pula tidak menyediakan apa-apa makanan. Jelaslah di sini, disamping membuat kerja-kerja kaum tolong menolong dan kerjanyana juga merupakan perkhidmatan merouma pada seorang jiran yang memerlukan.

Lebih-lebih lagi sewaktu perkahwinan, sebulan lagi majlis itu akan diadakan, jiran tetangga dan saudara mara akan datang menolong apa saja yang patut dibuat seperti mengumpul kayu api, membersihkan kawasan rumah, memori tiang khemah dan sebagainya. Bukan setakat itu sahaja, jiran dan saudara marasangga pula meminjamkan apa-apa kelengkapan yang diperlukan seperti peruk, kuali, pinggan mangkuk pendek kata apa saja yang diperlukan oleh tuan rumah.

Di saat hampir hari perkahwinan, jiran akan datang pula menolong membuat bunga telur, menghias dan serba serbinya. Hari perkahwinan semua kerja-kerja diurus oleh jiran dan saudara mara sama ada dalam hal masak memasak, melayan tetamu dan lain-lain lagi kadang tuan rumah duduk goyang kaki sahaja.

Bagitu juga di hari kematian, didalam keadaan keluarga yang kesedihan, jiranlah yang ambil peduli menguruskan semua perkaranya.

memberi tahu saudara saya, menyainkan keranda menggali kubur dan lain-lainnya.

Beginilah kehidupan masyarakat Adat Perpatih yang penuh dengan semangat kerjasama dan tolong menolong antara satu dengan lain. Demikianlah, kalau ada apa saja keramaian kepada satu keluarga maka akan ramai-ramai yang berkumpul. Sistem hidup beruku menambahkan lagi ciri-ciri kekitaan dan kerjasama ini kerana disamping keluarga orang yang terlibat turut menjayakan keramaian tersebut ialah keluarga orang semenda yang menyemendangi situ. Ini akan menambahkan lagi perasaan kekeluargaan dan perpaduan dikalangan masyarakat tersebut.

Sikap kerjasama dan tolong menolong ini bukan hanya berlaku dalam lingkungan kawasan adat sahaja tetapi lebih jauh lagi dari batasan-batasan daerah berikutan dengan adanya prinsip kesukuan dalam adat tersebut. Seorang yang merantau yang paling penting baginya ialah jiran dan cuba mengenali jiran itu secara lebih dekat lagi. Apabila diketahui bahawa ada yang senegeri, seadat, sesuku, maka hubungan mereka akan bertambah erat, masing-masing mengaku bersaudara dan kalau yang masih bujangatau gadis akan mudah mendapat keluarga angkat atau anak angkat. Mereka akan memberi kerjasama dan pertolongan apa saja yang patut dan diperlu. Fendek kata tidaklah terasa sangat duduk di-
rantau. Sesuailah seperti apa yang dikatakan oleh kata perbilangan adat

Beruku berwaris,
Jauh pun ada dekat pun ada,
Jika jauh didengar-dengarkan,
Jika dekat dipandang-pandangkan.

memberi tahu saudara mara, menyilahkan keranda bergolli kubur dan lain-lainnya.

Segitulah kehidupan masyarakat Adat Perpatih yang penuh dengan semangat kerjasama dan tolong menolong antara satu dengan lain. Demikianlah, kalau ada apa saja keramaian kepada satu keluarga maka akan ramaiilah yang berkumpul. Sistem hidup bersuku menambahkan lagi ciri-ciri kekitaan dan kerjasama ini kerana disamping keluarga orang yang terlibat turut menyayakan keramaian tersebut ialah keluarga orang semenda yang menyemendadi situ. Ini akan menambahkan lagi perasaan kekeluargaan dan perpaduan dikalangan masyarakat tersebut.

Sikap kerjasama dan tolong menolong ini bukan hanya berlaku dalam lingkungan kawasan adat sahaja tetapi lebih jauh lagi dari batasan-batasan daerah berikutan dengan adanya prinsip kesukuan dalam adat tersebut. Seorang yang serantau yang paling penting baginya ialah jiran dan cuba mengenali jiran itu secara lebih dekat lagi. Apabila diketahwi bahawa ada yang senegeri, seadat, sesuku, maka hubungan mereka akan bertambah erat, masing-masing mengaku bersaudara dan kalau yang masih bujangatau gadis akan mudah mendapat keluarga angkat atau anak angkat. Mereka akan memberi kerjasama dan pertolongan apa saja yang patut dan diperlui. Pendek kata tidaklah terasa sangat duduk di-rentau. Sesuailah seperti apa yang diketakan oleh kata perbilangan adat

Bersuku berwaris,
Jauh pun ada dekat pun ada,
Jika jauh didengar-dengarkan,
Jika dekat dipandang-pandangan.

Klasifikasi dan Pandangan.

Pandangan Masyarakat Rembau Terhadap Adat Perpatih.

Untuk mengetahui apakah pandangan masyarakat Rembau terhadap adat Perpatih ini, penulis telah mengadakan temu bual dengan beberapa orang penduduk tempatan Rembau. Dalam hal ini penulis telah membahagikan masyarakat atau penduduk tempatan ini kepada empat golongan untuk mencari dan mengungkap apakah pandangan masyarakat serta golongan-golongan ini terhadap Adat Perpatih yang dikatakan: Tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas.

- 1 - Golongan ketua-ketua adat.
- 2 - Golongan terpelajar (intelektual) lelaki.
- 3 - Golongan terpelajar (intelektual) perempuan.
- 4 - Orang-orang awam.

Mengenai golongan masyarakat yang pertama, penulis telah sempat beberapa orang tokoh adat, salah seorang diantaranya ialah Encik Mohd. Sharif Fakoh Hasan. Beliau sekarang ini bertugas sebagai Penyelia Pelajaran bagi sekolah-sekolah Rendah Negeri Sembilan dan beliau telah banyak menyumbangkan bakti dalam Adat Perpatih dan beliau juga adalah diantara orang-orang yang sering membuatkan kertas-kertas kerja diperjumpaan dan seminar-seminar adat di Negeri Sembilan. Dalam jawatan adat, beliau sekarang ini ialah lembaga bagi suku Batu Hampar di Rembau.

Menurut Mohd. Sharif Fakoh Hasan, beliau sangat bersejaja

dengan sistem Adat perpatih yang berjalan di Membae sekarang ini khususnya dan di Negeri Sembilan lainnya. Jelas beliau lagi, Adat perpatih telah dapat memberi jaminan kepada orang-orang perempuan, kerana seperti yang diketahui perempuan merupakan kaum yang lemah dan perlu dilindungi. Dengan adanya harta ini, kaum perempuan akan dapat meneruskan hidupnya dengan agak baik walaupun tidak begitu sempurna. Seorang perempuan yang pergi merantau jauh, walau selama mana pun, ia tetap ada harta dalam kumpulan suku dan masyarakatnya. Pendek kata;

Tanah sesuatu,
Sawah selepak.

tetap ada.

Dalam bagaimana pun beliau mengakui adanya pertentangan Adat dan Agama tetapi beliau memberikan alasan bahawa Adat Perpatih lebih banyak kebelaikannya dari keburukannya, terutamanya dalam sistem pembahagian harta ini. Diantara keelokan dan kebelaikannya menurut beliau lagi ialah mengenai satu daripada ciri harta tersebut yang tidak boleh dijual dan digadai. Dengan adanya syarat ini maka harta-harta khususnya tanah-tanah adat di Membae tidak pernah berpindah tangan terutamanya kepada bangsa-bangsa asing.

Walaupun begitu, beliau menegaskan lagi bahawa bukanlah semua harta itu dianggap pusaka yang mesti diberikan kepada perempuan, harta carian adalah milik bersama anak-anak dan isteri yang boleh dibahagikan mengikut hukum faraidh. Pada pendapat penulis ini berlawanan dengan apa yang tercatat dalam buku, 'Membae, Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadatnya' dan ini telah penulis terangkan dalam bab yang lalu

Sebagai pembekuan belia beres-beres lagi, di mana beliau telah membuat contoh dengan dirinya sendiri, sekalipun beliau tidak berke atas tanah pusaka namun memendahkan kebaikan-kebaikan yang ada dalam adat itu, maka beliau tidak merasa terkilan di hati malah merelai harta itu dibahagi antara saudara-saudara perempuannya.

Seorang lagi tokoh adat yang sangat memberikan pandangannya ialah Tok Sirde (galeran). Beliau merupakan salah seorang daripada lembaga tiang belai yang berkesan di Sembau. Beliau juga bersetuju dengan adat adat permatih yang dilaksanakan di Sembau hingga sekarang ini. Secara keseluruhan beliau memberikan pendapat yang sama dengan anak abd. Karim yakni harus iaitu menekan kepada masalah jaminan kepada kaum wanita.

Menurutnya lagi, beliau merasa puas hati dengan pembahagian pusaka yang ada di Sembau sekarang kerana harta yang diberikan kepada anak perempuan ini lebih banyak moyang dahulu. Dan harta ini menurut beliau lagi tidak dapat dikatakan milik mereka sepenuhnya kerana tertakluk kepada ciri-ciri harta tersebut yang tidak boleh dijual dan digadai.

Oleh itu beliau menjelaskan, tidak ada berasa kecil hati, kerana menurutnya walaupun lelaki tidak berhak mendapat harta pusaka tetapi ia boleh menanggung harta isteri.

Orang ke kita,
Kita ke orang.

Manakala gulungan yang kedua pula, penulis telah sangat menemu

beberapa orang yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat. Antaranya ialah Encik Abdul Rahman Raah yang sekarang ini bertugas sebagai penyuluh di Jabatan Pengujian Selaga, Universiti Malaya.

Kemurut pandangan beliau, keseluruhan Adat Perpatih ini adalah baik kerana ia memberikan jaminan kehidupan kepada kaum wanita yang lemah. Sebagai seorang lelaki, ia mempunyai kekuatan untuk mencari dan menambah harta atau lebih tepat lagi seorang lelaki lebih mampu untuk membina kehidupan dirinya dan keluarganya. Beliau memberi contoh dengan dirinya sendiri di mana beliau mengatakan bahawa baginya lebih senang membeli tanah dan membuat harta dengan titik peluh sendiri daripada balik dan duduk di kampung.

Mengenai nikah kahwin dan pantang larangnya dalam Adat Perpatih terutamanya dalam masalah kahwin sesuku, beliau ^{berpendapat} bukanlah suatu yang menjadi masalah kepada masyarakat adat tersebut kerana masing-masing pihak (samaada lelaki atau perempuan) boleh mengambil jalan penyelesaian sendiri. Misalnya dengan menukar suku, makaudanya salah seorang mestilah berkorban untuk masuk ke suku lain.

Seorang lagi yang sempat ditemui ialah Encik Ahmed Majid, bekas Penolong Kazir Pelajaran Ugama Negeri Sembilan juga memberikan pandangan yang positif terhadap Adat Perpatih. Menurutnnya, antara kebaikan yang paling nyata ialah fungsinya, di mana ia dapat mengawal harta seperti tanah, itu ^{daripada} terjual atau tergadai atau berpindah tangan kepada bangsa-bangsa asing, kerana ciri-ciri yang ada pada harta itu tidak boleh dijual atau digadai.

Walaupun bagaimanapun beliau tidak menafikan peraturan begini tidak mengikut kehendak pekebun hagian syarikat. Sekali pun begitu menurut beliau lagi, lelaki khususnya anak lelaki maseh boleh mewarisi harta carian yang mana ianya boleh di bahagi mengikut hukum faraidh.

Mengenai peraturan nikah kahwin dalam adat tersebut, walaupun ianya merupakan prinsip asas, tetapi tidak begitu kuat di ikuti sekarang. Menurut beliau biasa terjadi perkahwinan sesama suku ini di Rembau, tindakan adat tidak begitu jelas sekarang. Cuma di waktu-waktu lalu perkara seperti ini sangat dipandang berat. Ini tidak menghairankan kerana pengaruh alam sekitar boleh mengubah sesuatu keadaan.

Berdasarkan suasana hari ini maka prinsip yang asas ini sudah tidak begitu diperhatikan lagi. Sebagai mengakhiri pandangannya beliau mengatakan bahawa dalam hal pantang larang nikah kahwin dalam Adat Perpatih sekarang ini : dilarang sangat pun tidak, digalakkan pun tidak. Yang jelas perkara ini biasa dan pernah terjadi di Rembau tetapi tindakan yang diambil tidak begitu jelas.

Seterusnya dalam kategori gulungan ketiga, penulis telah sempat mengadakan temu ramah dengan Puan Siti Rahmah Haji Kasim, bekas wakil rakyat kawasan terentang, Rembau. Sekarang ini beliau merupakan pengerusi kampong ibn Umar di Rembau.

Menurut pandangan beliau, Adat Perpatih dari beberapa segi lebih banyak mendatangkan kebaikan daripada keburukan. Jadi menurut beliau yang baik haruslah dikekalkan dan diamalkan, dijaga dan dipelihara. Manakala yang tidak baik boleh dibuang dan ditinggalkan misalnya dalam adat istiadat berkahwin seperti dalam upacara membasuh kaki, makan ber-

man dan sebagainya lagi yang tidak bersesuaian dengan keadaan.

Menikut pandangan beliau lagi, Adat Perpatih ini wujud adalah hasil daripada persefahaman dalam keluarga antara lelaki dan perempuan. Kaum lelaki pada kebiasaannya pergi merantau maka wanita telah diamanahkan buat mengusahakan kerja-kerja di sawah dan sebagainya. Oleh kerana itu kaum wanita telah diamanahkan memegang hak pesaka ini. Dan kaum lelaki pula merelakan. Tetapi sekarang, persefahaman seperti ini telah berkurangan, oleh kerana itulah ada timbulnya kaum lelaki mempersoalkan hak pesaka ini, kerana perasaan rela merelai itu sudah berkurangan. Dan bagi pandangan beliau lagi, kalau sudah ada perasaan rela merelai ini atau tegasnya kalau sudah ada kerelaan daripada lelaki kepada perempuan maka di sisi Islam perkara ini tidak menjadi masalah lagi.

Akterusnya beliau menyetujui pada keseluruhan Adat Perpatih ini memberi kebaikan terutama kepada kaum perempuan khususnya dan kepada masyarakat bumiputra tempatan semnya. Kepada kaum wanita ia merupakan jaminan untuk kehidupannya walaupun tidaklah boleh dikatakan mencukupi tetapi sudah dapat melindungi daripada hidup kelarat.

Adat Perpatih juga dapat menjamin hak milik bumiputera dari segi memiliki tanah. Menurutny lagi keadaan ini boleh dilihat di Rembau. Hari ini, tidak ada seorang pun penduduk tempatan Rembau yang tidak mempunyai tanah. Dan tidak ada juga tanah-tanah adat yang terjual atau tergadai kepada bangsa-bangsa asing. Ini merupakan ciri terbaik dalam adat tersebut di mana harta pesaka tidak boleh dijual atau digadai. Kalau dihidupkan semula persefahaman antara adik beradik dalam Adat Perpatih, beliau percaya Adat Perpatih adalah satu-satunya adat yang sangat istimewa.

beliau untuk melihat bagaimana orang-orang Melayu di belah
hari ini, semasa beliau meninjau kawasan wilayah raya, didapati
keadaan tanah-tanah orang Melayu di sana sangatlah teruk. Walaupun
bentuk rumah, berbentuk seni akhir orang-orang Melayu tetapi penghuni-
nya adalah bangsa asing sebabnya tanah dan rumah itu telah dijual.
Jelasnya lagi keadaan ini tidak pernah berlaku dalam Adat Perpatih.

Mengetahui perkahwinan sesuka, beliau berpendapat sebenarnya ia
tidak menjadi kesalahan di sisi syarak tetapi ia tetap dianggap pentas
larang dalam adat. Menurut beliau lagi, tujuan halangan kahwin sesuka
ini adalah baik iaitu untuk mengelakkan daripada mempunyai rasa cinta
dan kasih sayang berase sendiri yang disifatkan seperti serumpun.
Para-para doktor juga mengelakkan bertukar darah dengan orang-orang
yang jauh daripada keluarga dan keturunan dan tidak mengelakkan kahwin
serumpun.

Menurut beliau lagi, kalau dilihat dari segi sosial juga jelas
kebaikan Adat Perpatih ini. Ungkapan kata seperti suzhang saperjulanen,
suzhang sekedudukan, suzhang pemendagan romang nyate menunjukkan
unsur-unsur kebaikan. Cuma kalau wujud yang kurang baik dalam adat
ini adalah kerana salahambilan daripada setengah orang lelaki atau
mungkin juga salahambilan daripada setengah orang perempuan. Pada
umumnya pada pandangan beliau lagi, Adat Perpatih adalah baik dan beliau
menyokong penuh dan bersetuju dengan prinsip-prinsip asas dan unsur-
unsur kenasyarakatan yang ada dalam Adat Perpatih itu.

Dalam perengkat gulungan yang terakhir ini iaitu gulungan orang

orang awam, penulis telah membuat tinjauan dan temu ramah dengan beberapa orang lagi penduduk tempatan nombu, yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Penglibat mendapati kebanyakan daripada mereka samaada golongan tua dan kebanyakan orang muda adalah bersetuju dengan dasar Adat Perpatih ini. Walau pun begitu ada juga terdapat daripada setengah golongan orang muda yang mendapat pelajaran yang agak baik yang tidak begitu setuju dengan pembahagian harta pusaka yang meninggalkan hak mereka lebih-lebih lagi dengan masalah kahwin sesuka yang dilarang.

Menurut mereka, sepatutnya hak ini mesti diberikan kepada orang lelaki juga, kerana di sisi Islam mereka berhak mendapatnya. Beterusnya pada pandangan mereka, dahulu Adat Perpatih memberi kepentingan kepada wanita kerana mereka keseluruhannya duduk di rumah dan tidak mendapat pelajaran yang baik, tetapi sekarang kaum wanita telah ramai mendapat pelajaran yang baik dan menyandang jawatan yang berpendapatan lumayan, atau ringkasnya sudah boleh hidup mewah dengan titik peluh sendiri, jadi tidak perlu lagi diberi harta untuk perlindungan dirinya.

beliau masih mendapat tempat di hati orang-orang Melayu di Kelaka hari ini, karena beliau mempunyai kesukaan pilihan raya, didapati keadaan tanah-tanah orang Melayu di sana sangatlah teruk. Malapunt bentuk rumah, berbentuk seni ukir orang-orang Melayu tetapi penghuninya adalah bangsa asing sebabnya tanah dan rumah itu telah dijual. Belasnya hari keadaan ini tidak pernah berlaku dalam adat Perpatih.

Mengenai perkahwinan seruku, beliau berpendapat sememangnya ia tidak menjadi kekeliruan di sisi syarak tetapi ia tetap dianggap hantang dalam adat. Menurut beliau lagi, tujuan balangan kahwin seruku ini adalah baik iaitu untuk mengelakkan daripada mempunyai rasa cinta dan kasih sayang secara sendiri yang disifatkan seperti serumpun. Para-para doktor juga menggalakkan bertukar darah dengan orang-orang yang jauh daripada keluarga dan keturunan dan tidak menggalakkan kahwin serumpun.

Menurut beliau lagi, kalau dilihat dari segi sosial juga jelas kebaikan adat perpatih ini. Ungkapan kata seperti sumbang saerjalana, sumbang sekedudukan, sumbang pemandangan memang nyata menunjukkan unsur-unsur kebaikan. Cuma kalau wujud yang kurang baik dalam adat ini adalah kerana salah ambilkan daripada setengah orang lelaki atau mungkin juga salah ambilkan daripada setengah orang perempuan. Pada umumnya pada pandangan beliau lagi, adat Perpatih adalah baik dan beliau menyokong teruk dan bersetuju dengan prinsip-prinsip asas dan unsur-unsur kemasyarakatan yang ada dalam Adat Perpatih itu.

Dalam perangkat galungan yang terakhir ini iaitu galungan orang

orang suam, penulis telah membuat tinjauan dan sama rapat dengan beberapa orang lagi penduduk tempatan setempat, yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Penulis mendapati kebanyakan daripada mereka mahu ada gulungan tas dan kebanyakan orang muda adalah bersetuju dengan dasar Adat Perpatih ini. Walau pun begitu ada juga terdapat daripada setengah golongan orang muda yang mendapat pelajaran yang agak baik yang tidak bersetuju dengan pembahagian harta pusaka yang meninggalkan hak mereka lebih-lebih lagi dengan masalah kahwin pusaka yang dilarang.

Kemurut mereka, sepatutnya hak ini mesti diberikan kepada orang lelaki juga, kerana di sisi Islam mereka berhak mendapatnya. Beterusnya pada pandangan mereka, dahulu Adat Perpatih memberi kepentingan kepada wanita kerana mereka keseluruhannya duduk di rumah dan tidak mendapat pelajaran yang baik, tetapi sekarang kaum wanita telah ramai mendapat pelajaran yang baik dan mengendang jawatan yang berpendapatan lumayan, atau rangkanya sudah boleh hidup enak dengan titik peluh sendiri, jadi tidak perlu lagi diberi harta untuk perlindungan dirinya.

Ulasan dan Pendapat.

Dalam bab-bab yang telah lalu penulis telah coba menguraikan secara umum walaupun tidak secara terperinci mengenai Adat Perpatih yang berjalan di Merbau sekarang ini dan penulis telah coba menarik perhatian kepada unsur-unsur yang bertentangan dengan kehendak agama.

Setakat yang penulis telah buat kajian, maka didapati adanya unsur-unsur yang berlawanan dengan kehendak Islam yang jelas dalam segi pembahagian harta, nikah kawin dan dalam hal hukum adat.

Pembahagian pusaka yang dilakukan di Merbau hingga sekarang ini ialah memberi kepentingan kepada sebelah pihak iaitu pihak perempuan tanpa menghiraukan kehendak-kehendak syariat Islam yang menetapkan bahawa lelaki juga adalah waris yang wajib mendapat pusaka lelaki melebihi kaum wanita. Alasan yang diberikan oleh tokoh-tokoh Adat dan kebanyakan daripada anggota masyarakat Adat Perpatih ialah untuk memberi jaminan kehidupan kepada keturunan (adik beradik) perempuan.

Sebetulnya pada pendapat penulis, alasan ini adalah satu hal yang diada-adakan sahaja kerana kalau dilihat kepada prinsip asas Adat Perpatih ini, antaranya, mengira keturunan dari nisab ibu dan satu kumpulan masyarakat yang mementingkan suku akan jelas kelihatan bahawa pembahagian yang dilakukan sedemikian rupa adalah berdasarkan kepada prinsip yang dua ini.

Jadi, masalah yang ditimbulkan oleh Adat Perpatih yang bertujuan untuk memberi jaminan dan perlindungan kepada kaum wanita, sebenarnya

ini boleh dipersonalkan lagi sejauh mana keadilan & raka yang diper-
lakukan adat tersebut. Sejauh yang penulis tahu dan seperti juga
yang telah diterangkan sebelum ini, di dalam Islam sememangnya telah
tersedia peruntukan jaminan kepada kaum wanita. Lelaki bertanggung
jawab memberi jaminan kehidupan kepada dirinya sendiri dan keluarganya.

Kanak-kalasteri dan kaum wanita khususnya hanya bersifat menerima
dan memelihara harta milik mereka dengan tidak perlu membelanjakannya
kerana ini adalah urusan suami sebagai ketua rumah tangga. Di sinilah
letaknya hikmah Allah memberi kelebihan kepada lelaki dalam pembahagian
harta pusaka kerana memandangkan tugas dan tanggung jawabnya yang berat
terhadap keluarganya. Inilah ketetapan dari Allah Yang Maha Mengetahui
segala sesuatu yang tidak diketahi oleh manusia. Kerana itu sebagai
seorang hamba yang beriman mestilah patuh kepada hukum yang digarís-
kannya. Dan manusia harus pula menyedari walau seberapa mana sekalipun
dan tidak akan dapat melebihi Ilmu Tuhan yang berkenaan kepada seluruh
dini alam ini.

Dari apa yang telah penulis perbincangkan, samaada dari bahan-
bahan bertulis maupun dari hasil-hasil temubual yang telah dijelaskan,
didapati alasan jaminan inilah yang selalu dikegukakan mengenai per-
sualan ini. Umpamanya dalam masa temu bual, beberapa orang antara me-
reka baik laki-laki atau perempuan, seruanya menekankan kepada masalah
yang sama iaitu pembahagian harta ini memberikan jaminan kepada wanita.
Sekali pun begitu mereka juga mengakui bahawa perkara ini bertentangan
dengan kehendak Uqama tetapi yang menghairankan kebanyakan mereka
masih lagi menganggap bahawa adat ini masih banyak membawa kebaikan.

penulis mengambil contoh dengan adat yang diberi oleh
Encik Ahmad Ajazab, bekas Bendahara Ugam Negeri Sembilan dan
Encik Abd. Karif Peto Hasan, seorang tokoh adat, yang mengakui
adanya perbandingan ini telata menurut adat yang diberi adat perpatih
ini dalam banyak segi di lebih memberikan lebih dari ada kebajikan
hinggalah kepada perbandingan supaya ini walaupun diakui wujudnya
perbedaan yang disebabkan ini.

Penulis merasakan, jika seorang Muslim itu telah mengahui wujud-
nya perkara yang berlawanan dengan hukum yang telah ditetapkan Allah
maka di situ tidak ada lagi kebaikan sebabnya itu adalah kebajikan
yang nyata. Kalau sudah terang perkara itu berlawanan dengan perintah
yang Allah telah berikan dalam kitab suci Al-Quran yang statusnya
lebih tinggi daripada perlembagaan sesebuah negara, kerana perlembagaan
maka boleh diubah dan dirinda sedemikian itu Allah tetap tanpa mengira
keadaan, suasana, masa dan zaman, maka wajiblah ia (adat) memerlukan
perubahan. Kerana bagi penulis yang penting bukanlah keaulian atau
kemegahan takan ujinya adat tersebut tetapi ialah kebenaran dan keadilan
nya di sisi Allah dan Rasul.

Antara alasan yang diberikan kepada mereka lagi, walaupun pesaka
diberi kepada perempuan, namun anak lelaki masih boleh mendapat harta
secara faraidh dalam pembahagian harta carian. Dari apa yang penulis
fahamkan dari buku 'Rembau, Sejarah Perlembagaan Adat Dan Istiadatnya',
harta carian dikatakan mestilah berpindah kepada anak perempuan jika
mati isteri, kalau suami yang mati, harta tinggal kepada isteri untuk
bakal milik anak atau anak ^{anak} perempuannya.

selain itu begitu, mungkin mereka maksudkan harta carian di sini sebagai harta yang dibeli oleh orang tua seperti kebun getah. Dalam hal ini penulis mengakui pengurusannya di sini ialah, tetapi apa yang penulis rasai ialah harta carian seperti ini yang dinisbahkan kepada tanah adat (disebut Customary land), kerana seperti yang dikatakan oleh beberapa orang di antara mereka dalam masa temubual, di mana harta carian seperti ini juga boleh dinisbahkan kepada tanah adat iaitu dengan cap customary land pada geran tanah tersebut dan pembagiannya adalah mengikut pembahagian pusaka yang dituntutkan perbarianya kepada perempuan.

Pada pandangan penulis, perkara yang seperti ini telah terkeluar dari dasar yang ditetapkan oleh Islam. Sebagai kesimpulannya penulis merasakan, walau pada asalnya keadaan ini (tanah pusaka) mungkin kerana mendatang atau menempolnya (harta carian yang dinisbahkan kepada tanah adat) maka pembahagian yang dilakukan berdasarkan sistem pembahagian adat tersebut adalah bertentangan dengan Islam.

Ada juga yang memberi pandangan pembahagian pusaka yang begini bukan hanya memberi jaminan kepada perempuan, tetapi juga dapat menjamin hak pemilikan tanah bagi bumiputera di Kemboja. Dan ia membawa contoh keadaan hidup orang Melayu di Melaka, sebagai sebuah negeri yang tidak menggunakan sistem adat Perpatih.

Dalam hal ini, penulis berpendapat, sebenarnya ia memberi pemilikan tanah (secara adat) kepada bumiputera, tetapi apa yang berlaku pada hari ini banyak tanah-tanah kampung dan tanah sewah yang

tidak dijaga dan dibela. Dewasa ini bilangan ahli-ahli masyarakat Adat Perpatih telah bertambah berganda-ganda tetapi jumlah tanah adat senbisa tetap. Dengan ini bermaknalah melalui proses perwarisan yang berlaku berulang kali, berlaku pemecahan tanah adat sehingga jumlah tanah pusaka yang dimiliki oleh seorang wanita dalam masyarakat ini menjadi amat kecil.

Kadang-kadang hasil daripada pembahagian tanah yang seperti ini, untuk membuat nyak rumah pun tidak mencukupi. Jadi, bagi senbisa, kalau hanya ada nama sahaja sedangkan barang tidak dapat digunakan dan tidak mendatangkan hasil, serupalah keadaannya seperti tidak ada langsung. Kadang-kadang hal yang seperti ini juga boleh menimbulkan perpecahan dan pergesutan antara adik beradik kerana masing-masing mengaku punya hak dalam tanah tersebut sekalipun mereka menyedari harta itu tidak dapat memberi sesuatu keuntungan kepada mereka.

Jadi dalam hal inilah pada pandangan penulis kelebihan ilmu Tuhan dalam pembahagian harta pusaka. Memberi hak milik sepenuhnya kepada setiap ahli waris tanpa mengira laki-laki dan perempuan. Mereka boleh melakukan apa sahaja kepada hartanya sendiri sagada tujuannya itu baik atau buruk, ini semua terserahlah kepada budi bicara mereka sendiri. Apa yang penting ialah mengikut terlebih dahulu ketetapan yang dibuat oleh Allah. Tidakkah bermakna, kalau hanya lida dan lati mengaku beriman kepada Allah dan patuh kepada suruhannya, sedangkan perbuatan dan tindakan menyimpang daripada ajarannya.

Mengenai kedudukan masyarakat Melaka sekarang ini, penulis tidak

menafikan kemungkinan kebenaran ini tetapi penulis tidaklah berpegang kalau hanya disebabkan kerana tidak mengikut sistem pembahagian Adat Perpatih. Bagi penulis ini bukanlah kerana salah prinsip pembahagian tetapi ini semua adalah bergantung kepada masalah sikap seseorang itu. Di mana-mana sahaja negeri-negeri di Malaysia kedapatan tanah orang Melayu terjual kepada bangsa asing, jadi ini jelaslah kerana sikap orang Melayu sendiri yang tidak mengambil berat dan mungkin juga kerana sikap material mereka. Jadi tidak sewajarnya mengatasi keadaan ini dengan mengambil jalan mengorbankan hukum Tuhan kerana sebagai umat Islam wajibnya menegakkan hukum Islam itu walau dalam keadaan mana sahaja pun.

Menge-nai soal kerelaan yang ditimbulkan oleh mereka sebagai mana yang telah dinyatakan oleh salah seorang daripada mereka iaitu Tuan Piti Dahmah Haji Kasim yang mengatakan bahawa wujudnya Adat Perpatih ini adalah di atas persefahaman antara adik beradik lelaki dan perempuan. Jadi, lelaki telah merelakan harta tersebut diturunkan kepada perempuan, dan ini menurut beliau tidak lagi bertentangan dengan Islam.

Dalam hal ini, penulis berpendapat, soal kerelaan sebenarnya tidak timbul dalam Adat Perpatih. Apa yang penulis fahamkan prinsip pembahagian harta ini adalah asas. Samaada lelaki beri kerelaan atau tidak harta tetap kepada perempuan. Menurut Islam, kerelaan tidak boleh hanya dengan disifatkan begitu sahaja atau hanya kata mulut dari lelaki tanpa memperhitungkan pembahagiannya disisi Islam terlebih dahulu, kerana yang penting dalam hukum Tuhan ini ialah hak pemilikan individu terlebih dahulu. Selepas ditentukan hak ini, maka terserah-

lah kepada saudara lelaki. Kemudian marilah kita itu diberi kepada kepada saudara perempuan atau tidak. Demikian seperti inilah yang diakui dan dalam Islam.

Satu lagi perkara yang menjadi ketentuan dalam Adat Perpatih yang tidak dapat diterima oleh Islam ialah mengenai satu lagi prinsip adanya yaitu pantang larang adik kakak. Dalam Adat Perpatih, disamping menurut ketentuan Allah mengenai orang yang diharamkan kawin menurut syarak, juga telah menetapkan pembatasan dan larangan-larangan nya yang tersendiri yaitu dalam masalah kawin sesuku dan sewaris.

Sementara yang penulis terangkan sebelum ini, masyarakat adat Perpatih ialah masyarakat hidup bersekutu yang sama-sama maksudnya dengan adik beradik. Jadi mereka mendua dalam keadaan begini tentulah tidak boleh kawin mengahwini walaupun diakui syarak tidak menentang perkahwinan begini.

Menurut pendapat penulis, perkara anggapan tidaklah boleh dijadikan hukum yang pasti diikuti dan dipatuhi. Dengan memaksudkan sesuku sebagai adik beradik dan menetapkan pula pantang larang perkahwinan dalam hal tersebut berarti adat Perpatih bukan hanya tidak mengikut apa yang diperintahkan Tuhan tetapi juga telah cuba menentang hukum Allah. Dan ini haruslah disadari, lebih-lebih lagi dikalangan alim Ulama dalam masyarakat adat tersebut.

Penulis ambil contoh dalam hal perkahwinan ini di mana perkahwinan dua orang adik beradik sepupu yang ibu mereka bersaudara adalah tidak dibenarkan tetapi kalau ayah dan ibu mereka bersaudara dibenar-

kan dan kadang-kadang digelakkan kononnya supaya harta tidak berpindah kepada orang lain. Antara alasan yang diberi ialah perkahwinan yang sedarah atau serumpun tidak baik malah ada yang mengatakan bahawa para doktor sendiri mengakui kebenaran ini. Perkahwinan seperti yang ibu dan ayah mereka adik beradik tidak menjadikesalahan kerana mereka tidak sedarah dan serumpun.

Penulis tidak dapat mengukui alasan yang diberi ini kerana diantara dua orang seperti yang disebutkan diatas adalah sama statusnya. Sepatutnya mereka tidak perlu dikategorikan status dan kelasnya kerana penulis tidak nampak dari segi mana yang dikatakan mereka tidak serumpun dan sedarah sedangkan mereka sama sedatuk dan senenek. Islam tidak pernah meletakkan perbezaan ini.

Sebetulnya pandangan penulis lagi, semua ini adalah disebabkan dasar atau perinsip adat tersebut yang mengira keturunan dari nisab ibu, membenarkan perkahwinan antara dua orang seperti yang sekedim (kerana ibu masing-masing berseaudara & beerti menghilangkan kesalahan atau originaliti adat tersebut, lebih-lebih lagi di masa pembahagian pusaka di mana akan menimbulkan kerumitan kerana masalah susurgalur ini).

Dalam memperkatakan tentang perkahwinan seduku ini penulis ingin mengulas pendapat Encik Rahman Keek yang mengatakan bahawa penyelesaian boleh dicari dalam hal ini dengan pengorbanan salah seorang yang sanggup keluar dari suku asalnya dan masuk ke suku lain.

Sejauh yang penulis fahamkan saraada dari bahan-bahan bertulis

atau dari sumber-sumber lain, orang yang boleh masuk kedalam sesuatu suku ialah orang dagang ialah orang yang tidak ada terlibat dengan hal kerukuan, tetapi kalau ia anak tempatan yang memang telah sedia ada dengan suku sakatnya, maka perkara ini tidak ditekankan. Dan dari beberapa orang masyarakat adat dan tokoh adat yang sempat penulis kemukakan hal ini juga tidak pernah mengotakotai perkara ini lebih-lebih lagi keadaan ini tidak pernah terjadi.

Walaupun bagaimana pun, dari temubual yang penulis jalankan, ramai antaramereka yang mengatakan bahawa kawin sesuku ini sudah tidak begitu dipandang berat lagi dalam masyarakat adat. Hal serupa ini biasa dan pernah berlaku dikalangan anggota-anggota masyarakat Adat Perpatih di Rembau dan tindakan adat tidak begitu jelas.

Ini bukanlah bermaksud adat membenarkan perlakuan begini, kerana perkara ini dalam adat tetap merupakan prinsip asas yang menjadi kesalahan besar di atas polanggarannya. Tidak adanya tindakan ini adalah masalah pelaksanaan. Adat tetap tidak membenarkan.

Bagi pandangan penulis keadaan ini berlaku disebabkan adat tidak dapat menahan dan menentang kesedaran dari anggota masyarakatnya sendiri. Dan juga tuntutan masa dan keadaan dan zaman yang serba mencabar ini.

Penulis juga ingin menyentuh serba sedikit mengenai kedudukan undang-undang jenayah dalam Adat Perpatih. Kalau diperhatikan dari asas hukum jenayah dalam adat tersebut sebelum diganggu gugat oleh undang-undang barat, terang-torag berlawanan dengan hukum jenayah Islam.

sebagai prinsip hukum Islam, undang pemasa atau sebagainya.

Salaupun mungkin orang mempersoalkan di sini bahwa undang-undangnya di Malaysia hari ini juga tidaklah mengikut kehendak Islam tetapi sebenarnya ini bukanlah suatu persoalan bagi penulis kerana ini adalah masalah negara yang tidak mahu melaksanakannya. Apa yang penulis cuba menarik perhatian di sini, hukum yang ada diperuntukkan dalam adat tidak mengikut yang diperuntukkan dalam Islam dilihat dari sudut pandangan Islam.

Nyata hari ini, sejak beberapa lama, hukum jenayah dalam Adat Perpatih sudah dihapuskan dan digantikan dengan hukum jenayah barat yang diperuntukkan dalam konstitusi negara. Malangan-malangan ahli adat telah memberikan persetujuan.

Jadi, pada pandangan penulis, kalau ahli-ahli adat telah sanggup berkorban dalam hal hukum jenayah adat dan serba sedikit dalam masalah kahwin suka maka sewajarnya lah pembahagian harta dan prinsip perkahwinan serta pantang larangnya dipecahkan dari dasar adat dan kembali kepada hukum Allah s.w.t. .

Disini penulis berharap kepada mereka supaya meninggalkan adat-adat yang berlawanan dengan hukum Islam supaya kembali kepada jalan Allah yang Maha Bijak kerana tiap-tiap hukum dalam Islam itu adalah semata-mata untuk kebajikan manusia sarada terhadap perseorangan, keluarga, masyarakat dan negara seluruhnya.

Malaysia begitu tidaklah semua yang terkandung dalam adat Perpatih ini bertentangan dengan nas syarak dan hukum Islam. Penulis tidak menafikan adanya kebaikan ini terutama sekali dalam hal-hal yang berhubung dengan kekeluargaan dan kemasyarakatan. Penulis merasakan kalau perkara yang bersabit dengan pembahagian pesaka dan pantang larang nikah kahwin dalam adat ini dapat selari dengan ketentuan syarak maka pandangan penulis, Adat Perpatihlah yang paling istimewa di Malaysia khususnya kepada masyarakat Melayu yang mengamalkannya. Anak-anak tempatan seolah beranggapan bahawa mereka mempunyai adat yang istimewa bukan sahaja dapat diterima oleh masyarakat keseluruhannya tetapi yang penting ia diakui keesahannya di sisi syarak dan Agama.

Penutup.

Berkaitan dengan Adat Perpatih dilihat dari dua sudut, yaitu dari sudut pandangan Islam dan pandangan masyarakat Rembau. Penulis telah cuba menonjolkan pertentangan yang wujud dalam adat tersebut dengan kehendak penyariat Islam yang suci. Bukanlah tujuan penulis untuk mengatakan Adat Perpatih ini tidak baik keseluruhannya tetapi apa yang ingin penulis sampaikan dalam kajian yang ringkas dan sederhana ini ialah keadaan-keadaan dan dasar-dasar yang berlawanan dengan dasar yang ditetapkan oleh Islam terutamanya dalam dua segi: pembungkian harte dan pantang larang dalam nikah kahwin.

Berdasarkan daripada temubual dan temuramah yang penulis jalankan dengan penduduk-penduduk tempatan Rembau, penulis membuat kesimpulan bahawa kebanyakan daripada mereka baik lelaki maupun perempuan tetap mempertahankan adat ini. Apakah ini sebagai satu pertanda bahawa Adat Perpatih akan tetap utuk keasliannya, dan apakah adat ini memang benar tidak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas, tidaklah penulis bermaksud untuk meramalkannya di sini.

Penulis tidaklah menafikan bahawa Adat Perpatih muncul terlebih dahulu daripada kemasukan Ugam Islam di Minangkabau. Apabila Islam tersebar luas ia diterima baik oleh masyarakat adat tetapi diubahsuai dengan kehendak adat. Apa yang dilakukan ialah menokok tambah di mana yang tidak lengkap tetapi tidak mengubah dasar adat itu.

Bagitulah kuatnya pengaruh adat dalam masyarakat Melayu yang beradatkan Adat Perpatih samaada di Minangkabau maupun di Negeri Sembilan khususnya di Rembau. Kalau disorot kembali dalam bab-bab

yang telah lalu sebagaimana penulis telah terangkan, di samping adat itu dianggap sebagai sebahagian daripada agama. Ini merupakan suatu yang perlu diberi perhatian kerana sekali pun adat itu diakui sebagai salah satu sumber ^{hukum} pemerintahan, tetapi mestilah diketahui pula apakah adat yang diterima dan diakui itu. Apa yang penulis fahamkan, adat yang diakui sebagai sumber ^{hukum} pemerintahan dalam Islam ialah sesuatu yang pada dasarnya tidak bertentangan dengan hukum Allah atau pun sesuatu yang selari dengan hukum Tuhan.

Jadi di sini berdasarkan daripada keterangan yang telah penulis huraikan dalam bab-bab yang lalu, maka Adat Perpatih dalam beberapa segi tidaklah dapat dianggap sebagai adat yang sah dan diterima di sisi Islam, kecuali jika ia dalam kadar dan prinsip yang bertentangan dapat ditinggalkan atau dipinda dari adat tersebut.

Penulis ingin menyentuh mengenai perbilangan adat yang mengaturnya {

Adat bersendi hukum,
Hukum bersendi Kitabullah,
Syarak mengata, adat menurut.

hanyalah pada teorinya sahaja, sedangkan praktiknya tidak diamalkan sepenuhnya. Atas-kata ini timbul mungkin kerana kesedaran setengah pihak yang menyedari hakikat Islam yang sebenarnya, dan ia bukanlah wujud sewaktu wujudnya Adat Perpatih ini. Seperti yang penulis katakan kewujudannya adalah kerana keinsafan di satu pihak yang menyedari Islam.

Sebagai umat Islam yang menyedari hakikat dan kehendak-kehendak

Islam yang tidak haruslah sanggup melahirkan apa saja bentuk kesalahan dan penyelewengan yang berlaku dalam kehidupan masyarakatnya, berse-
suaian dengan kehendak Allah yang mengatakan bahwa manusia (orang
Islam) adalah sebaik-baik umat yang dijadikan bagi menyeru manusia
ke arah kebaikan dan melarang segala kemungkaran.

Umat menjaga kesucian agama Islam dan mendapatkan keredhaan
Allah terhadap masyarakat Islam keseluruhannya dan di Rembau khasnya
maka sekali lagi penulis berkrap kepada kalangan-kalangan ahli adat
supaya meneliti perkata ini dengan hati terbuka serta menghayati
kehendak Islam yang sebenarnya supaya dua prinsip dan dasar Adat
Perpatih ini dibuat perubahan selari^{dengan} ketentuan syarak kerana adat
sendiri mengakui, adat itu bukanlah suatu yang statik yang tidak boleh
diubah dan dipinda.


Sememangnya-lah, setiap perubahan itu akan meninggalkan perasaan
kejanggalaan dan keganjilan tetapi ini semua adalah perkata biasa,
yang lama kelamaan akan bersedia juga menerima perubahan tersebut
lebih-lebih lagi kalau perubahan itu menuju kearah kebaikan.

Penulis merasakan, tidak adalah gunanya mempertahankan sesuatu
yang memang diakui ujudnya kesalahan dan penyelewengan. Yang penting
bukan keaslian atau originaliti dan tahan ujinya sesuatu adat atau
kebiasaan itu, sebaliknya ialah keredhaan dan keesahannya di sisi
Allah.

* Dan tidaklah patut bagi lelaki yang mukmin dan juga wanita
yang mukmin, apabila Allah dan Rasulnya telah menetapkan sesu-
atu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan yang lain
tentang urusan mereka. Dan barangsiapa mendurhakai Allah
dan Rasulnya, maka dia telah sesat, kesesatan yang nyata".

Peta Daerah Rambou.

157



BIBLIOGRAFI.

- Abbas Haji Ali, Rebuan, Sejarah, Perkembangan dan Adat
Ketiadatannya, Pejabat Cetak Kerajaan Johor
Cetakan 1, 1953.
-, Sebahagian Dari Dasar Adat, Kartaskerja
di Seminar Persejajaran dan Adat Perpatih
anjuran Majlis Melia Negeri Sembilan,
pada 9 - 12hb. April, 1974.
- Abdullah Sidik, Pengantar Undang-undang Adat Di Malaysia,
Penerbit Utusan Melayu, Kuala Lumpur,
Cetakan 1, 1975.
-, Adat Dan Kodensasi, Kartaskerja di Se-
minar Persejajaran dan Adat Perpatih,
anjuran Majlis Melia Negeri Sembilan,
pada 9 - 12hb. April, 1974, (stensilan).
- Abd. Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Utusan
Melayu berhad, Kuala Lumpur, Cetakan 1,
1975.
-, Kemurnian Dalam Adat Perpatih, Kartaskerja
di Seminar Persejajaran dan Adat Perpatih
anjuran MBNS, pada 9 - 12hb. April 1974.
-, Hubungan Rangkaian dengan Negeri Sembilan
Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan, Penerbit
Pustaka Asas Negeri, 1970.

- Abd. Rahman Mohamad,
Dasar-dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara,
 Kuala Lumpur, 1968.
- Azizah Kasmim,
Kedudukan Wanita Dalam Masyarakat Melayu.
 Heradat Perpatih di Negeri Sembilan, Tesis
 B.A. Jabata Pengajian Melayu, Universiti
 Malaya, Kuala Lumpur, 1969.
-
Kedudukan Wanita Dalam Adat Perpatih di-
Negeri Sembilan, Kartaskerja di Seminar
 Persejorohan Dan Adat Perpatih di Negeri
 Sembilan, anjuran MBSB, Pada 9 - 12hb.
 April, 1974, (stensiion).
- Ahmad Al Kueri,
An-nikah wal-mahilah al-muta'alah bih,
 Maktubah Al kulliah Al ashariah, 1967.
- Abdul Rahman Qaj,
As-silalah ash-Shar'iah Wal Fiqhul Islamiah,
 Cutakan, 1955.
- Al Qur'an dan Terje-
 mahan,
 Pustaka Antara, Kuala Lumpur, Cetakan 1,
 1976.
- Buxbaum, D.G.,
Family Law and Customary Law in Asia, Mar-
 tinus Nijhoff, The Hague, 1968.
- Badran Abul Afnin
 Badran,
 Daarul Maarif, 1969.
- Josselin de Jong, F.B.,
Minangkabau and Negeri Sembilan Socio
Political Structure in Indonesia, Penerbit
 Bharatara Jakarta, 1960.

- Hockey, H.B., The Personal Law of Malaysia, Kuala Lumpur.
- Idris Haji Ghalib, Beberapa konsep penting dalam Sistem Adat Perpatih di Negeri Sembilan, Kertackorja di Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, anjuran MBNS, pada 9 - 12hb. April 1974.
- Mohamad bin S. Ali, Malay Customary Law/ Family, Intisary, Vol. II, Bahagian 2.
- M. Nasroen, Dasar Falsafah Adat Minangkabau, Penerbit Bulan Bintang, Jakarta, Cetakan 2, 1971.
- Mokhtar Kala, Menaggali Hukum Tanah Dan Hukum Waris, Percetakan Sri Dharma, Padang, Indonesia.
- M. D. Nasroen, Sejarah Minangkabau, Penerbit Bharata, Jakarta, 1970.
- Mohd. Sharif Fakoh Hasan, Sejarah kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan Kaitannya di Minangkabau, Kertackorja di Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, anjuran MBNS, 9 - 12hb April, 1974.
- Mohd. Rashid Manggis di Kedjo Pangkoeloe, Minangkabau Sejarah Dan Adatnya, Penerbit Sri Dharma, Padang, (Indonesia).
- Nordin Sebat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Penerbit Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1976.

- Par and Mackray, Rembau, one of the nine states; Its History Constitution and Custom JMBRAS, No 56, 1910.
- Perluombagaan Jabatan Cetaş Kerajaan , K. Lumpur, 1972.
- Persekutuan,
- Ramli Ibrahim, Sejarah lalu Perkenaan Persejajaran Dan Adat Perpatih, Kertaskerja di Seminar Persejajaran Dan Adat Perpatih, anjuran MEMS, pada 9 - 12hb. April, 1974.
- Rais Yatim, Undang-undang Adat Perpatih; Common law and Equity, (Satu analisa perbandingan), Kertaskerja di Seminar Persejajaran Dan adat Perpatih, anjuran MEMS, 9- 12hb April, 1974.
- Small estate 1955, Revised 1972, Act 93.
- (Distribution) Act,
- T. H. Dt, Radjo Rangkaian Mustiko Adat Bersandi Syarak, Lembaga Kerapatan Adat Alam Melayu, Sumatra Barat, Indonesia.
- Taylor F. N. , The Customary Law of Rembau, JMBRAS, Vol, xv, Part. 1, 1937.
- Sayid Sabiq (Alih Fiqh Sunnah, Sölok belok perkahwinan dalam bahasa oleh) Islam, Jilid 1, Penerbit Araz Bandung, Tanpa tarikh.
- Mahyudin Shaf,